


Jilid I
Bil. 23



MALAYSIA

Hari Selasa
13hb Julai, 1971

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 2693]

USUL²:

Ranchangan Malaysia Kedua 1971—1975 (Hari Kedua) [Ruangan 2737]

MALAYSIA
DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 13hb Julai, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH
ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M.,
P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN,
S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI
JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, Yang Berbahagia TAN SRI V.
MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI
MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR
BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P.
(Kinabalu).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU
SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Masharakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH
BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E.
(Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG
KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD
(Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO'
ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Setia-usaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

„ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

„ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).

„ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).

„ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

„ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

„ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

„ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J., (Muar Selatan).

„ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).

„ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).

„ CHEGU BAUDI BIN UGGUT (Bandau).

„ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

„ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

„ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

„ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

- Yang Berhormat TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato' Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TAN SRI KHAW KAI BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- Yang Berbahagia TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- Yang Berhormat TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAHIR BIN ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).

Yang Berhormat WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Pasir Mas Hilir).

„ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P.
(Sabak Bernam).

„ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S.
(Muar Dalam).

Yang Berhormat TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

„ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

„ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).

„ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).

„ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).

„ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

„ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).

„ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).

„ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).

„ DR A. SOORIAN (Port Dickson).

„ TUAN SU LIANG YU (Bruas).

„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

„ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P. P.J.K. (Rembau-Tampin).

„ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).

„ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PETRA (Kimanis).

„ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).

„ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).

„ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).

„ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

„ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).

„ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).

„ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).

„ TUAN V. VEERAPPAN (Seberang Selatan).

„ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

„ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA
(Kota Star Selatan).

„ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADHIR:

Yang Amat Berbahagia Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.
(Melaka Tengah).

„ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI
TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E.,
Q.M.C. (Ulu Rajang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN
MAHMUD (Samarahan).

Yang Teramat Mulia TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N.
(Kuala Kedah).

Yang Berhormat DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).

„ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

„ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K.,
K.V.O., O.B.E. (Marudu).

Yang Berhormat DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).

„ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN
YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).

„ Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, Yang
Berbahagia TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N.,
D.I.M.P., P.D.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Meshuarat).

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

PASOKAN BOLA SEPAK/KERANJANG CHINA KOMINIS—JEMPUTAN

1. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kebu-
dayaan, Belia dan Sokan menyatakan ada-kah
Kementerian beliau akan menjemput pasukan

bola sepak dan bola keranjang China Kominis
untuk mengambil bahagian dalam Kejuaraan
Ulang Tahun Kemerdekaan pada bulan Ogos
1971, kalau tidak, mengapa.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan
(Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah):** Tuan
Yang di-Pertua, jawab-nya tidak, kerana
Pertandingan Bola Sepak Kejuaraan Ulang
Tahun Kemerdekaan ada-lah semenjak 1957
di-selenggarakan dan di-uruskan oleh Per-
satuan Bola Sepak Malaysia, bukan Kemen-
terian Kebudayaan, Belia dan Sokan. Dan

jemputan kepada negara² untuk mengambil bahagian di-dalam Pertandingan Bola ini adalah di-buat oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia. Tentang Pertandingan Kejuaraan dalam Ulang Tahun Kemerdekaan bagi Pertandingan Bola Keranjang, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan tidak ada pertandingan sa-macam ini di-adakan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Soalan tambahan. Ada-kah di-anggap oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, jemputan yang di-chadangkan itu akan menolong dengan sa-chara tidak langsung Kementerian Perdagangan kita dalam usaha-nya yang menuju kejayaan perdagangan antara negara kita dengan China Kominis.

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, bahawa jemputan ini tidak di-buat oleh Kementerian atau pun pehak Kerajaan. Jemputan untuk pertandingan ini adalah di-buat oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Soalan tambahan, Tuan Speaker, Boleh-kah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan ini beritahu kepada kami ada-kah usaha² yang di-jalankan oleh Kementerian-nya yang menjalankan dengan suatu kerjasama dengan Kementerian yang lain.

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Saya tidak faham soalan ini; di-lapangan apa; kerjasama dalam lapangan mana, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Soalan tambahan, Tuan Speaker, Mithal-nya jika jemputan yang di-chadangkan itu di-buat barangkali jemputan itu mungkin menjadi satu tektik yang berguna ia-itu ia-nya akan menawarkan hati pengganas² kominis yang di-katakan sedang berperang dengan negara kita.

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Kementerian tidak boleh membuat jemputan sa-macam ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita tidak ada perhubungan diplomatik dengan Kerajaan Negeri China pada masa ini.

Tuan Su Liang Yu: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, could the Honourable Minister

state the names of countries that have been invited for this Anniversary Tournament?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Ini soalan yang lain.

PASOKAN BADMINTON MALAYSIA— PERBELANJAAN

2. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan berapa jumlah wang yang telah di-belanjakan oleh Pasokan Badminton Malaysia apabila mereka mengambil bahagian dalam Kejuaraan Seluruh England dan sa-masa mengelilingi dunia baru² ini; ada-kah perbelanjaan tersebut di-biayaï oleh Kerajaan atau Persatuan Badminton Malaysia.

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, pehak Kerajaan tidak mengeluarkan apa² perbelanjaan bagi Pasokan Badminton mengambil bahagian dalam Pertandingan Juara England dan juga dalam lawatan pemain² ini ka-negara² lain sa-lepas pertandingan di-England. Perbelanjaan ini adalah di-biayaï oleh Persatuan Badminton Malaysia yang telah membelanjakan lebih kurang wang sa-banyak \$40,000.

Tuan Mohamed Khir Johari: Ada-kah Ahli Yang Berhormat itu hendak memberi derma kepada Persatuan Badminton Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu patut datang dari sa-belah sana (*Ketawa*).

Tuan Su Liang Yu: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, is the Honourable Minister aware that only a few players have been selected for all the international tournaments for the last few years and those who have been selected are usually the ones who shake hand with the Minister very often? Is it correct?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Saya tidak ma'alum perkara ini kerana pilihan adalah di-buat oleh Persatuan Badminton Malaysia dan barangkali Yang Berhormat Menteri Perdagangan boleh memberi penjelasan tentang ini sa-laku Yang di-Pertua Persatuan Badminton Malaysia.

BUKAN WARGANEGARA MENJADI AKITEK/AKAUNTAN/JURUTERA— BILANGAN

3. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan bilangan bukan warganegara di-negeri ini yang menjadi :

- (a) Akitek;
- (b) Akauntan; dan
- (c) Jurutera.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi butir² bilangan orang² bukan warganegara yang menjadi akitek, akauntan dan jurutera. Tetapi bilangan orang² bukan warganegara dan orang² asing yang berikut ada-lah di-keluarkan dengan Permit² Kerja dan Pas² Kerja :

	Permit Kerja	Pas Kerja	Jumlah
(a) Akitek ...	7	12	19
(b) Akauntan ...	90	89	179
(c) Jurutera ...	158	427	585

Mereka yang di-keluarkan dengan Permit² Kerja itu ada-lah termasuk-lah mereka yang berhak menjadi warganegara Malaysia.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Banyak Akauntan², Akitek² dan Jurutera² kita yang menganggor. Kalau di-Pejabat/Kementerian Buroh banyak nama² itu, apa sebab-nya orang² yang warganegara ini tidak di-beri kerja, orang yang lain di-beri kerja. Ada-kah dasar Kementerian Buroh begitu? Itu saya hendak tanya.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya menunggu untuk menjawab soalan yang ke-empat. Saya boleh jawab soalan itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tahu-kah Menteri Buroh ia-itu beberapa banyak orang² kita ia-itu warganegara yang mempunyai kelayakan yang tidak mempunyai pekerjaan di-negeri ini. Ada-kah Menteri itu tahu?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat itu menunggu jawapan yang ke-empat.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa-kah semua nama² mereka yang telah di-beri Pas Kerja atau permit kerja yang di-sebut oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi bekerja dengan Kerajaan, atau pun bekerja dengan kalangan swasta, atau pun persendirian?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, bilangan yang saya beritahu tadi itu tidak-lah termasuk orang² yang bekerja dengan Kerajaan atau pun self-employed.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Menteri yang berkenaan menyebutkan mereka² yang bekerja dengan pihak Kerajaan dalam bidang yang tersebut dan di-kalangan swasta?

Tan Sri V. Manickavasagam: Saya minta notis yang lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hor Cheok Foon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Could the Minister of Labour let us know the number of citizens

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak memberitahu, bahasa rasmi dalam Dewan ini ia-lah Bahasa Melayu. Kalau hendak berchakap dalam Bahasa Inggeris, tolong-lah beritahu atau minta kebenaran sedikit jangan langgar bahasa sahaja.

Tuan Hor Cheok Foon: Minta ma'af, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta izin untuk bertanya dalam Bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Saya boleh benarakan, bila saya ada larang.

Tuan Hor Cheok Foon: (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, I will put the question again. Could the Minister of Labour let us know how many citizens of this country who are architects, accountants and engineers have left Malaysia to practise in other countries in recent years? Any statistics, please?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu ada-lah soalan yang lain daripada soalan yang ada di-sini.

WARGANEGARA MENDAFTARKAN NAMA DI-PEJABAT BUROH

4. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan bilangan warganegara yang telah mendaftarkan nama di-Pejabat Buroh di-seluruh Malaysia yang mempunyai kelayakan² dalam bidang senibena, perkiraan dan kejuruteraan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, bilangan warganegara yang mendaftar di-Pejabat Pekerjaan di-Malaysia untuk mendapatkan pekerjaan dan memileki kelayakan dalam bidang² senibena, perkiraan dan kejuruteraan ada-lah saperti berikut:

Senibena	Tiada
Perkiraan (Sub-professional)	6
Kejuruteraan	9

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apa sebab sedikit sangat, itu chuma sembilan—tidak ada, dan tidak ada?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan barangkali tidak boleh: tidak ada, tidak tahu.

Tan Sri V. Manickavasagam: Saya pun tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua.

WARGANEGARA YANG MENGANGG- GOR—BILANGAN

5. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan bilangan warganegara yang menganggor di-negeri ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, bilangan orang yang mendaftarkan diri di-Pejabat² Pekerjaan di-seluruh Malaysia untuk pekerjaan sa-hingga tarikh 31hb April, 1971 ia-lah 159,859. Walau bagaimana pun ini tidak-lah menunjukkan jumlah warganegara yang menganggor kerana sa-tengah dari mereka telah pun bekerja dan menchari peluang² kerja yang lebih baik.

Mengikut anggaran yang terakhir, penganggoran di-Malaysia ada-lah di-anggarkan samai kira² 250,000. Maklumat tepat yang terakhir mengenai penganggoran akan didapati apabila data² banchi tahun 1970 diproseskan.

KUMPULAN² HARAM MEMERAS WANG

6. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar ada banyak kumpulan² haram dalam negeri ini yang memeras wang dari belia² yang menganggor terutama sa-kali wanita² jelita dengan chara berpura² hendak mendapatkan mereka pekerjaan tetapi akhir-nya sa-bilangan daripada wanita ini di-paksa menjadi pelachor dan di-seludupkan keluar negeri, jika sedar, nyatakan:

- tindakan yang di-ambil oleh Kerajaan terhadap Kumpulan² ini;
- tindakan balas yang di-jalankan oleh Kerajaan untuk mengawal anasir² tersebut daripada bermaharaja-lela dalam negeri ini; dan
- apa-kah nasihat Menteri supaya orang ramai sentiasa berwaspada daripada di-jerat oleh kumpulan² tersebut.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail): Tuan Yang di-Pertua, sa-tahu saya tidak ada banyak kumpulan² haram dalam negeri ini membawa wanita² ka-bandar besar dengan janji² memberi kerja. Walau bagaimana pun perkara ini tidak di-buat sa-chara organised syndicate, tetapi ada-lah oleh beberapa orang persaorangan sahaja. Tidak ada bukti² yang menunjukkan perempuan² itu telah juga di-bawa ka-luar negeri untuk di-paksa menjadi pelachor.

Tindakan yang di-ambil terhadap penganggor² pelachoran ia-lah dengan menda'awa mereka² itu di-Mahkamah di-bawah Kanun Keseksan dan Enakmen Perlindungan Perempuan² dan Wanita, Bab 156 (Women and Girls Protection Enactment, Cap. 156). Langkah² juga di-ambil untuk menghadkan mereka di-bawah Enakmen Kediaman Terhad, Bab 39.

Orang² awam di-nasehatkan supaya:

- mendaftarkan diri di-Pejabat Buroh Kerajaan bagi mendapatkan pekerjaan;
- mengawasi janji² untuk mendapat perkerjaan² bergaji lumayan oleh orang² yang tidak di-kenali;
- tidak terlalu memilih pekerjaan yang di-tawarkan oleh Kerajaan; dan
- berjaga² supaya tidak di-tipu daya oleh pertubohan² yang mungkin sa-benar-nya sen-diket pelachoran.

PENCHOLEKAN DI-KAWASAN PER- AYERAN MALAYSIA/THAILAND

7. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, memandangkan kapada satu kes cholek yang telah berlaku baru² ini yang di-perchayai di-lakukan oleh sa-kumpulan samseng dari Negeri Thai di-dalam kawasan perayeran Malaysia, ia-itu di-antara Kuala Perlis dan Pulau Langkawi, menyebabkan nelayan² serta juga pelanchong² yang menyeberang di-antara dua buah tempat² ini berada di-dalam ketakutan dan keloh kesah,

- (a) sama ada butir² penoh mengenai kejadian ini dapat di-beritahu kapada Dewan;
- (b) apa-kah langkah² keselamatan yang telah di-ambil oleh Kerajaan untuk menjaga keselamatan nelayan² dan pelanchong²; dan
- (c) sama ada Kerajaan Malaysia telah memberitahu Kerajaan Thai mengenai perkara ini dan meminta kerjasama-nya untuk menghapuskan perbuatan ganas ini.

Tun Dr Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya dua kes cholek telah berlaku di-dalam kawasan perayeran Malaysia di-sekitar Pulau Langkawi baharu² ini.

Kes pertama berlaku pada 7.4.71 di-Kuala Kasap Langkawi apabila sampan sa-orang lelaki China, tuan punya kilang kayu arang, telah di-langgar oleh sa-buah bot pencholek sa-masa perjalanan ka-kilang arang-nya itu. Sa-telah ia di-tangkap, pencholek² itu memaksa-nya menulis surat kapada adek-nya untuk mendapat wang tebusan sa-banyak \$30,000. Ada-lah di-ketahui bahawa pencholek² itu terdiri daripada empat orang Thai dan sa-orang Melayu Langkawi yang lengkap bersenjata pistol dan pisau. Sa-telah menerima pengaduan, pihak Polis Kedah telah menjalankan penyiasatan dan menahan Hassan bin Mohd. Jab dari Kampong Kolam Ayer Hangat, Langkawi sa-bagai orang tengah yang menyampaikan surat tebusan itu. Ia di-hadapkan ka-Mahkamah dan telah di-dapati bersalah dan di-hukum sa-lama dua tahun di-bawah Seksyen 5 (i) Kidnapping Act 41/61. Pihak Polis Thai telah juga menangkap sa-orang Thai berikutan dengan pengaduan pencholekan itu dan sedang menda'awa-nya ka-Mahkamah Thai.

Kes kedua berlaku pada 18.4.71 apabila sa-orang lelaki China, anak taukeh pukut tunda, telah di-cholek sa-masa bot-nya merapat ka-pantai Tanjong Dendang, Pulau Langkawi. Pencholek² itu telah meminta wang tebusan sa-banyak \$20,000 dalam masa 3 hari, tetapi mangsa pencholek itu telah berjaya melepaskan diri dari tempat tahanan-nya di-sabuah gua di-Selatan Thailand dan ia telah melaporkan kejadian itu pada Polis Thai di-Setol, Selatan Thailand. Ada-lah di-perchayai kes kedua ini di-lakukan juga oleh beberapa orang dari Thailand termasuk pencholek² dalam kes pertama itu.

Ma'alumat² tentang kedua² kes ini telah di-sampaikan kapada pihak Polis Thai untuk tindakan mereka.

Langkah² keselamatan yang telah di-ambil oleh Kerajaan untuk menjaga keselamatan di-perayeran itu ia-lah melalui kerjasama Kerajaan Malaysia dan Thai, dengan bertujuan mengujudkan satu sistem ronda berkoodinasi di-antara Tentera Laut Di-Raja Malaysia/Polis Laut/Jabatan Merin/Jabatan Kastam di-Pantai² Barat dan Timor di-kawasan² sempadan kedua² negeri tersebut. Atoran² untuk melaksanakan ranchangan ini sedang di-selenggarakan dan akan di-laksanakan apabila atoran² itu telah di-selesaikan. Sementara itu pasokan² T.L.D.M./Polis Laut, yang di-tambah dengan Lonchi 'PX' Polis sedang menjalankan tindakan² perondaan, untuk menchegeh Kejadian² yang saperti ini.

Mengenai kerjasama dengan Kerajaan Thai, Kerajaan Malaysia telah pun berhubung dengan Kerajaan Thai dan satu perjanjian berkenaan dengan rondaan berkoodinasi telah di-tanda-tangani di-Bangkok di-dalam bulan Mei, 1971.

ROMPAKAN KA-ATAS PEMANDU² TEKSI

8. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, memandangkan kapada kes² rompak pemandu² teksi kerap sangat berlaku, terutama-nya di-Ibu Kota Kuala Lumpur, apa-kah langkah² keselamatan yang telah di-ambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan pemandu² teksi dari menjadi mangsa.

Tun Dr Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Polis di-Raja Malaysia telah mengadakan beberapa mesuarat dengan Persatuan Ampunya/Pemandu² Teksi (Taxi Operators and Drivers Association) dan nasehat² chara mencegah berlaku-nya jenayah telah di-beri kepada pemandu² teksi. Mereka itu bersetuju mematuhi nasehat² tersebut. Langkah² telah juga di-ambil menambah rondaan oleh kereta rondaan polis di-tempat² yang kerap berlaku-nya kes² samun pemandu teksi itu dan beberapa serang hendap (*ambush*) telah di-lakukan untuk menangkap penyamun² tersebut.

KONVENSHEN PERTUBOHAN BUROH ANTARABANGSA NO. 87

9. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat mengapa Kerajaan tidak melaksanakan ketetapan² yang di-ambil di-dalam Konvenshen Pertubohan Buroh Antarabangsa No. 87 mengenai kebebasan berkesatuan dan ada-kah beliau sedar bahawa keengganan berbuat demikian menunjokkan bahawa Kesatuan Sekerja di-negeri ini tidak di-amalkan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, I.L.O. Konvenshen Bilangan 87 menyatakan tentang kebebasan berkesatuan dan perlindungan terhadap hak² untuk berkesatuan. Masaalah sama ada Malaysia boleh mengesahkan Konvenshen itu telah pun di-binchangkan oleh Jawatan-kuasa Kechil I.L.O. bagi Majlis Penasehat Buroh Bersama Kebangsaan yang terdiri dari wakil² majikan pekerja dan pegawai Kerajaan. Jawatan-kuasa kechil itu berpendapat bahawa Malaysia tidak boleh mengusahakan Konvenshen Bilangan 87 itu. Undang² Kesatuan Sekerja kita telah memberikan antara lain bahawa Kesatuan Sekerja di-Malaysia ada-lah di-kehendak di-daftarkan dan mendapat kelulusan dari Menteri bagi membolehkan bayaran yuran bergabung dengan badan² pertubohan pekerja atau majikan antarabangsa. Undang² kita juga berkehendakkan supaya Kesatuan Sekerja mengadakan ahli²-nya kepada trade occupation dan industry yang tertentu atau satu trade yang sama occupation yang sama atau industry yang sama. Memandangkan perbekalan ini konvenshen Bilangan 87 itu tidak boleh di-sahkan.

Walau bagaimana pun prinsip² Konvenshen itu telah dan maseh terus di-pakai di-negeri kita sa-laras dengan perisistihan dasar Kerajaan bagi menggalakkan pertubohan² dan perkembangan pergerakan kesatuan sekerja yang bebas, tegoh dan bertanggung-jawab di-negeri ini.

Mengenai bahagian kedua soalan itu, saya suka menyatakan bahawa bertentangan dengan pendapat Ahli Yang Berhormat ia-itu amalan berkesatuan sekerja di-Malaysia bukan-lah satu kenyataan, tetapi juga di-ketahui dan menjadi pengetahuan antarabangsa. Jika perjalanan Kesatuan sekerja tidak di-amalkan di-Malaysia sebagaimana yang di-tudoh oleh Ahli Yang Berhormat itu bagaimana-kah beliau boleh memberi pendapat-nya tentang kebenaran bahawa pemimpin² kesatuan sekerja kita seperti Enche' P.P. Narayanan, Enche' Zaidi, Enche' Gurnam Singh, Enche' Narendran, Enche' Donald Uren, Enche' Parameswaran, Enche' Duraippa dan beberapa orang lain ada-lah memegang jawatan yang penting dalam pertubohan antarabangsa. Ada-kah ini tidak membuktikan dengan jelas tentang pendirian tegoh Kesatuan Sekerja di-Malaysia dan peranan yang aktif yang di-mainkan bukan sahaja di-negeri ini tetapi juga di-antarabangsa.

PENGANGGORAN—BILANGAN DI-DAFTARKAN DI-PEJABAT BUROH

10. Tuan V. David minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan:

- (a) bilangan orang² yang menganggor sa-hingga 31hb Disember, 1970 dan sama ada perangkaan yang akan di-beri kelak akan di-ambil dari bilangan orang² yang mendaftar di-pejabat Buroh;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa beribu² orang yang menganggor telah tidak berminat lagi mendaftar nama² mereka di-Pejabat Buroh oleh sebab putus asa; dan
- (c) apa-kah langkah² yang akan di-ambil oleh beliau bagi mengatasi masaalah penganggor di-Malaysia.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, jumlah orang² yang menganggor di-Malaysia Barat pada akhir tahun 1970

ada-lah di-anggarkan sa-ramai 250,000. Ini ada-lah anggaran rasmi di-dasarkan kepada banchi² yang lalu dan lain² maklumat. Maklumat yang lebeh lanjut akan di-perolehi apabila analisa hasil² banchi penduduk dan perumahan 1970 itu siap kelak.

Kementerian saya tidak mempunyai alasan untuk memperchayai bahawa beribu² orang yang menganggor telah tidak berminat lagi mendaftarkan nama² mereka di-Pejabat Pekerjaan oleh sebab putus asa. Sa-balek-nya pula Perkhidmatan Pekerjaan telah berjaya memberi pekerjaan kepada 36,526 orang pendaftar² dalam tahun 1970 di-Malaysia Barat.

Langkah² yang Kerajaan berchadang bagi mengatasi masalah penganggoran ada-lah di-nyatakan dengan lanjut dalam Rancangan Malaysia Kedua, 1971-1973 yang Dewan sedang membahathkan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sukachita saya mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan berapa lama-kah biasa-nya sa-orang yang mendaftarkan diri di-Pajabat Buroh boleh mendapat kerja, atau pun di-panggil untuk di-interview dalam pekerjaan yang di-pohon oleh sa-saorang itu?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, ini terpulang-lah di-mana tempat registration itu, di-tempat mana dia meminta kerja dan apa-kah kerja yang di-minta-nya.

Tuan V. David: Soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan, siapa² yang mendaftarkan dalam daerah Petaling Jaya dan Ibu Kota, ada-kah mereka semua itu mendapat pekerjaan, jikalau tidak, berapa lama-kah dia terpaksa menunggu. Ada-kah 5 tahun, atau 10 tahun atau 2 tahun?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana saya menjawab satu soalan yang dahulu, bukan semua orang yang mendaftar nama di-Pejabat Pekerjaan itu tidak ada kerja. Ada juga orang mendaftar nama, kerana hendak mendapatkan pekerjaan yang lebeh baik dan bila di-panggil interview, dia enggan menerima-nya, oleh kerana dia sudah ada pekerjaan yang lebeh baik. Itu pun ada berlaku. Jadi di-Kuala Lumpur dan Petaling Jaya boleh-lah di-katakan bila ada kekosongan kerja yang di-kehendaki oleh

majikan, kita ada menghantarkan. Tetapi saya tidak boleh menentukan berapa lama-kah sa-orang itu mesti menunggu.

Tuan Walter Loh Poh Khan: (*Dengan izin*) The Honourable Minister just said to an earlier question that 275,000 people registered with his Ministry for jobs, and to this question he answered that only 36,000 had been employed—only 12 per cent. of the total unemployed each year are being given jobs. What steps is he going to take, because every year 88 per cent more will be added to the unemployed? What steps, will the Minister explain to us here in the House, he has taken or will take in order to solve this problem?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk berchakap dalam bahasa Inggeris for the benefit of the Honourable Member. (*Dengan izin*) Sir, in my reply to an earlier question I said—probably the Honourable Member did not understand—that there were 159,859 people registered in my Employment Exchanges. But I said also that the unemployment figure according to the census was 250,000. So he has confused these two figures. Registration in Employment Exchanges, I said, was 159,000, and I based also the figures that I gave just now—36,000—from registration in my Employment Offices. We have helped over 36,000 people in finding jobs. With regard to what the Government is doing to help these people in getting jobs, this is what we are discussing here to find ways and means to help them get jobs. If only the Honourable Member would see eye to eye with the Government and help Government in implementing its projects, I think we can find the jobs.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, apa-kah pandangan daripada Menteri yang berkenaan bahawa memang tiap² pekerjaan yang hendak di-isi di-kalangan Jabatan Kerajaan dan di-kalangan swasta itu benar² menerima nama² yang di-beri oleh Pejabat Buroh yang mana mereka mendaftarkan nama di-sana?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, siapa-kah majikan yang akan di-ambil bekerja, terpulang-lah kepada majikan. Jadi Kerajaan atau pun Pusat Pekerjaan, jadi satu badan yang menghantar registrants kepada majikan. Itu sahaja kerja Pejabat Buroh.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri Buroh telah menyatakan ada lebih kurang 250 ribu orang di-Malaysia Timor dan Barat yang tidak mempunyai pekerjaan, boleh jadi berbulan² atau bertahun² tidak mempunyai pekerjaan. Ada-kah chadangan Menteri Buroh untuk menanggung orang itu makan sementara waktu dia mendapat kerja? Ada-kah chadangan² itu, besok dia bayar bila dia dapat kerja.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya majikan macham Yang Berhormat itu boleh tanggung sedikit.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Dengan kenyataan Menteri yang berkenaan tadi bahawa nampak-lah pehak Kerajaan atau pun kalangan swasta tidak sa-mesti-nya menerima buroh daripada mereka² yang di-beri nama-nya oleh pehak Pejabat² Buroh atau pun Pejabat Menchari Pekerjaan. Jadi tidak-kah ini satu chara yang bertentangan dengan hasrat orang ramai yang mengharapakan Pejabat Buroh, atau pun Pejabat Menchari Pekerjaan mencharikan kerja² bagi-nya dengan sa-chara jujur dan sa-baik²-nya?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya katakan tadi Employment Exchange ia-lah sa-bagai helping hand kepada orang² yang menchari kerja, jadi sa-kira-nya majikan memilih pekerja²-nya sendiri, saya berpuas hati asalkan pekerjaan di-beri kepada sa-siapa pun.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Sedia-kah atau tidak Menteri Buroh itu hendak membuat shor² kepada pehak yang berkenaan supaya tanah boleh di-beri kepada orang² yang benar² tidak ada tanah yang menjadi satu langkah yang tidak sa-chara langsung yang boleh mengatasi masaalah penganggoran istimewa pula kepada kawasan Sitiawan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan yang lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah pehak Menteri yang berkenaan berchadang hendak mengadakan satu peratoran, atau pun satu syarat di-mana tiap² pekerjaan yang kosong yang hendak di-isi, hendak-lah di-terima daripada nama² yang di-hantar oleh pehak Pejabat Buroh.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Sa-patut-nya soalan tambahan ini tidak boleh lebih daripada 3 kali sahaja. Tiga kali itu sahaja, saya rasa sudah cukup-lah apa² hendak di-keluarkan daripada perkara itu. Ini sampai berpuluh² kali.

Tuan Hor Cheok Foon: (*Dengan izin*) According to the figures just now presented by the Minister of Labour, the registered amount of unemployed in his office is 159,000 and that according to the census it is 250,000; and also we know what he can do—it is to help about 30,000. May I ask the Minister of Labour whether he would consider, for those people for whom he could not do anything, or he could not help, giving them weekly assistance, say a certain amount, so many dollars per week, if they come and register with his Ministry, so that they can have something to go on while they are waiting?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang lain. He is talking about Unemployment Insurance, which is a very big thing.

PENGANGGORAN DI-KALANGAN BELIA²

11. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan apakah langkah² yang akan di-ambil oleh beliau bagi mengatasi masaalah penganggoran di-kalangan belia kita dan nyatakan bilangan belia yang menganggor bagi sa-tiap tahun.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada objektif² besar Rancangan Malaysia Kedua ia-lah mengadakan lebih banyak lagi peluang² pekerjaan bagi semua ra'ayat Malaysia lebih² lagi bagi pemuda². Untuk menchapai tujuan ini pembukaan tanah, latehan bagi belia dan rancangan² kerja raya di-sediakan. Satu daripada matlamat yang besar dalam plan ini ia-lah mengadakan peluang² kerja. Bagi menjawab bahagian terakhir, tiap² tahun lebih 120 ribu belia² memasoki pasaran buroh.

**PATONG TUNKU ABDUL RAHMAN
PUTRA AL-HAJ—JUMLAH
PERBELANJAAN**

12. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan:

- (a) berapa banyak-kah wang yang digunakan untuk membuat Patong Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang berada di-hadapan Bangunan Parlimen; dan
- (b) siapa-kah juru-ukir-nya dan di-negeri mana-kah di-buat patong itu.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan): Tuan Yang di-Pertua, (a) \$140,800; (b) Tan Sri D. Weldon. Patong ini di-buat di-Rome, Italy.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sa-tahu saya patong di-buat sa-lepas sa-saorang itu telah mati. Apa-kah sebab-nya patong Tunku Abdul Rahman ini di-buat-nya sa-belum beliau meninggal dunia?

Tun V. T. Sambanthan: Belum sampai lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Akan di-jawab bila sampai ka-soalan yang ketiga-belas.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Boleh-kah Yang Berhormat Menteri itu beritahu kepada Dewan ini, mengapa-kah pembuat patong itu tidak di-arahkan supaya membuat patong itu dengan betul, kerana nampak-nya patong ini bukan menunjukkan sa-orang Ketua Negara yang di-kasehi, yang matang dan yang bijak seperti yang ada dalam ingatan kita, sedangkan patong ini sekarang hanya merupakan sa-orang muda, walau pun chantek, tetapi muda macham sa-orang pelajar undang² yang baharu lulus pepereksaan?

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, bukan saya buat patong itu. Patong itu di-buat oleh Tan Sri D. Weldon. Tan Sri D. Weldon jadi sa-orang juru ukir yang terkemuka di-dunia.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapa-kah di-chari hari meletakkan patong Tunku Abdul Rahman itu pada hari yang naik-nya harga gula di-Malaysia ini? (*Ketawa*).

**TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA
AL-HAJ—MEMPERINGATI JASA²**

13. Tuan Abu Bakar bin Umar bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) mengapa amalan kolonial seperti mendirikan sa-buah patong telah di-lakukan bagi memperingatkan jasa² baik Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, yang mana amalan seperti itu ada-lah bertentangan dengan ajaran Islam dan beliau sa-bagai sa-orang Islam dan Islam ia-lah Ugama Rasmi negeri ini; dan
- (b) ada-kah Kerajaan berchadang hendak meroboh atau memusnah-nya sa-lepas mengetahui bahawa ini ada-lah bertentangan dengan ajaran Islam.

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, amalan mendirikan patong² peringatan bukan hanya perbuatan penjajah. Patong² peringatan telah di-dirikan sejak beberapa ribu tahun dahulu untuk orang² yang ternama, kesateria bangsa, penyair, ahli falasafah, pahlawan, raja² dan lain². Di-negara² Islam pun seperti Algiers, Mesir, Iran, Iraq, Libya, Serbia, Sudan, Jordan, Morocco dan Turkey ada terdapat patong² peringatan. Patong peringatan ini di-dirikan dengan perasaan besar hati dan kaseh mesra negara kita kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman di-atas pengorbanan-nya kepada kita. Patong peringatan ini di-dirikan sa-bagai kenangan abadi kita dan jenerasi yang akan datang kepada pemimpin ulong yang kita panggil Bapa Merdeka dan Bapa Malaysia. Ada-lah menjadi satu pembawaan kita, bangsa Malaysia memang mengenangkan budi dan jasa baik orang² kepada kita sa-hinggakan perasaan itu di-kekalkan di-dalam pepatah kita yang berbunyi: hutang emas boleh di-bayar, hutang budi di-bawa mati.

(b) Dengan latar belakang yang saya hurai-kan ini, maka ada-lah tidak sesuai bagi Kerajaan meroboh atau memusnahkan patong peringatan ini.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, apakah dengan mengadakan patong seperti yang tersebut boleh di-ibaratkan seperti hutang budi di-bawa mati? Apa-kah hutang budi itu berupa patong yang mesti di-bawa mati sampai ka-akhirat?

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, mengikut masing² fahaman. (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Nam-pak-nya kita ini suka membuat patong. Jadi ada-kah Menteri itu berfikir hendak buat banyak lagi patong tokoh² kita di-Malaysia ini?

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, jadi berma'ana-lah hanya sa-orang sahaja pemimpin yang perlu di-patongkan bagi Malaysia ini.

Tun V. T. Sambanthan: Kalau Ahli Yang Berhormat suka boleh juga buat satu patong.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak maksudkan bagi diri saya sendiri, sebab ada pemimpin² lain lagi, bagi saya, saya menentang soal patong ini, tetapi oleh kerana Menteri Yang Berhormat mengatakan bahawa membuat patong itu sa-bagai membalas budi—hutang budi di-bawa mati, ta' kan-lah sa-orang sahaja yang berbudi kepada Malaysia ini. Sa-lain Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman mungkin juga Tun Abdul Razak Perdana Menteri sa-bagai sa-orang pemimpin. Adakah Yang Berhormat itu berchadang hendak membuat banyak lagi patong² atau di-patongkan pemimpin² yang banyak dalam negara kita ini?

Tuan Yang di-Pertua: Di-timbangkan dari satu masa ka-satu masa.

JENIS SENI SILAT—PENGIKTIRAFAN

14. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan menyatakan:

- (a) berapa banyak-kah jenis seni silat yang ada di-Malaysia Barat pada masa ini dan terangkan nama² bagi tiap² jenis; dan
- (b) ada-kah Kerajaan berchadang hendak mengiktirafkan seni Silat Gayong sa-bagai Seni Silat Kebangsaan di-Malaysia.

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, ada 19 macham silat, dan nama²-nya ia-lah Silat Melayu, Silat Gayong, Silat 7 Hari, Silat Panchak Minang-

kabau, Silat Macham, Silat Harimau, Silat Sinding, Silat Terolak, Silat Kera atau pun Monyet (*Ketawa*), Silat Daerah, Silat Kerah, Silat Raja, Silat Chekak, Silat Kuntau Jawa, Silat Gayong Jawa, Silat Perlak, Silat Tebong, Silat Lintau dan Silat Suchi Hati.

Seni silat termasuk Silat Gayong ada-lah satu kesenian yang telah kita amalkan dari zaman ka-zaman yang telah kita pusaka² dari-pada datok nenek kita di-negara ini, dan dengan ini, silat ada-lah dengan sendiri-nya di-anggapi, di-pandang sa-bagai menjadi seni kebangsaan dan masaalah sama ada di-iktiraf atau pun tidak di-iktirafkan, itu tidak-lah rasa saya timbul.

Tuan Walter Loh Poh Khan: (*Dengan izin*). Will the Honourable Minister let us know whether he has encouraged non-Malays to participate in the Malay Art of self-defence?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: (*Dengan izin*). Sir, this is a matter for the non-Malays, if they like, to participate in Silat. They are welcome and they can join in any one of these organisations which are also open to non-Malays as members.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Adakah Kementerian yang berkenaan ia-itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan telah memilih mana² satu daripada berbelas² jenis silat seni Melayu ini menjadi chabang sokan yang di-aku² dan di-lateh oleh Kementerian ini sendiri?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Itu menyentoh.

BUMIPUTERA DALAM BIDANG PERUSAHAAN—PELUANG

15. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyata-kan:

- (a) langkah² yang telah di-ambil Kementerian beliau untok memberi peluang² kepada Bumiputera mengambil baha-gian dalam bidang perusahaan dan memadamkan tekanan² dari Sharikat² Perusahaan terhadap penyertaan Bumi-putera; dan

- (b) dalam lapangan pelaksanaan perusahaan apa-kah terdapat penyertaan Bumiputera.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Speaker,

- (a) Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah untuk membolehkan Bumiputera mengambil bahagian dengan lebih luas lagi dalam perusahaan perkilangan. Di-antara langkah² tersebut ia-lah:

(i) Suatu Bahagian di-Kementerian saya telah di-pertanggung-jawabkan khas untuk menentukan Bumiputera di-ambil bekerja dalam semua perengkat pekerjaan di-dalam perusahaan perkilangan. Baharu² ini saya telah pun membuat satu pengumuman dalam akhbar menerangkan dasar Kementerian saya atas perkara ini.

(ii) Di-bidang permodalan (equity participation) sa-kurang²-nya di-antara 10% hingga 20% daripada modal yang terkumpul dalam tiap² sharikat perkilangan ini ada-lah di-khaskan untuk Bumiputera. Dengan sa-chara tidak langsung ini akan menggalakkan lebih banyak orang² Melayu dan lain² bumiputera untuk mengambil bahagian yang aktif dalam perusahaan² sa-umpama ini.

(iii) Baharu² ini satu langkah lagi telah di-ambil oleh Kementerian saya ia-lah berthabit dengan pembahagian (distribution network). Kementerian saya sedang berikhtiar untuk menentukan supaya lebih banyak lagi peniaga² Melayu dan bumiputera di-beri peluang untuk menjadi wakil pembahagi² bagi hasil buatan yang di-usahakan oleh sharikat² perkilangan.

(iv) Sa-belum sa-suatu projek di-luluskan peluang istimewa ada-lah di-beri kepada Bumiputera yang memohon kelulusan terhadap projek itu.

Ada-lah tidak benar sharikat² perusahaan menekan Bumiputera yang ada menyertai di-suatu sharikat perusahaan. Apa yang berlaku sa-benarnya ia-lah persaingan bebas di-antara gedong² perusahaan dalam mana sa-suatu perusahaan yang di-kendalikan oleh Bumiputera terlibat. Satu chara yang dapat mengatasi persaingan ini ia-lah dengan memberi bantuan kepada mereka sa-hingga mereka boleh berdikari dan kemudian-nya harus-lah mereka boleh menandingi persaingan dari perusahaan yang saimbang tenaga dan kekukohan-nya. Bantuan² yang di-berikan kepada perusahaan Bumiputera berupa berbagai chorak. Satu daripadanya ia-lah apabila sa-suatu tender di-keluarkan bagi sa-suatu projek, sungguh pun sebut-harga dari Bumiputera itu lebih mahal sedikit, tender dari Bumiputera itu boleh di-timbangkan oleh pihak yang berkuasa.

(b) Penyertaan Bumiputera kebanyakannya ia-lah dalam perusahaan² kecil. Dalam perusahaan yang sederhana dan besar, penyertaan Bumiputera tidak banyak bilangan-nya tetapi pada masa ini dengan penyertaan MARA, PERNAS dan lain sharikat² permodalan Melayu yang besar, bilangan Bumiputera mengambil bahagian di-dalam perusahaan² sederhana dan yang besar di-jangka akan meningkat.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Kira-nya berlaku tekanan, bolehkah Yang Berhormat Menteri ini memberi bantuan kepada orang yang kena tekan itu?

Tuan Mohamed Khir Johari: Memang boleh, ta' payah tanya soalan itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Boleh-kah Menteri Perusahaan dan Perniagaan menyebut satu atau pun beberapa perusahaan moden yang di-punya² oleh Bumiputera hasil daripada anjoran pihak Kementerian tersebut yang bukan di-biaya², atau pun di-modal-samakan oleh Kerajaan.

Tuan Mohamed Khir Johari: Satu daripada perusahaan yang pada ingatan saya, satu yang terbesar dan saya perchaya akan berjaya ia-lah satu sharikat yang membuat garam yang di-punya'i oleh orang Melayu dan satu lagi yang besar ia-lah di-Sabah ia-itu sharikat untuk membuat oksigen dan juga satu sharikat kilang papan dan sa-bagainya. Ada banyak-lah sharikat² yang lain yang kalau Ahli Yang Berhormat itu berkehendak, saya boleh memberikan list yang sa-penohnya untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu.

PENSHARAH² DI-UNIVERSITI² MALAYA/PULAU PINANG/ KEBANGSAAN

16. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) bilangan pensharah² di-Universiti Malaya, Universiti Pulau Pinang dan Universiti Kebangsaan yang terdiri dari:

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) bukan warganegara; dan

(b) universiti yang mana kekurangan pensharah dan bila pensharah² ini akan di-ambil dan dari mana.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan:

(a) bilangan pensharah termasuk mahaguru² ia-lah:

Universiti di-Malaya:				
Jumlah	...	...	...	486
Terbahagi kepada warganegara				318
Bukan warganegara	...	...		168
Universiti di-Pulau Pinang:				
Jumlah	...	...	...	79
Terbahagi kepada warganegara				50
Bukan warganegara	...	...		29
Universiti Kebangsaan:				
Jumlah	...	...	...	48
Warganegara	...	...	...	31
Bukan warganegara	...	...		17

Ketiga² universiti ini ada kekosongan jawatan² Pensharah termasuk Mahaguru² ia-itu:

Universiti di-Malaya	...	152	kekosongan
Universiti Kebangsaan		30	
Universiti di-Pulau Pinang		23	

Tindakan sedang di-ambil untuk mengisi kekosongan ini daripada chalun² yang layak daripada warganegara Malaysia atau dari luar negeri.

Keutamaan ada-lah di-beri kepada chalun² yang layak daripada warganegara Malaysia. Berkenaan dengan Universiti Malaya, universiti itu berharap akan mengisi jawatan² kosong dengan mengambil terutama-nya warganegara Malaysia yang telah memperolehi ijazah² tinggi, sama ada melalui Sekim Jawatan Pengajar atau pun Warga-negara Malaysia yang mengikut kursus ijazah tinggi di-seberang laut. Sekim jawatan pengajar ia-lah untuk semua fakulti dalam mana siswazah² warganegara Malaysia yang berbakat di-lantek sa-bagai Pengajar ia-itu tutor dan memberi peluang untuk mengikuti kursus ijazah tinggi.

Perlantekan juga ada-lah di-buat daripada pemohon² di-seberang laut. Utama-nya:

Category Mahaguru:

Jawatan kosong	...	...	...	22
Sudah di-iklankan	...	...	...	17

Pensharah Kanan:

Jawatan kosong	...	...	...	18
Sudah di-iklankan	...	...	...	4

Pensharah dan Penolong Pensharah:

Jawatan kosong	...	...	...	112
Sudah di-iklankan	...	...	...	60

Usaha² terus di-jalankan untuk mengisi jawatan² kosong tidak kira dari mana datang-nya chalun² itu.

Berkenaan dengan Universiti Kebangsaan, universiti ini telah mengadakan perjanjian dengan Consotium Sains Teknologi dan Ilmu Sosial Indonesia yang terdiri daripada Universiti Indonesia, Universiti Gajah Mada, Institiut Teknologi Bandung dan Institiut Pertanian Bogor, untuk membantu Universiti Kebangsaan dengan meminjamkan tenaga pengajar dari Indonesia berkhidmat di-Universiti Kebangsaan. Daripada bilangan 17 orang pensharah yang bukan warganegara Malaysia, 13 ia-lah daripada Indonesia, ia-itu yang di-pinjam di-bawah perjanjian tersebut.

Tahun ini Universiti Kebangsaan menjangka akan mendapat 9 orang lagi di-bawah perjanjian ini. 6 orang daripada-nya telah pun di-lantek dan akan memegang jawatan-nya dalam bulan Julai ini. Usaha² lain telah dan sedang di-jalankan untuk mendapatkan tenaga pengajar dari Timor Tengah untuk mengisi jawatan² dalam Fakulti Islam. Sementara itu pelateh² telah di-hantar mengikuti kursus Ijazah Lanjutan di-bawah Sekim Latehan Tenaga Pengajar untuk membolehkan mereka menjadi tenaga pengajar Universiti Kebangsaan.

Berkenaan dengan Universiti Pulau Pinang, usaha² pengambilan jawatan di-adakan kira² tiga bulan sa-kali. Tata chara pengambilan jawatan pensharah ini ia-lah dengan mula² mengiklankan jawatan² itu di-dalam akhbar tempatan dan sa-kira-nya tidak ada sambutan yang menchukopi, jawatan² itu di-iklankan pula di-dalam akhbar² yang di-edarkan meliputi Tenggara Asia. Sa-kira-nya ini tidak juga mendapat sambutan, Universiti di-Pulau Pinang akan mengiklankan-nya pula di-dalam beberapa perchetakan sahshiah yang di-edarkan berupa antara bangsa.

Universiti ini juga akan memohon pertolongan dan jasa baik pehak Pesuruhjaya Tinggi dan Konsul² Malaysia di-luar negeri. Sa-lain daripada pertolongan daripada perkhidmatan perlantekan jawatan daripada universiti² lain di-luar negeri.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi, saya ingin tahu, ada-kah kita sedia menerima pensharah² itu sa-kira-nya datang daripada negara blok kominis yang ada perhubungan diplomatik dengan kita?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, yang sudah² yang saya dapat tahu, belum ada pensharah² daripada negeri yang demikian. Ini barangkali masaaalah soalan bahasa itu, barangkali satu daripada sebab yang belum ada pensharah² daripada negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukup.

(Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukup dan jawapan² lisan bagi Pertanyaan² No. 17 hingga 42 adalah di-beri di-bawah ini).

PUSAT LATEHAN SEAMEC

17. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Malaysia mempunyai sa-buah pusat latehan SEAMEC dan negeri² yang ada pusat tersebut dan siapa-kah anggota² pertubohan ini dan bidang pelajaran apa-kah latehan ini di-beri.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: SEAMEC ia-itu Majlis Menteri² Pelajaran Tenggara Asia ada-lah sa-buah badan tertinggi di-bawah Pertubohan Menteri² Pelajaran Tenggara Asia (SEAMEC), Anggota²-nya terdiri daripada Indonesia, Laos, Malaysia, Philipina, Republic Khmer, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Pusat² Latehan yang telah di-tubuhkan oleh SEAMEC ada-lah saperti berikut:

- (i) Malaysia di-Pulau Pinang Pusat Pelajaran Sains dan Ilmu Hisab.
- (ii) Indonesia di-Bogor Pusat Wilayah Pendidekan Latehan Siswazah, Biology Tropica.
- (iii) Philipina di-Los Bonos Pusat Wilayah Pengajian Siswazah dan Penyelidekan dalam bidang Pertanian.
- (iv) Singapura Pusat Wilayah Bahasa Inggeris.
- (v) Vietnam Pusat Wilayah Pembaharuan Teknologi Pelajaran (untuk sementara waktu ia-nya di-tempatkan di-Singapura).

Sa-lain daripada pusat² latehan ini, SEAMEC mempunyai sa-buah projek yang di-namakan projek Penyelidekan Perubatan Teropika dan Kesihatan 'Awam. Pusat Kechil Penyelidekan dalam jurusan yang tertentu bagi bidang Penyelidekan ini ada di-tubuhkan di-Manila, Kuala Lumpur dan Singapura. Projek Penyelidekan ini di-tadbirkan oleh sa-buah Lembaga ber-Ibu Pejabat di-Bangkok, Thailand.

TAHANAN² DI-PULAU JEREJAK

18. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan tahanan² sekarang dan sama ada semua tahanan² ini di-tahan di-Pulau Jerejak, Pulau Pinang atau di-mana.

Tun Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman: Kedudukan mengenai orang² tahanan pada 31.5.71 ia-lah seperti berikut:

(a) Kuching	...	...	1,103
(b) Pulau Jerejak	...	...	858
(c) Batu Gajah	...	...	198
(d) Kota Kinabalu	...	...	18
(e) Taiping	...	...	10
Jumlah			2,285

TAHANAN POLITIK—LATEHAN PEMULEHAN

19. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan latehan pemulehan atau pelajaran yang di-berikan kepada tahanan dan tahanan politik sa-masa dalam tahanan.

Tun Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman: Latehan dan pelajaran yang di-beri kepada orang² tahanan di-bawah Ordinan Dharurat (Ketenteraman Awam dan Menchegah Jenayah), 1969, di-Pulau Jerejak ia-lah seperti berikut:

- (a) Pertukangan Kayu
- (b) Menjahit pakaian
- (c) Perusahaan menangkap ikan
- (d) Perusahaan dobi
- (e) Perusahaan sabut kelapa
- (f) Perusahaan membuat sarong kaki
- (g) Tukang gunting rambut
- (h) Memasak makanan
- (i) Tukang besi
- (j) Tukang kasut.

Pelajaran sekolah yang di-beri oleh Kerajaan ia-lah pelajaran Bahasa Kebangsaan dan belajar agama.

Berkenaan orang² tahanan di-bawah Akta Keselamatan, 1960 di-Malaysia Barat, tidak ada apa² latehan di-beri kepada mereka oleh kerana bengkel² untuk mengadakan latehan tersebut di-tempat tahanan sekarang tidak dapat di-adakan. Walau bagaimana pun mereka di-galak mempelajari mata² pelajaran sekolah biasa sa-chara bersendirian.

Berkenaan dengan orang² tahanan di-bawah Ordinan Memelihara Keselamatan Awam, 1962 Sarawak, latehan² di-beri ia-lah seperti berikut:

- (a) Berkebun sayur
- (b) Tukang jahit
- (c) Tukang kayu
- (d) Tukang gunting rambut
- (e) Memasak makanan.

Mereka² itu di-galak juga mempelajari mata² pelajaran sekolah sa-chara bersendirian.

Dalam pada itu suka saya mema'alumkan ia-itu apabila siap pembenaan Pusat Tahanan di-Taiping (di-jangka siap pada tahun 1972) maka latehan² yang berbagai chorak dapat di-beri kepada orang² tahanan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 bagi Malaysia Barat.

PERBELANJAAN UNTOK TAHANAN²

20. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah wang yang di-belanjakan untuk tahanan² dan tahanan² politik tiap² tahun semenjak Malaysia hingga sekarang dan perbelanjaan terhadap sa-orang tahanan satu hari.

Tun Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman: Jumlah wang yang di-belanjakan bagi orang² tahanan (di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 bagi Malaysia Barat dan Ordinan Memelihara Keselamatan Awam, 1962 bagi Malaysia Timor) sejak Malaysia ada-lah seperti di-senaraikan di-bawah ini. Untuk ma'aluman ahli² Yang Berhormat, perbelanjaan bagi tahun 1963 dan 1964 tidak termasuk Malaysia Timor oleh kerana ia-nya maseh di-biaya² oleh Negeri² di-Malaysia Timor dan perbelanjaan bagi orang² tahanan di-Malaysia Timor pada masa itu tidak di-asingkan tetapi di-champor sekali dengan banduan² biasa. Oleh kerana itu perbelanjaan untuk orang² tahanan bagi tahun 1963, 1964 bagi Malaysia Timor tidak dapat di-pastikan.

- (a) Perbelanjaan bagi orang² tahanan (Perbelanjaan ini termasuk gaji kakitangan tempat tahanan, belanja pentadbiran, selenggaraan, makan orang² tahanan dan lain²):

Tahun 1963 ... (Angka² tidak dapat
Tahun 1964 ... di-perolehi)

Tahun 1965 ...	\$1,703,424.00
Tahun 1966 ...	2,094,238.00
Tahun 1967 ...	1,901,757.00
Tahun 1968 ...	1,965,078.00
Tahun 1969 ...	2,192,763.00
Tahun 1970 ...	3,324,124.00
(Termasok perbelanjaan Tempat Tahanan Pulau Jerejak yang ditubuhkan pada bulan Jun, 1969).	

- (b) Perbelanjaan sa-chara kasar (average) sa-saorang tahanan ia-lah seperti berikut:

Malaysia Barat—

Tahun 1963 ...	\$22.00	satu hari
Tahun 1964 ...	5.00	..
Tahun 1965 ...	5.00	..
Tahun 1966 ...	10.00	..
Tahun 1967 ...	10.00	..
Tahun 1968 ...	8.00	..
Tahun 1969 ...	7.00	..
Tahun 1970 ...	7.00	..

Sabah—

Tahun 1965 ...	\$ 3.00	satu hari
Tahun 1966 ...	4.00	..
Tahun 1967 ...	14.00	..
Tahun 1968 ...	14.00	..
Tahun 1969 ...	20.00	..
Tahun 1970 ...	20.00	..

Sarawak—

Tahun 1965 ...	\$3.00	satu hari
Tahun 1966 ...	6.00	..
Tahun 1967 ...	6.00	..
Tahun 1968 ...	6.00	..
Tahun 1969 ...	6.00	..
Tahun 1970 ...	5.00	..

Suka saya menerangkan di-sini ia-itu apabila bilangan orang tahanan berkurangan, maka perbelanjaan sa-chara kasar (average) untuk menyelenggara orang² tahanan itu akan bertambah kerana perbelanjaan pentadbiran tempat tahanan dan lain² bersangkut dengannya, tidak berubah.

LATEHAN GALAKAN BELIA²

21. Dato' (Dr) Haji A. Aziz bin Omar minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan apa-kah langkah² yang di-ambil oleh Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat bagi mengadakan Latehan Galakan untuk Belia² di-Pantai Timor 'am-nya dan di-Kelantan dan Trengganu khas-nya.

Tan Sri V. Manickavasagam: Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat sejak 18hb Mach, 1968 telah mengadakan Ranchangan Kursus Ketukangan Persediaan bagi lepasan² sekolah dan para penganggor dari semua Negeri termasuk Negeri² Pantai Timor supaya membolehkan mereka mencapai tingkat kemahiran tertentu supaya peluang² mereka mendapat pekerjaan lebih baik dan menambah baik kedudukan ekonomi dan sosial mereka. Ranchangan latehan ini mengadakan kursus dalam 16 jenis ketukangan dalam jurusan mekanik, kejuruteraan letrik, bangunan dan perchetakan. Kursus² itu memakan masa 22 minggu dan di-adakan sa-tahun dua kali.

RANCHANGAN L.K.T.P.—KELANTAN

22. Dato' (Dr) Haji A. Aziz bin Omar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa Negeri Kelantan tidak ada satu pun Ranchangan L.K.T.P., jika sedar, ada-kah setakat ini apa² langkah² di-buat untuk membawa L.K.T.P. ka-Kelantan dan sekira-nya perundingan di-antara Kerajaan² Pusat dan Negeri telah pun di-buat dan tidak berjaya, boleh-kah beliau memberi keterangan yang lanjut kepada Dewan ini tentang sebab² kegagalan perundingan itu.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Di-dalam soal pembukaan ranchangan² L.K.T.P. di-dalam Negeri Kelantan, usaha² telah di-buat oleh Kerajaan Pusat untuk mendapatkan persetujuan Kerajaan Negeri Kelantan bagi mengadakan ranchangan² tanah Kerajaan Pusat kepada Negeri itu. Dalam hal ini, wakil² daripada Kerajaan Negeri telah diberitahu bahawa sekira-nya Kerajaan Negeri tidak bersetuju menerima Akta Tanah (Kawasan Penempatan Beramai²) (Di-Pinda) Bil. 51/65, maka tidak menasabah bagi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan menjalankan kerja²-nya di-Negeri Kelantan. Wakil² dari Kerajaan Negeri Kelantan telah juga diberitahu bahawa ada kemungkinan L.K.T.P.

mengambil bahagian di-dalam pembangunan tanah di-Kelantan sekira-nya Kerajaan Negeri Kelantan dapat memberi kawasan² yang sesuai kepada L.K.T.P. tidak kurang daripada 5,000 ekar bagi tiap² satu kawasan itu dan yang boleh di-majukan sa-chara ekonomik. Sikap dan tindakan dari Kerajaan Kelantan maseh belum di-ketahuī.

BILANGAN PELAJAR² SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH

23. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran memberikan angka² mengenai pelajar² sekolah² rendah dan menengah ia-itu sa-perti berikut:

SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN

	1966	1967	1968	1969	1970	1971
Darjah I						
Darjah II						
Darjah III						
Darjah IV						
Darjah V						
Darjah VI						

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (INGGERIS)

	1966	1967	1968	1969	1970	1971
Darjah I						
Darjah II						
Darjah III						
Darjah IV						
Darjah V						
Darjah VI						

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CHINA)

	1966	1967	1968	1969	1970	1971
Darjah I						
Darjah II						
Darjah III						
Darjah IV						
Darjah V						
Darjah VI						

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL)

	1966	1967	1968	1969	1970	1971
Darjah I						
Darjah II						
Darjah III						
Darjah IV						
Darjah V						
Darjah VI						

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN

	1966	1967	1968	1969	1970	1971
Tingkatan I						
Tingkatan II						
Tingkatan III						
Tingkatan IV						
Tingkatan V						

SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN (INGGERIS)

	1966	1967	1968	1969	1970	1971
Tingkatan I						
Tingkatan II						
Tingkatan III						
Tingkatan IV						
Tingkatan V						

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Jawapan-nya ada-lah saperti berikut:

SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN

<i>Darjah</i>		1966	1967	1968	1969	1970	1971
Darjah 1	...	107,050	108,579	113,085	106,338	168,870	174,051
Darjah 2	...	106,690	106,806	107,628	110,494	105,346	167,520
Darjah 3	...	95,744	104,996	105,674	105,521	108,037	103,189
Darjah 4	...	99,597	93,507	102,769	101,986	100,807	107,000
Darjah 5	...	87,229	95,828	89,158	97,316	96,487	98,823
Darjah 6	...	79,681	81,844	88,350	81,755	87,762	92,692

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (INGGERIS)

<i>Darjah</i>		1966	1967	1968	1969	1970	1971
Darjah 1	...	53,299	55,770	60,600	65,091	—	—
Darjah 2	...	50,135	52,900	55,861	60,396	64,093	—
Darjah 3	...	46,713	49,480	52,219	55,260	60,847	61,979
Darjah 4	...	44,004	45,559	47,999	51,020	53,631	59,307
Darjah 5	...	41,133	44,900	47,121	48,807	50,946	52,592
Darjah 6	...	34,713	40,447	44,184	45,732	51,199	50,083

NOTE: Bilangan murid dalam Bahasa Penghantar Inggeris dalam darjah 1 tahun 1970 dan darjah 1 dan 2 tahun 1971 ada-lah di-masokkan ka-Bahasa Penghantar Melayu.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CHINA)

<i>Darjah</i>		1966	1967	1968	1969	1970	1971
Darjah 1	...	65,291	67,791	70,944	72,488	77,185	80,418
Darjah 2	...	62,629	64,523	67,084	70,191	72,188	76,787
Darjah 3	...	60,103	61,744	63,703	66,000	69,322	71,295
Darjah 4	...	57,653	58,561	59,553	61,888	64,213	68,014
Darjah 5	...	52,263	54,882	55,894	56,907	59,029	61,736
Darjah 6	...	49,122	48,270	50,387	51,205	52,229	55,020

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL)

<i>Darjah</i>		1966	1967	1968	1969	1970	1971
Darjah 1	...	15,292	16,104	16,361	15,460	15,097	14,049
Darjah 2	...	14,862	15,267	15,829	15,888	14,822	14,682
Darjah 3	...	14,133	14,194	14,763	14,933	14,878	13,786
Darjah 4	...	12,751	13,173	13,244	13,505	13,464	13,359
Darjah 5	...	10,409	11,422	11,743	11,317	11,542	11,550
Darjah 6	...	8,903	9,043	9,488	9,647	9,475	9,766

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN

<i>Darjah</i>		1966	1967	1968	1969	1970	1971
Tingkatan I	...	36,965	40,172	35,877	33,990	37,836	48,172
Tingkatan II	...	35,610	36,091	37,870	33,096	29,773	38,661
Tingkatan III	...	13,740	34,405	34,102	35,036	29,124	30,530
Tingkatan IV	...	6,685	9,174	16,582	15,700	13,497	14,683
Tingkatan V	...	3,750	6,945	9,410	15,643	14,982	15,287

SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN (INGGERIS)

<i>Darjah</i>		1966	1967	1968	1969	1970	1971
Tingkatan I	...	68,232	72,426	81,457	85,585	90,871	82,846
Tingkatan II	...	47,100	63,745	65,990	74,453	77,575	83,148
Tingkatan III	...	36,828	48,517	58,161	60,948	66,819	72,348
Tingkatan IV	...	24,048	23,357	24,464	28,154	26,936	34,253
Tingkatan V	...	19,142	24,546	23,898	25,461	29,510	27,651

MAJLIS TEMPATAN JINJANG—
MEMBUANG PEKERJA²

24. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada beliau telah menerima sa-puchok surat daripada pekerja² gaji-harian Majlis Tempatan Jinjang mengenai kesalahan Pengerusi Majlis Tempatan membuang Pekerja²; jika ya, apa-kah langkah² yang telah di-ambil untuk memelihara hak pekerja² yang sah.

Tan Sri V. Manickavasagam: Sa-jumlah 8 orang pekerja Majlis Tempatan Jinjang telah merayu kepada Yang Berhormat Menteri di-bawah Sekshen 16A Akta Perhubungan Perusahaan, 1967, menyatakan mereka telah di-beri notis pada 11hb Mei supaya berhenti kerja pada 11hb Jun, 1971. Mereka telah juga memberitahu bahawa mereka ia-lah ahli ANULAE dan Kesatuan

mereka itu akan mewakili mereka di-dalam sebarang penyiasatan mengenai perkara ini. Penyiasatan di-bawah Sekshen 16A Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 itu sedang di-jalankan.

KOMINIS SEMPADAN MALAYSIA—
THAI—SENJATA²

25. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan dari mana pengganas² kominis di-Sempadan Malaysia—Thai mendapat senjata² mereka.

Tun Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman: Ada-lah di-perchayai bahawa pengganas² kominis mendapatkan senjata² mereka daripada penyeludupan professional, orang² jahat dan juga daripada rampasan. Pengganas² ada-lah juga menggunakan senjata² buatan sendiri.

PENGGANAS KOMINIS MALAYSIA THAI—USAHA MENENTANG

26. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar akan usaha mengambil anggota² baru yang di-jalankan oleh pengganas² kominis di-Sempadan Malaysia-Thai.

Tun Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman: Ya. Tindakan yang perlu sedang di-ambil untuk menentang aktiviti tersebut.

SISTEM RADAR MARCONI— BUTTERWORTH

27. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Pertahanan menyatakan bila-kah Sistem Radar Marconi, bertempat di-Pengkalan Tentera Udara di-Raja Australia di-Butterworth akan siap untuk di-gunakan sa-bagai ganti Sistem Radar Western Hill yang ada sekarang ini di-Pulau Pinang yang di-kendalikan oleh Pasokan Tentera Udara di-Raja British.

Perdana Menteri: Tentera Udara di-Raja Malaysia di-Butterworth akan menggunakan Sistem Radar Marconi untuk menggantikan Sistem Radar di-Western Hill, Pulau Pinang mulaï daripada 1hb September, 1971.

(Dengan izin) The R.M.A.F. will be able to operate the Marconi Radar System in Butterworth which will replace the Radar System in Western Hill, Penang, with effect from 1st September, 1971.

PEMECHAHAN SHARIKAT M.S.A.

29. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pengangkutan memandang kepada pemecahan Sharikat M.S.A. tidak berapa lama lagi bila mana Malaysia akan menggunakan huruf potong M.A.L. sementara Singapura akan terus menggunakan huruf potong M.S.A., menyatakan mengapakah Kerajaan Malaysia tidak ada sa-barang bantahan terhadap kegunaan huruf potong M.S.A. "Maju-lah Singapura Airline".

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Sama ada Sharikat Penerbangan Singapura itu akan menggunakan huruf potong M.S.A. atau tidak sekarang ini belum dapat di-pastikan.

Ada-lah tidak bijak memberi jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu pada waktu ini oleh kerana perundingan maseh berjalan berkenaan M.S.A.

PERUSAHAAN PERIKANAN— MEMODENKAN

30. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan langkah² yang telah di-ambil untuk memodenkan perusahaan perikanan dan sa-terus-nya melengkapkan nelayan² dengan teknik² dan kemudahan² bagi memperbaiki tangkapan² mereka di-ayer² dalam di-mana terdapat banyak ikan.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Dalam perkara ranchangan jangka panjang saperti ini Kerajaan bertindak sa-chara yang menasabah.

Sa-chara yang terator Bahagian Perikanan telah memulakan suatu penyiasatan ka-atas sumber² ikan untuk menentukan sa-chara saintifik keadaan ikan di-perayeran sa-keliling Malaysia. Pendapat akhir akan boleh di-tentukan sa-telah selesai penyiasatan yang sedang di-laksanakan.

Ranchangan Kerajaan untuk memodenkan perusahaan perikanan termasuk-lah langkah² menyediakan kemudahan² pelabohan untuk motobot² ikan, sokongan modal untuk membolehkan nelayan² memperbaiki bot² dan perkakas² mereka, dan latehan yang sesuai dalam bidang perikanan, pelayaran dan kejenteraan laut. Sa-lain dari itu, Kerajaan juga ada ranchangan mengambil bahagian sa-chara terus menerus dalam perusahaan perikanan melalui penubohan suatu badan yang akan menyelenggarakan satu kumpulan perikanan yang moden.

Semua tindakan asas ada-lah berdasarkan ranchangan penyiasatan perikanan dan juga oleh lain² perkhidmatan teknologi dan pengembangannya.

NELAYAN²—MENGELAKKAN PERSELISEHAN

31. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan langkah² yang telah di-ambil bagi mengelakkan perselisihan faham di-antara nelayan² di-kawasan pantai dan nelayan² di-lautan dalam.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Pertelingkahan di-antara nelayan² ada lah terdapat di-antara mereka yang menggunakan perkakas² biasa dan mereka yang menggunakan pukut tunda.

Bagi mengelakkan pertelingkahan ini Kementerian ini meluluskan penggunaan pukut tunda hanya sa-lepas di-kaji dengan halus-nya atau berunding dengan Kerajaan² Negeri.

Di-samping itu perusahaan memukat tunda ada-lah di-tetapkan kawasan-nya berdasar-kan di-atas berat bot dan kekuatan enjin (horsepower) yang di-gunakan di-dalam-nya:

Bot yang berat-nya 100 tan ka-atas dan kekuatan enjin-nya 200 kuda ka-atas	12 batu dari pantai.
Bot yang berat-nya 25 tan ka-atas dan kekuatan enjin-nya 60 kuda ka-atas	7 batu dari pantai.
Bot yang berat-nya 25 tan ka-bawah dan kekuatan enjin-nya ka-bawah 60 kuda	3 batu dari pantai.

Nelayan² yang mengusahakan pukut tunda ada-lah di-kehendaki bersatu dalam salah sa-buah pertubuhan Nelayan yang di-akui dan lesen² bagi pukut tunda ada-lah di-keluarkan hanya atas nama Sharikat² atau pertubuhan ini sahaja demi bagi mengawal perusahaan ini.

KOTORAN MINYAK DI-PANTAI

32. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan sama ada pengawas sa-keliling telah di-ambil:

- (a) untuk menjaga kekotoran minyak di-sapanjang kawasan² pantai sebab minyak membahayakan kawasan tangkap ikan dan merosakkan kechan-tekan tempat² perkelahan;
- (b) untuk menjaga asap² yang di-keluar-kan dengan banyak-nya dari motor² dan kilang² sebab ini membahayakan nyawa manusia;
- (c) untuk menjaga pemeliharaan hutan dan mengawasi pengambilan tanah kerana mengelakkan kekacauan eko-logi dan menjaga perlindungan mer-gasetua dan untuk memberi perlin-dongan kepada ikan² di-sungai² dan hutan simpanan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:

- (a) Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Laut, sekarang sedang ber-usaha untuk membentokkan sa-buah badan yang akan bertanggung-jawab dalam kerja² menghadapi masaalah penchemaran minyak di-pantai² dan laut di-Malaysia. Badan ini akan berkerja rapat dengan Kementerian dan Jabatan² lain dan akan meng-hubongi Sharikat² Minyak di-dalam dan luar negeri untuk memperoleh bahan² melawan penchemaran mi-nyak. Di-samping itu Jabatan Laut sedang menguasai dengan rapi supaya kechemaran tidak di-lakukan oleh kapal².
- (b) Satu Jawatankuasa kecil sementara telah di-tubuhkan di-bawah anjoran Jawatankuasa Pengotoran Sa-keliling (Environmental Committee) dengan tujuan untuk mengawal pengotoran udara sa-keliling akibat dari asap kenderaan jalan raya. Jawatankuasa Kecil ini dengan kerjasama daripada Pendaftar dan Pemereksa Kereta² Motor negeri² dan Polis telah meng-adakan kempen jangka pendek sa-lama sa-minggu di-bandar² besar dalam Malaysia Barat untuk memereksa kenderaan jalan raya yang mengeluarkan asap berlebihan. Sa-banyak lebih kurang 1,500 kenderaan jalan raya telah dapat di-tangkap kerana melakukan kesalahan ini.
- (c) (1) Dalam bidang kawalan kekotoran sa-keliling, satu Jawatankuasa telah menyelesaikan deraf undang² bagi pindaan² kepada Enakmen Ayer (Waters Enactment) sa-bagai langkah pertama untuk mengawasi kekotoran di-sungai² dan anak² sungai. Beberapa Negeri telah meluluskan pindaan² ini melalui Dewan Undangan Negeri masing² manakala Negeri² lain sedang mengkaji chadangan² ini.
- (2) Sementara itu, satu Jawatan-kuasa untuk mengkaji kekotoran sa-keliling dan pengawalan-nya telah di-tubuhkan di-Kementerian Teknologi. Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan dengan di-pengerusikan oleh Pengarah Kimia. Jawatankuasa ini ada-lah di-jangka akan membuat shor² kepada Kerajaan tidak lama lagi.

(3) Untuk menjamin kestabilan ekoloji dan ketenteraman iklim Jabatan Hutan dengan kerjasama Kerajaan² Negeri telah mengishtiharkan kawasan² hutan lindongan (protective forest reserves) yang menchukopi luas-nya memuaskan bertaburan dalam negeri ini. Di-dalam kawasan² hutan simpan yang berhasil (productive forest reserves), usaha tebangan (felling activities) ada-lah sentiasa di-kawal supaya pendedahan muka bumi tidak terjadi yang mungkin mengakibatkan benchana dari hakisan.

(4) Kerja² membalak telah di-jalakan mengikut chara² sistematik yang telah di-luluskan dan ini dengan sendiri-nya telah menjamin pengawasan sa-keliling. Faedah kapada mergasetua dalam kawasan² yang di-balak ada-lah besar kerana puchok² yang akan tumbuh sa-lepas sa-suatu kawasan itu di-balak menjadi makanan untuk mergasetua dan saterus-nya membiakkan-nya. Dalam kawasan² di-mana hutan² telah kurang kerana ranchangan² pembangunan Jabatan Mergasetua telah berikhtiar untuk menyimpan dan melebehkan bilangan² mergasetua yang sedia ada. Tumbuh²an yang di-makan gajah, seladang, badak dan sa-bagai-nya telah di-pestikan dan di-tanam untuk melebehi tumbuh²an tersebut. Bagitu juga tempat² ayer, tempat² perlingdungan dan lain² kehendak² mergasetua sedang di-kaji dan di-perlebehi untuk menanggung kehendak² hidup mergasetua yang sedia ada dan untuk melebehi bilangan mergasetua sungoh pun hutan² tersebut telah jadi kechil. Chara² ini ada-lah praktikal dan telah di-jayakan di-Amerika Sharikat dan di-Afrika.

DASAR MENYATUKAN RA'AYAT

33. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Perdana Menteri menyatakan ada-kah dasar Kerajaan Persekutuan hendak menghapuskan dasar asing-mengasing di-kalangan berbagai² kaum dalam Malaysia dan jika ya, apa-kah langkah² Kerajaan telah ambil untuk menggalakkan berbagai² kaum hidup bersatu padu antara satu dengan lain untuk menchapai matlamat dasar negara "satu bangsa satu negara".

Perdana Menteri: Jawapan kapada pertanyaan itu ada-lah terkandung dalam dokumen Ranchangan Malaysia Kedua dan telah pun di-sentuh dalam ucapan saya sa-malam.

KENAIKAN HARGA MINYAK PETROL

34. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan memandang kapada kenaikan harga minyak petrol, apa-kah langkah² yang di-ambil oleh Kerajaan supaya pengguna² tidak akan menanggung kesusahan yang tidak sa-mesti-nya dengan harga minyak petrol naik dua kali dalam jangka masa yang sengkat.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Harga minyak petrol telah naik oleh sebab kenaikan harga minyak mentah sa-lepas selesai Perjanjian Pertubohan Negeri² Pengeksepot Minyak (OPEC) pada bulan November, 1970 dan juga Perjanjian Taheran pada bulan Februari, 1971. Sa-belum Kerajaan meluluskan permohonan sharikat² minyak tempatan untuk menaikkan harga minyak petrol, diesel dan lain², Kerajaan telah membuat penyiasatan yang teliti dan meluluskan permohonan itu sa-takat tidak mengakibatkan kesusahan kapada pengguna² dan juga sektor² perusahaan. Kenaikan harga minyak diesel ada-lah hanya sadikit dan sharikat² kenderaan boleh menanggung kenaikan harga ini. Oleh itu Kerajaan telah memberi amaran kapada sharikat² kenderaan supaya tidak menaikkan tambang.

MENAMBAH PEMBENAAN MAKTAB² TEKNIK, PERTANIAN DAN KEMAHIRAN—SARAWAK

35. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Pelajaran menyatakan bila-kah Kerajaan akan membena lebeh banyak Maktab² teknik, pertanian dan kemahiran di-Sarawak untuk menunaikan permintaan² tempatan.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dasar pelajaran dan sistem pentadbiran pelajaran di-Sarawak ada-lah di-bawah kawalan Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu hanya dalam 'context' peruntukan yang di-chadangkan untuk Sarawak dalam Ranchangan Pembangunan Malaysia Kedua.

Tidak ada peruntukan dalam Ranchangan Malaysia Kedua bagi Kementerian Pelajaran untuk membenakan Maktab² Teknik, Pertanian dan Kemahiran di-Sarawak, tetapi peruntukan ada di-buat untuk membenakan dua buah sekolah vokeshenal (menengah) ia-itu di-Miri dan di-Sibu.

PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM PERDAGANGAN² BESAR DI-SARAWAK

36. Chegu Bungsu bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan sama ada Kerajaan akan mendesak firma² perdagangan yang besar² di-Sarawak untuk mempelawa penyertaan anak² negeri di-dalam perniagaan.

Tuan Mohamed Khir Johari: Kerajaan memang sentiasa mendesak firma² perdagangan supaya mempelawa penyertaan Bumiputra di-dalam lapangan perniagaan bukan sahaja di-negeri Sarawak tetapi juga di-seluruh Malaysia. Dalam lawatan saya baharu² ini ka-Malaysia Timor saya telah membuat pengumuman mengenai penyertaan Bumiputra dengan lebih luas lagi dalam bidang perdagangan dan perusahaan dan pegawai² dari Kementerian saya akan memberi kerjasama kepada perusahaan² bagi menentukan supaya bertambah dan berkesan lagi penyertaan Bumiputra dalam lapangan perniagaan dan perusahaan.

Tuan Mohamed Khir Johari: The Government has always urged big manufacturing establishments not only in Sarawak but also in Malaysia to allow indigenous participation in their companies. Recently during my visit to East Malaysia I made statements regarding indigenous participation in commerce and industry and I also explained that officers from my Ministry would ensure more and effective indigenous participation in the commercial and industrial sectors.

MEMPELBAGAI PERTANIAN DI-SARAWAK—GALAKAN

37. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan sama ada Kerajaan maseh menggalakkan aktiviti² dan kemajuan pertanian pelbagai, dan jika ya, sa-jauh mana-kah galakan ini telah di-laksanakan di-Sarawak.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sa-tiap usaha ada-lah di-buat untuk mempelbagaikan ekonomi Pertanian di-Sarawak. Sa-lain dari Ranchangan Kelapa Sawit yang telah di-mulakan oleh Perbadanan Kemajuan Kewangan Sarawak (Sarawak Development Finance Corporation) dalam Bahagian keempat, suatu Ranchangan Kechil untuk pekebun² kechil ada-lah juga di-peruntukkan di-bawah Ranchangan Memperbagaikan Pertanian untuk tanaman² tahunan dan tanaman tetap. Di-bawah Ranchangan Malaysia Pertama tanaman² yang berikut telah di-tanam.

Pokok Buah ² an	...	...	1,776 ekar
Koko	...	...	800 ekar
Kopi	...	...	500 ekar
Tanaman ² tahunan (termasuk jagong, kacang soya, kacang tanah, halia, dll.)			
			2,944 ekar

LATEHAN PERKILANGAN—SARAWAK

38. Tuan Luhut Wan bertanya kepada Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat ada-kah Kerajaan akan menubuhkan sa-buah Maktab bagi melateh kaki-tangan kilang di-Sarawak, memandangkan kurang-nya kemudahan² latehan saperti itu untuk membanyakkan pekerja² mahir bagi kilang² perusahaan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat akan sedia ma'alum bahawa penyiasatan dan kajian yang teliti perlu di-jalankan terlebih dahulu sa-belum chadangan saperti itu dapat di-lakukan memandangkan bahawa penubohan sa-buah Pusat Latehan Perusahaan bukan sahaja memerlukan modal yang banyak tetapi juga patut di-beri pertimbangan terhadap kesukaran bagi mendapatkan pengajar² yang berkelayakan bagi mengendalikan Pusat Latehan itu. Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai chadangan bagi menubuhkan sa-buah Pusat Latehan Perusahaan di-Sarawak di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua.

(Dengan izin) As the Hon'ble Member will appreciate a careful survey and study need to be undertaken first before such a proposal could be put up bearing in mind that the setting up of an Industrial Training Institute not only involves heavy capital outlay but

also has to take into account the difficulty of recruiting suitably-qualified instructors to run the Training Institute. The Federal Government has no proposal to set up an Industrial Training Institute in Sarawak under the Second Malaysia Plan.

MEMAJUKAN PENGAJARAN BAHASA MALAYSIA DI-SARAWAK

39. Tuan Edwin Tangkun minta Menteri Pelajaran menyatakan apa-kah langkah² yang telah di-ambil sa-lama ini semenjak dari Meshuarat Parlimen yang lalu untuk mengambil lebeh ramai guru² mengajar Bahasa Kebangsaan dan mengadakan bekalan buku² teks yang chukup untuk pengajaran dan pengajian Bahasa Malaysia di-Sarawak.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dasar pelajaran dan sistem pentadbiran pelajaran di-Sarawak ada-lah di-bawah kawalan Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, soal mengambil lebeh ramai guru² mengajar Bahasa Malaysia dan mengadakan bekalan buku² teks yang chukup untuk pengajaran dan pengajian Bahasa Malaysia di-Sarawak ada-lah tugas Kerajaan Negeri. Bagaimana pun sebarang permohonan untuk menambah bilangan guru² Bahasa Malaysia yang di-kemukakan kepada Kementerian Pelajaran akan di-beri pertimbangan. Begitu juga berkenaan dengan bekalan buku² teks.

TUGAS² BERNAMA

40. Dato' James Wong Kim Min minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada BERNAMA di-bawah jagaan Kementerian Penerangan dan jika ya, apa-kah tugas BERNAMA.

Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, BERNAMA ada-lah sa-buah pertubuhan (body corporate) dan pengurusan BERNAMA itu terletak kapada satu Lembaga yang terdiri daripada :

- (a) sa-orang Pengurus yang di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (b) wakil² Kerajaan Persekutuan yang tidak lebeh daripada 6 orang bilangannya;
- (c) wakil² dari tuan² punya surat khabar dalam Persekutuan yang menjadi pelanggan² kapada BERNAMA yang tidak lebeh daripada 6 orang bilangannya.

Tugas BERNAMA ia-lah :

- (a) menchari dan mengemukakan ma'alumat, berita, bahan² berita atau renchana² berita yang lengkap, benar dan saksama atas apa² perkara mengenai kepentingan 'awam dan bangsa di-dalam dan di-luar Persekutuan.
- (b) membahagi²kan ma'alumat, berita, bahan² berita atau renchana² berita itu kapada pelanggan² dengan di-kenakan bayaran sama ada berupa wang atau pertukaran berita atau kedua²-nya, dan
- (c) melaporkan dengan sa-benar dan saksama-nya dengan tidak menyentoh kepentingan 'awam dan bangsa, pen-dapat² segala gulongan penduduk² Persekutuan.

KEUTAMAAN BAGI PEMBORONG BUMIPUTRA SARAWAK

41. Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu minta kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan ada-kah pehak Kementerian akan memberi jaminan bahawa tiap² kontrak yang ka-bawah \$50,000 di-beri kapada Pemborong² Bumiputra di-Sarawak supaya sama dengan kontrak yang di-beri kapada Pemborong² Melayu di-Malaysia Barat oleh Kerajaan Pusat.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tidak-lah benar bagi menyatakan bahawa semua kontrak kurang daripada \$50,000 yang di-beri oleh Kerajaan Pusat di-Malaysia Barat ada-lah kapada kontrakter² Melayu sahaja. Hanya kerja² yang memakan belanja kurang daripada \$10,000 dan di-laksanakan dengan menggunakan Jadual Kadar (Schedule of Rates), telah di-beri kapada pemborong² Melayu yang berdaftar. Bagi kerja² yang melibatkan perbelanjaan tidak lebeh daripada \$25,000 kontrakter² Melayu telah di-beri keutamaan sa-banyak 5%.

Peratoran ini tidak di-ikuti di-Sarawak, tetapi walau bagaimana pun, langkah² sedang di-ambil bagi membolehkan peratoran² tersebut di-kuatkuasa² kapada tawaran² Persekutuan di-Negeri Sarawak dengan sa-chepat mungkin.

(Dengan izin) It is not true to say that all contracts below \$50,000 given by Central Government in West Malaysia are to Bumiputra Contractors only. Only work of \$10,000 and below carried out under schedule of rates are being given to Bumiputra Contractors.

For work up to \$25,000 and below, Bumi-putra Contractors are being given a 5% preference.

This procedure is not being followed in Sarawak, but however, steps are being taken to have the above provisions applicable to Federal tenders in the State of Sarawak as soon as possible.

PEMBENAAN PUSAT KESIHATAN DI-BEAUFORT, SABAH

42. Tuan Haji M. C. Johari Majakil minta Menteri Kesihatan menyatakan bila-kah Kementerian-nya dapat menyegerakan peruntukan wang untuk membena sa-buah Pusat Kesihatan di-Beaufort yang mana tempat dan pelan bangunan-nya telah lama di-sediakan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Sardon bin Haji Jubir): Peruntukan kewangan akan di-sediakan pada tahun ini untuk Pusat Kesihatan bersama Pusat Pergigian. Pelan terakhir telah pun siap dan Jabatan Kerja Raya telah pun di-pinta untuk mengeluarkan tender, kerja² akan bermula pada tahun ini juga.

(*Dengan izin*) Money will be made available this year for a combined Health Centre cum Dental Centre. The plan has been finished and the Public Works Department has been asked to call for tender and start work this year.

USUL

RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA 1971—1975 (HARI KEDUA)

Menyambong sa-mula Perbahathan atas Masaalah:

Bahawa Dewan ini dengan sa-penoh²-nya menyokong Dasar Ekonomi Baharu Kerajaan yang bertujuan pertama-nya, membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, dan kedua-nya menyusun sa-mula masyarakat Malaysia bagi mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum, meluluskan Ranchangan Malaysia Kedua yang di-bentuk khusus-nya bagi menchapai tujuan² ini melalui perlaksanaan dasar² dan ranchangan² pembangunan seperti yang di-sebutkan di-dalam Kertas Perintah No. 28 tahun 1971, dan menyeru kepada semua ra'ayat Malaysia supaya memberi segala usaha dan keazaman mereka dengan semangat Rukunegara kepada pemben-

tokan satu masyarakat yang adil lagi saksama serta bersatu padu dan progresif. (12hb Julai, 1971).

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, meneruskan ucapan saya sa-malam gemar saya mengulangi thema shor² saya itu yang pertama hendak-lah dihapuskan sebutan Malaysia Timor dan Barat, hanya kita sebutkan satu Malaysia sahaja dengan hujjah² yang telah saya berikan sa-malam; yang kedua hendak-lah di-tubuhkan Jawatan-kuasa kajian menetapkan ahli² perjuangan kemerdekaan kita dan nama²-nya itu hendak di-wartakan atau di-gazettekan; yang ketiga supaya membena Istana Negara yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, menurut sistem pemerintahan kita yang memerintah negeri ini chara beraja mustahak kita mendirikan sa-buah Istana-nya sa-bagai bangunan lambang simbol perpaduan seluruh ra'ayat. Kita telah merdeka 14 tahun tetapi rangka hendak mendirikan Istana baharu itu belum ada di-ura²kan dan juga tidak tersebut di-dalam buku merah yang ada di-hadapan kita ini, bahkan kita telah mengeluarkan wang berjuta² ringgit kita mendirikan bangunan² yang baharu seperti Muzium Negara dan kita akan dirikan Panggong Negara dalam masa yang tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak memanjangkan hujjah saya dalam perkara ini, saya fikir Jawatan-kuasa yang akan mendirikan Istana baharu itu kelak hendak-lah memilih tapak yang sesuai dan bentuk keperibadian Malaysia dan saya harap bentuk bangunan itu berasaskan pelan bangunan Istana Sultan Mansor Shah di-Melaka pada tahun masehi 1459, rumah-nya yang ada berbumbong, siap dengan balairong serinya yang boleh di-muatkan penghuni kira² 1,000 orang dan ketika ketua negara kita hendak menyambut titah, tidak payah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu datang ka-Dewan ini—Ahli² Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat pergi ka-balairong seri Istana yang saya chadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, masok saya dalam sokongan yang saya berikan kepada Usul yang di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sa-malam, di-antara perkara yang terpenting sa-kali ia-lah membasmi kemiskinan kepada semua kaum.

Tuan Yang di-Pertua, miskin ini menurut hemat saya tidak boleh kita basmikan sebab miskin itu ada-lah kejadian alam dan dalam Islam pun telah menyatakan miskin itu lawan-nya kaya dan dengan sebab itu pada asnap yang lapan termasuk satu daripadanya miskin. Jadi miskin ini tidak boleh dihapuskan, tetapi miskin ini boleh di-cheгах dari satu masa ka-satu masa. Kalau miskin ini kita tidak cheгах, kita tidak atasi, akan merosakkan negara dan juga akan merosakkan ra'ayat. Dalam Islam juga berkata bahawa miskin itu-lah satu perkara yang kita hendak jauhi sebab orang yang miskin itu dia akan hampir kekufuran. Jadi usaha yang di-buat oleh Kerajaan kita sekarang dengan membentangkan satu rangka yang panjang ia-itu pada mengatasi kemiskinan ra'ayat tidak boleh mengatasi kemiskinan melainkan sa-buah Kerajaan hendak membuat suatu ranchangan dari satu masa ka-satu masa pada melaksanakan mengatasi kemiskinan ini. Dan kemiskinan ini tidak boleh juga di-atasi datang-nya dari Kerajaan sahaja, kena-lah datang daripada ra'ayat. Dengan sebab itu saya perchaya ranchangan ini akan dapat di-laksanakan terutama sa-kali ra'ayat telah 14 tahun kita merdeka masalah kemiskinan ini belum dapat kita katakan boleh di-atasi dengan begitu sempurna. Yang banyak-nya, Tuan Yang di-Pertua, mengalami kemiskinan ini ia-lah penduduk² luar bandar, kebetulan pula yang di-luar bandar itu terdiri daripada orang² Melayu dan juga bumiputra. Saya tidak menafikan juga bahawa kemiskinan ini juga ada di-dalam bandar, yang di-dalam bandar kebetulan-nya banyak warganegara kita bukan bumiputra—orang China pun juga ada miskin. Jadi dalam masalah mengatasi termasuk-lah orang China, orang India yang miskin. Perkara ini ada-lah tanggong-jawab Kerajaan bagi menyempurnakan kehendak² dalam ranchangan mengatasi kemiskinan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang boleh mengatasi kemiskinan ini ia-itu bagaimana yang telah di-ranchangkan oleh Kerajaan memberi tanah kepada ra'ayat dan juga memberikan pekerjaan. Kalau ra'ayat itu ada mempunyai pekerjaan, miskin dapat di-atasi, atau kalau dia ada pekerjaan yang tidak menchukopi mata pencharian hidup kepada keluarga itu, kalau umpama keluarga itu berkehendakkan suatu hari berbelanja \$2.00 dia dapat 70 sen, pencharian-nya itu dinamakan keluarga itu belum terlepas dari-

pada kemiskinan. Jadi usaha yang hendak di-buat oleh Kerajaan yang pertama sa-kali saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, memberi tanah kepada mereka yang tidak ada tanah terutama orang miskin. Kita sangat berbangga Kerajaan telah mengadakan berbagai² ranchangan tanah—Ranchangan L.K.T.P., Ranchangan G.S.A. dan Ranchangan Tanah Terkawal.

Dalam Ranchangan Tanah L.K.T.P. ini kita nampak Kerajaan telah membuka, meneroka hutan dan telah di-tanam dan sa-tengah²-nya dapat hasil pada keselurohan-nya 300,008 ekar dengan 90 ranchangan.

Ini saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, walau berjalan dengan baik patut-lah Kementerian yang berkenaan dan Pengerusi-nya, Yang Berhormat Wakil dari Segamat Utara pada masa sekarang. Saya ucapkan tahniah kepada dia telah di-lantek oleh Kerajaan menjadi Pengerusi dalam Lembaga ini, beberapa sungutan yang di-hadapkan oleh peserta² dalam ranchangan ini patut di-timbangkan dan di-fikirkan. Sebab ranchangan ini kita hendak berjalan terus dan ranchangan ini tujuan-nya hendak memberi faedah kepada ra'ayat. Satu perkara yang saya fikir yang mendapat kesulitan kepada peserta² kita, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembayaran hutang. Dalam tempoh membayar hutang ini pehak Lembaga telah menentukan supaya peserta itu membayar hutang tidak lebeh daripada 7 tahun. Jadi, saya harap supaya di-lanjutkan sampai 10 tahun, sebab masalah penghasilan getah ini ada-lah lain daripada bahan² lain. Getah ini pada satu tahun sa-tinggi²-nya kita boleh dapat mengeluarkan hasil 7 bu'an atau 8 bulan, ada musim kemarau dan musim daun jatuh dan juga musim tengkujuh getah ini tidak dapat mengeluarkan hasil. Jadi, saya harap supaya di-lanjutkan hingga 10 tahun.

Yang kedua, kepada mereka yang salah di-ambil tindakan tata-tertib. Saya fikir jangan di-usir orang ini, dia manusia yang telah memberi khidmat kepada kebun itu. Kebun itu sudah berhasil. Mereka ini bukan sa-orang, ada mempunyai anak 7-8 orang. Apa yang patut saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, kita ambil satu tindakan, daripada Ranchangan A kita tukarkan dia dengan Ranchangan B. Umpama-nya dia masuk dalam ranchangan getah kita tukarkan dia ambil tindakan beri dia kepada ranchangan kelapa, sawit atau pun ranchangan tebu. Jadi

dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan sa-chara tidak langsung bahawa kita menghormati tenaga manusia yang telah di-churahkan kepada ranchangan ini dan ini juga boleh mematahkan da'ayah² orang yang kena usir ini di-luar² kepada ra'ayat ramai supaya mereka jangan masok Ranchangan L.K.T.P. Kalau kamu masok, kamu akan dapat nasib bagaimana yang kami terima ini. Jadi dalam pandangan L.K.T.P. ini, Tuan Yang di-Pertua, itu-lah dua perkara yang saya rasa patut pehak Lembaga ini memikirkan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Kerajaan kata dia hendak membuka tanah sa-luas sa-juta ekar dalam masa 5 tahun. Kalau menurut hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, ini pun tidak chukup hendak mengatasi penganggoran dan kemiskinan ra'ayat yang sa-patut-nya saya fikir Kerajaan kena buka pada satu tahun kira² 300,000 ekar. Ini, Tuan Yang di-Pertua, mengikut perbanchian pertanian. Dengan keadaan yang macham ini, saya fikir masalah penganggoran, masalah kemiskinan itu dapat di-atasi oleh Kerajaan. Chara hendak melaksanakan atas shor yang saya buat itu terpulang atas kebijaksanaan Kerajaan pada memikir dan menimbangkan.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal tanah juga menjadi sungutan ra'ayat saperti yang saya katakan sungutan² daripada ranchangan L.K.T.P. Sungutan daripada orang yang mempunyai tanah, sama-ada tanah kechil, tanah besar Kerajaan kena timbang sa-mula, kaji sa-mula berhubung dengan pembayaran kenaikan chukai yang telah di-kenakan kepada ladang², pada pekebun² kechil sekarang, sebab kenaikan chukai yang ada sekarang mendatangkan satu sungutan kepada ra'ayat. Ia-itu Perbadanan Tanah Kebangsaan kita supaya di-kaji dasar pembayaran chukai ini, sama-ada kebun kechil, kebun besar dalam bandaran, dalam kampong, tanah sawah dan juga tanah dusun. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhan-nya tanah² khas-nya pekebun² kechil pada masa sekarang menurut hemat saya belum-lah mengeluarkan hasil yang begitu banyak. Walau pun kenaikan chukai yang di-kenakan oleh Kerajaan itu tidak besar, tetapi pada akhir tahun mereka hendak menunaikan chukai itu pada mereka terlampau berat. Dan chukai pula masa sekarang ada denda, tahun ini tidak bayar, lewat sahaja di-denda, denda itu beranak lagi, jadi bertimpa² keberatan ra'ayat. Jadi hal yang macham ini, saya fikir, Tuan Yang di-Pertua,

dalam masa negeri kita ini belum lagi menuju betul² kema'amoran, chukai tanah itu patut di-timbangkan.

Di-bandar, Tuan Yang di-Pertua, di-Majlis Bandaran, di-Majlis Tempatan orang bumi-putra yang ada tempat itu di-kenakan chukai tanah, di-kenakan chukai bangunan, di-kenakan chukai macham² chukai. Dengan hal yang macham ini dengan chara tidak langsung mereka keluar daripada bandar itu masok ka-tempat² yang lain. Masaalah ini saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman sekarang, dalam zaman pembangunan yang baharu ini patut di-kaji balek berhubung dengan chukai tanah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal tanah juga Kerajaan patut menentukan milek tanah sa-saorang, kita bataskan, satu orang ter-wajib menerima tanah hanya 200 ekar sahaja. Kalau dia ada duit, dia boleh dapat tanah sampai 1,000 ekar, 500 ekar, jadi pada orang yang ada duit sahaja dapat tanah. Saya mengharapkan di-beri satu sekatan sa-saorang boleh memileki tanah dalam tanah ayer kita ini tidak boleh lebeh daripada 200 ekar. Ini pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua. Sebab kalau di-beri tanah banyak pun kepada mereka, kadang² tanah yang di-beri itu tidak di-usahakan, hutan belukar sahaja, tidak ada hasil. Jadi ini satu usaha yang tidak meng-untungkan ekonomi negara kita, biar dia sadikit tanah, tetapi tanah itu ada mendatangkan keuntungan pada diri-nya, keuntungan pada negara ini.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, harga jualan tanah hendak-lah di-tetapkan oleh Kerajaan. Kerajaan mesti tentukan harga tanah, jangan di-berikan pasaran bebas, sebab kalau buat bagini tidak semua ra'ayat dapat tanah, ra'ayat yang miskin dalam bandar atau ra'ayat yang tidak upaya dalam bandar, dia tidak dapat tanah dalam bandar. Ini pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan hal tanah.

Tuan yang di-Pertua, satu perkara yang sangat mengkagumkan kita dalam Buku Merah ini, ia-itu berhubung dengan New Planting—Kebun Getah Baharu Fasal 48 ia-itu Kerajaan sedang menhadangkan sabanyak 150,000 ekar. Ini ranchangan sangat baik. New Planting ini maksud-nya ini menolong orang² luar bandar, khas-nya pekebun² kechil yang mereka terkongkong sayang kepada kebun-nya yang satu ekar atau dua ekar, kebun getah yang ada satu ekar atau dua ekar itu kita suroh mereka

itu pindah ka-kawasan lain, dia tidak mahu, dia sayang kebun tua itu. Jadi dengan keadaan macham ini hidup mereka itu bertahun² begitu-lah dengan tidak ada mendapat kema'amoran. Dengan ada-nya ranchangan New Planting Kebun Getah Baharu ini, saya dan juga pekebun² kechil tentu-lah merasa gembira dan lega hati, sebab mereka kawasan asal-nya kebun kechil yang ada tiga ekar pada New Planting sana mereka akan dapat lagi bantuan sa-banyak \$750.00 atau \$800.00 tiga ekar lagi mendapat bantuan. Jadi dengan ini mereka dapat tanah sa-banyak enam ekar yang ada ekonomi, ada memberi keuntongan kapada keluarga itu. Jadi ranchangan yang sa-umpama ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan memerhati dengan begitu chermat, sebab sa-belum daripada ranchangan ini di-ishtiharkan di-bawa ka-dalam Dewan ini telah di-bochorkan oleh pejabat² yang berkenaan, ia-itu telah mengeluarkan borang pergi berjumpa dengan pekebun kechil khas-nya orang Melayu. Dia kata kamu punya grant ini serahkan dengan kami, kami akan beri kamu pada satu ekar \$200.00 atau \$300.00. Bilamana ranchangan tanah baharu telah siap besok, kami akan pulangkan grant ini pada nama kamu. Jadi hal yang macham ini, Tuan Yang di-Pertua, pekebun² kechil dia tidak tahu, dia dengar satu ekar \$200.00 dia dapat \$600.00, tanahnya tidak berjual, asal balek kapada-nya, dia berikan kapada lintah² yang hendak mengambil faedah daripada ranchangan ini. Saya harap Kerajaan akan menengok balek kapada grant² tanah yang di-ambil dengan tujuan ini supaya di-batalkan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, oleh sebab kebun asal-nya, kebun getah pada New Planting yang akan datang dan kita hendak memberi orang kampong ini tanah yang ada ekonomik, kalau kebun asal-nya ada dua ekar, saya harap dalam Ranchangan New Planting ini mereka di-beri lima ekar lagi dan yang baki tiga ekar itu mereka boleh membayar kapada lembaga itu, dan kalau tempat asal mereka itu ada kebun getah dan di-masokkan pada New Planting ini untok menanam kelapa sawit supaya keadaan ra'ayat di-kampong itu dia merasa hasil kelapa sawit dan merasa hasil getahnya.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, dalam muka 151 ia-itu menanam getah sa-mula, ini sangat baik. Peratus-nya pada tahun ini dinaikkan sampai 120,000 ekar, tetapi Tuan

Yang di-Pertua, satu perkara yang menyusahkan pekebun² kechil kita ia-lah yang tidak upaya hendak membuat kebun itu, dia suroh dengan sa-orang wakil. Bila wakil ini telah buat kerja, di-ambil bantuan sa-banyak \$200.00 pada satu ekar pada permulaan-nya. Lepas dia dapat bantuan \$200.00 itu kebun itu di-tinggal. Tuan Yang di-Pertua, dengan ranchangan tanah-nya itu tidak berjaya. Saya harap pada masa yang akan datang dalam masaalah ini Kerajaan kalau hendak memberikan wakil² yang hendak mengusahakan tanah pekebun² kechil itu hendak-lah wakil² itu yang ada bertauliah dan kalau tidak sempurnakan usaha atas tanah, hendak di-bayar balek kapada pekebun kechil, Tuan Yang di-Pertua, pekebun² kechil kita yang teraniaya, terutama sa-kali di-kampong dihulu².

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya nampak boleh mengatasi kemiskinan dan menggembirakan petani² kita berhubung dengan satu Jabatan dalam Jabatan Pertanian yang di-sebut MARDI ia-itu Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian. Saya nampak dalam kertas ini chuma hendak menyelidik barang² lada hitam, jagong, tetapi dia tinggalkan, Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah buah-buahan itu di-kampong². Buah-buahan ini satu mata pencharian orang² di-luar bandar, terutama sa-kali buah durian, buah chempedak, Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang musim buah durian. Buah durian pada masa sekarang boleh di-jual di-Singapura. Tuan Yang di-Pertua, satu kati satu ringgit. Di-beli daripada pekebun kita—hanya satu kati 30 sen. Jadi, hal yang macham ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan Badan Penyelidikan ini menchari satu jalan macham mana buah durian ini boleh di-jadikan kueh-kah atau pun boleh di-sampul dengan pelastik dan boleh kita hantar ka-luar negeri, boleh tahan sabulan atau lebeh.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-biji buah durian sa-berat tiga kati harga sa-biji buah durian \$3.00. Kemudian di-beli di-kampong hanya 20 sen atau 30 sen sahaja sa-kati. Tuan Yang di-Pertua, pekebun kechil tidak juga mendapat ma'amor. Jadi, dengan ada-nya MARDI ini menjalankan satu penyelidikan pada buah durian dan buah langsung di-dusun² ini, saya fikir taraf pencharian penduduk luar bandar itu akan bertambah pada masa akan datang.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah lada hitam. Lada hitam konon-nya di-Sarawak sahaja boleh, tetapi di-negeri saya, Tuan Yang di-Pertua, di-Johor boleh di-tanam lada hitam dengan sa-luas²-nya. Ini satu usaha. Kita bukan hendak tumpukan orang ini tanam kelapa sawit, hendak tumpukan tanam jagong, hendak tumpukan tanam getah termasuk-lah lada hitam. Lada hitam ini satu hasil yang sangat baik pada perdagangan antara bangsa. Saya harap supaya di-luaskan ranchangan lada hitam, terutama sa-kali yang sesuai tanah di-tanam lada hitam itu di-negeri saya, Tuan Yang di-Pertua, di-negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya hendak sebut berhubung dengan tanah ini ia-itu berhubung dengan parit dan taliayer. Dalam Buku Merah ini terdapat berbagai² ranchangan parit telah di-tunjokkan, tetapi saya dukachita, Tuan Yang di-Pertua, tidak menyebutkan ia-itu Ranchangan Parit dan Taliayer di-Johor Selatan dan Johor Barat. Ranchangan ini ranchangan yang besar, menelan belanja sa-banyak \$210,000,000 dan akan membaiki tanah darat, tanah yang sa-luas 800,000 ekar. Kalau kita tidak segera ranchangan ini, Tuan Yang di-Pertua, taraf hidup ra'ayat dalam kawasan ini bila² pun dengan keadaan yang susah. Kalau musim banjir, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja pokok tenggelam dan binasa, kebun getah tidak boleh di-toreh sampai dua minggu atau tiga minggu. Dalam hal yang macham ini memang telah ada di-sampaikan kepada pengetahuan Kerajaan Pusat oleh Kerajaan Negeri Johor tetapi malang-nya saya sangat dukachita tidak di-sebut bila-kah ranchangan ini akan di-jalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentoh dalam bidang sosial sahaja sebab saya hendak beri peluang kepada kawan² saya yang lain—ia-itu berhubung dengan bekalan letrik, jalan raya dan bekalan ayer. Ini hendak-lah Kerajaan mengamati dan jangan sa-bagaimana masa² yang lalu, Ranchangan Malaysia Yang Pertama dahulu bahawa bekalan api, bekalan jalan raya, bekalan letrik ini tertumpu kepada kawasan² yang tertentu. Kapada wakil ra'ayat yang tertentu. Pada masa yang akan datang hendak-lah di-luaskan kepada semua daerah, semua jajahan, semua kawasan, bukan tertentu kepada sa-suatu wakil ra'ayat, bukan tertentu kepada Jawatan-kuasa yang tertentu; di-bekalkan api letrik, di-bekalkan jalan raya, dan di-bekalkan ayer, sebab

ra'ayat lain semua nampak, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita kaji balek kawasan ini tidak begitu adil, ada di-pileh² kaseh. Ini yang saya fikir Kerajaan kajikan sa-mula dalam ranchangan hendak melaksanakan kelak.

Lembaga Letrik Negara ini satu badan yang tidak berapa mengutamakan orang luar bandar. Ranchangan-nya hendak mengutamakan dalam bandar, hendak mengutamakan kaum² modal yang besar². Di-tempat luar bandar di-kurangkan, dia beri ranchangan itu dalam empat atau lima kampung, berhenti. Tidak teruskan. Sampai meliputi kampung yang di-kehendaki oleh ra'ayat, pada hal letrik ini, Tuan Yang di-Pertua, satu ranchangan yang boleh menguntongkan ra'ayat dan juga boleh menguntongkan Lembaga ini. Saya hendak chontohkan, Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan Muar Utara. Dahulu kita minta dua juta sa-tengah, daripada tempat saya itu sampai tempat Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir, Kundang Ulu. Dan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, ada kilang getah R.R.I. yang hendak menggunakan kuasa letrik. Tuan Yang di-Pertua, bekalan letrik itu hanya sampai kampung Sungai Mati, kira² dalam enam batu daripada bandar Muar. Pada hal yang di-kehendaki oleh ra'ayat sampai Kampung Kundang Hulu. Tidak kurang daripada beratus buah² rumah menghendaki, beberapa buah pekan yang boleh di-lalui dan laporan telah di-hantar kepada Lembaga Letrik, tetapi Lembaga Letrik buat diam sahaja. Dan pada tahun ini di-bekalkan pula negeri Johor ini chuma \$3,000,000 dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua dan daripada \$3,000,000 ini hendak bagi—dalam negeri Johor ada lapan daerah. Jadi pada satu daerah, pada satu tahun berapa ringgit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dapat di-jalankan. Hanya \$40,000 sahaja, \$40,000 sampai ka-mana api itu di-pasangkan. Jadi saya fikir Lembaga Letrik pada masa yang akan datang hendak-lah memberikan peruntukan yang lebeh besar dalam ranchangan perbekalan letrik di-luar² bandar.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi-kah, sudah dekat 47 minit!

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang saya patut sebutkan ia-itu berhubung dengan perdagangan kita luar negeri dan dalam negeri. Ini satu perkara yang sangat menyusahkan ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah tanam pokok getah dan lain², tetapi bila hendak di-jualkan, dengan harga yang murah. Ini juga tidak mendatangkan kemewahan kepada ra'ayat.

Baharu² ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat tahu bahawa harga getah sudah merosot. Yang Berhormat sahabat saya wakil dari Temerloh dia lebih tahu. Kemerotan harga getah ini ia-lah tekanan daripada Kerajaan Amerika yang mengeluarkan stock pile itu dengan berleluasan. Kita juga ada membuat perhubungan perniagaan dengan negeri Jepun, tetapi Jepun ini dia tidak mahu membeli getah kita dengan banyak. Barang Jepun itu kita beli banyak, tetapi bila kita hendak pinjam wang dengan Jepun, dia mengenakan interest-nya lebih besar. Saya fikir barang ini patut kita sekat, Tuan Yang di-Pertua, kita berniaga dengan negeri² yang banyak membeli barang² kita umpama masa akan datang kita akan berniaga dengan negeri China Kominis. Barang China Kominis itu kita banyak masukkan dalam negeri ini sebab barang negeri China Kominis ini ada-lah lebih murah, memang di-kehendaki oleh ra'ayat. Barang Jepun ini, Tuan Yang di-Pertua, barang²-nya betul murah, tetapi bila kita hendak jual barang² ka-negeri Jepun, dia tidak begitu banyak membeli getah kita.

Jadi masaalah macham ini, saya fikir pada masa akan datang Kerajaan kena memikirkan sa-mula, mana² negeri yang banyak membeli barang kita maka negeri itu juga kita patut utamakan.

Satu perkara lagi, Dato' Yang di-Pertua, dalam masaalah getah ini. Kerajaan telah ishtiharkan akan membuat kilang getah hevea crumb sa-banyak 24 dalam masa 4 tahun lagi dan saya fikir Kerajaan Amerika atau Kerajaan Inggeris yang tidak menghiraukan kita punya kesusahan terutama sa-kali negeri² yang mengeluarkan getah asli dia menjual stock-pile-nya dengan berluasan² dengan tidak menghiraukan, bagi negeri² yang mengeluarkan hasil getah asli ini mengishtiharkan satu peperangan dengan Amerika, peperangan yang saya maksudkan, Dato' Yang di-Pertua, peperangan getah asli dengan getah tiruan, bukan perang dengan senjata.

Dato' Yang di-Pertua, kalau kita fikirkan Amerika bila mana kita hendak menjualkan getah sekarang dengan China Kominis, maka dengan serta merta pada masa ini dia telah

menjualkan—menchurahkan getah stock-pile-nya walau pun kata Menteri Perdagangan dan Perusahaan satu rundingan akan di-buat, Amerika satu negeri yang degil. Apa yang kita harapkan sangat dengan Amerika? Kita dan Negeri² blok pengeluaran getah asli kita minta China Kominis sa-belah kita, kita boleh minta Russia sa-belah kita, membeli getah² asli. Jadi sa-lama ini Amerika ini memang dia menyusahkan ra'ayat terutama sa-kali pekebun² getah—negeri² getah asli. Jadi saya fikir perkara yang sa-macham ini patut-lah Kerajaan memberi perhatian yang berat berhubung dengan penjualan getah kita dengan Amerika atau negeri² lain.

Akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua, saya sangat berbesar hati bahawa dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua kelak penye-larasan dan perlaksanaan itu di-tubuhkan bahagian khas yang di-ketua² oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Satu majlis peringkat kebangsaan termasuk Ketua Turus Agong Tentera, Ketua Polis kemudian di-tubuhkan juga peringkat daerah dan peringkat negeri. Yang saya hendak katakan, Dato' Yang di-Pertua, kita sangat bersenang hati dengan ada-nya Anggota² Polis dan Tentera memasoki dalam bidang ini, sebab dalam kita hendak melancarkan perlaksanaan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini macham² subversif yang di-datangkan oleh anti-national kita, atau pun musuh negara kita, atau pun kita kata subversif kominis supaya ra'ayat jangan menerima ranchangan Kerajaan kita. Saya hendak katakan, Dato' Yang di-Pertua, sekarang perkembangan kominis nampak-nya hebat sampai dekat² pekan Ipoh. Ini dengan sebab dia hendak mengalehkan pandangan ra'ayat supaya pehak Kerajaan menumpukan usaha pada hendak menentang pengganas kominis yang tidak berapa orang itu dan menakutkan ra'ayat. Saya minta kepada Kerajaan bahawa hendak-lah di-perhatikan segala parti² yang tidak bergerak dahulu atau pun orang² yang jadi anti-national kita dengan sebab pindaan Perlembagaan kita telah luluskan, maka mereka ini hendak menunjokkan perasaan tidak puas hati-nya itu di-sandarkan kepada pengganas² kominis yang ada saki-baki-nya dalam tanah ayer kita. Jadi saya mengharap-kan Kerajaan akan memerhatikan parti² Pembangkang yang sekarang tidak bergerak saperti Parti² Buroh, Parti Rakyat, Parti Sosialis mana pergi, Dato' Yang di-Pertua. Anggota² ini sekarang, mungkin telah pergi

bawah tanah menjalankan gerakan hendak menghancurkan Rancangan Malaysia Yang Kedua. Saya harap perkara yang macham ini dapat di-timbangkan oleh Kementerian yang berkenaan. Anggota² ini menggunakan orang Melayu sa-bagai alat-nya. Orang Melayu kita ini sa-bagai alat yang menjalankan dari belakang ia-lah anggota² di-bawah tanah sekarang dia sudah bergerak di-bawah tanah, Dato' Yang di-Pertua. Kalau tahun 1948 dahulu dia tidak bersetuju dengan Federation of Malaya dia masok bawah tanah. Pada masa sekarang dia tidak bersetuju dengan pindaan Perlembagaan, beberapa Akta yang kita pinda dalam Perlembagaan yang di-luluskan dalam Dewan ini dia tidak bersetuju, dia masok bawah tanah menyertai gerakan² subversif, menyertai gerakan² pengganas kominis walhal kominis ini dia punya tujuan, Dato' Yang di-Pertua, satu masa—satu hari dia memang hendak menjalankan pemerintahan dalam tanah ayer kita. Jadi manusia² ini-lah yang mengambil kesempatan dalam gerakan pengganas kominis ini.

Saya fikir sa-takat itu-lah sahaja, Dato' Yang di-Pertua, akhir-nya saya berdiri tegoh menyokong chadangan yang di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ini-lah satu usaha yang permulaan yang boleh menentukan nasib anak chuchu kita pada masa yang akan datang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Berapa lama lagi?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Belum lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Belum lagi?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Kejayaan itu, Dato' Yang di-Pertua, terpulang-lah kapada Kerajaan dan ra'ayat negeri ini. Sekian-lah terima kaseh.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda (Kota Bharu Hulu): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian sama di-dalam perbahathan mengenai dasar ekonomi baharu Kerajaan sa-bagaimana yang di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sa-malam. Di-dalam mengemukakan dasar ekonomi baharu Kerajaan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari sa-malam tergambar kapada kita bahawa Kerajaan mempunyai

minat yang besar untuk menchari asas² dan dasar² yang tegoh bagi mengubahkan kedudukan masharakat dan ekonomi negara ini pada masa akan datang.

Memang-lah, Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi hasrat dan keinginan siapa sahaja dan Kerajaan mana sahaja baik di-mana sahaja untok melakukan tugas memperbaiki kehidupan masharakat dan meninggikan nilai² ekonomi negara. Maka dasar yang di-kemukakan atau yang terkandung di-dalam dasar ekonomi baharu Kerajaan, ia-itu hendak membasmikan kemiskinan ra'ayat, dan mendekatkan jurang perbedzaan antara kaum, atau lebeh dekat lagi memperdekatkan jurang berbedzaan antara yang berada dengan yang tidak berada itu ada-lah merupakan satu dasar yang amat baik sa-kali. Saya perchaya siapa sahaja pun yang akan berdiri dan beruchap dalam Dewan ini mesti-lah memberikan sa-penoh² sokongan kapada dasar dan chita² ini kerana ini satu dasar yang tegas, maka saya bagi pehak parti saya menyokong dasar ini dengan sa-penoh²-nya.

Yang menjadi soal pokok-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah tentang konsep perlaksanaan bagi menyampaikan dasar yang baik itu menjadi satu kenyataan dalam masharakat. Dasar yang kita sebutkan tadi yang menjadi inti-sari daripada dasar ekonomi baharu merupakan dasar umum dan dasar umum saperti ini telah lama pun di-laong²kan oleh pehak Kerajaan Perikatan.

Saperti Ahli Yang Berhormat tadi yang berchakap terdahulu daripada saya menyatakan 14 tahun negara kita sudah merdeka, tetapi belum lagi dapat Kerajaan yang memerintah mewujudkan suatu kehidupan ekonomi yang tegoh bagi ra'ayat. Saya ingin menimbulkan tidak jauh sampai 14 tahun, tetapi chukup-lah sampai 12 tahun yang lepas. Semenjak negara kita ini telah mengamalkan dasar demokrasi sa-ratus peratus ia-itu sejak pilehan raya umum tahun 1959 dasar ini telah pun di-gunakan dan di-laongkan oleh Kerajaan yang memerintah. Tiap² kali kita menempoh zaman pilehan raya, Tuan Yang di-Pertua, slogan yang digunakan oleh parti Perikatan ia-lah untok membaiki ekonomi bagi memberikan kema'amoran kapada ra'ayat, erti-nya membasmikan kemiskinan ra'ayat. Tetapi sa-tiap kali itu-lah pula kita nampak bahawa kekechewaan sahaja-lah yang menjadi jawapan-nya.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mengemukakan usul ini sa-malam telah mengatakan bahawa sa-lama 14 tahun yang lalu kita hanya-lah melancarkan usaha² ekonomi atau pembangunan ini sa-bagai satu usaha memberikan kemudahan² kepada ra'ayat, atau dengan kalimah yang lain, Perdana Menteri telah mengatakan bahawa usaha semenjak merdeka dahulu itu sa-kurang²-nya untok Ranchangan Malaysia Yang Pertama merupakan suatu usaha untok mewujudkan infra-structure bagi menyambut kedatangan perubahan dasar ekonomi baharu saperti yang di-kemukakan sa-malam.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada kalimah, atau pun nama apa sahaja yang di-berikan kepada ranchangan² yang lepas, sama ada ia-nya mengemukakan alat², atau pun kemudahan², atau pun infra-structure, tetapi yang nyata dan jelas-nya bahawa kita telah menempoh kekechewaan di-dalam membentok suatu dasar ekonomi yang konkrit untok membasmikan kemiskinan dan memperdekatan jurang perbedzaan antara kaum pada masa² yang telah lalu. Melainkan sa-hingga Peristiwa 13 Mei berlaku saperti suatu letupan bom atom yang kuat yang mengejutkan orang² yang tidor lena dan memberikan suatu ilham baharu kepada angkatan yang dahulunya hampir² terlalai dari tugas dan kewajipan. Dalam masa itu-lah sampai sekarang ini sudah hampir dua tahun lama-nya ilham² baharu telah lahir dan hasil daripada ilham baharu itu lahir-lah sa-buah buku yang besar, Buku Merah, ia-itu suatu buku yang menggambarkan ranchangan, atau dasar ekonomi baharu Kerajaan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu soal yang tidak menjadi suatu benda yang patut di-ragukan lagi bahawa dasar ini ada-lah baik, tetapi yang maseh menjadi tanda-tanya dan keraguan ra'ayat semua-nya ia-lah berhasil-kah dasar² yang baik itu, atau akan dapat-kah terlaksana dasar yang baik ini. Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, pertama sa-kali berhasil atau tidak dasar ekonomi baharu Kerajaan ini ada-lah bergantung kepada dasar pelaksanaan-nya.

Yang kedua bergantung kepada kesedaran dan pengertian ra'ayat serta hubungan antara pemerintah dengan ra'ayat dalam erti-kata bukan sahaja ra'ayat yang sa-patut-nya sedar dan mengerti tentang hakikat yang di-kemukakan dalam dasar ekonomi baharu ini, tetapi

juga Kerajaan sendiri hendak-lah sedar dan mengerti jiwa ra'ayat, dan kehendak² ra'ayat itu sendiri.

Dalam hubungan antara dua badan ini jangan-lah sama sa-kali terselit di-dalam-nya usaha² perniagaan politik. Jangan-lah sama sa-kali terselit di-dalam-nya usaha² menangkok di-ayer keroh untok mencari keuntungan politik. Satu daripada sebab² ranchangan² pada masa² yang lalu kurang mendapat sambutan, atau pun tidak berapa mendapat sambutan dari ra'ayat, dan dengan demikian ranchangan itu hampir² gagal, kalau tidak pun gagal seluroh-nya, ia-lah kerana ada gulongan dari pihak pemerintah yang chuba menyelitkan usaha² politik, atau kegiatan politik, atau mencari keuntungan politik di-samping usaha² pembangunan itu sendiri.

Saya boleh kemukakan satu chontoh, Tuan Yang di-Pertua, tentang soal Ranchangan Tanah F.L.D.A. yang pertama sa-kali ranchangan tanah F.L.D.A. di-seluruh Malaysia ini, ia-itu-lah Ranchangan Tanah di-Ayer Lanas sa-bagai pilot projek yang di-laksanakan oleh Kerajaan Pusat. Pada beberapa hari yang lalu, atau minggu yang lalu, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam soal jawab telah menyatakan bahawa ranchangan itu telah gagal oleh kerana ia-nya di-pegang oleh Kerajaan Negeri, tidak oleh F.L.D.A. Jawapan ini sendiri pun maseh berbau politik, kalau tidak sampai sa-ratus persen pun hampir² 85 persen berbau politik. Dan jawapan itu sendiri pun ada mempunyai pertalian dan hubungan dengan tindak-tandok politik beberapa tahun yang lalu. Memang, Tuan Yang di-Pertua, semua orang mengetahui bahawa ranchangan sulong F.L.D.A. di-seluruh Malaysia yang bertempat di-Kelantan itu sa-lepas pilehan raya tahun 1959, telah di-serahkan kepada Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan mentadbir, dan menguruskan-nya, yang pada masa yang lalu pentadbiran F.L.D.A. di-Kelantan itu di-tadbirkan oleh suatu Lembaga Kemajuan Tanah, Jajahan Tanah Merah. Sa-benar-nya ranchangan itu berjalan dengan baik sampai sekarang ini. Getah-nya sudah pun meleleh dengan susu²-nya yang baik. Ra'ayat-nya hidup dengan baik dan segala²-nya berlaku mengikut sa-mesti-nya. Kalau ada kelemahan sedikit sa-banyak bukan-lah merupakan kelemahan pokok dan bukan-lah merupakan

kelemahan yang yatim piatu, sebab kelemahan seperti itu juga terdapat di-bawah Rancangan² Tanah F.L.D.A. di-tempat² yang lain sampai sekarang ini. Tetapi kalau hendak di-katakan gagal Rancangan Tanah F.L.D.A. di-Ayer Lanas itu mungkin-lah kegagalan itu dari suatu sudut, ia-itu sudut pemungutan balek wang² dari ra'ayat untuk di-bayar samula kepada F.L.D.A. Kalau itu-lah yang di-maksudkan gagal, maka saya pun mengatakan itu gagal, tetapi tidak gagal dari segi pelaksanaan dan tidak gagal dari segi memberikan kemudahan kepada ra'ayat, tetapi perlu pula di-kaji, Tuan Yang di-Pertua, kenapa ia sampai terjadi sa-demikian rupa.

Dalam pilehan raya tahun 1964, mengikut chatitan² yang ada di-pehak kami di-Kelantan, ada anasir² yang tidak bertanggung-jawab dalam masa kempen pilehan raya menghasut penghuni², atau peneroka² tanah di-Ayer Lanas supaya apabila hasil-nya di-dapati kelak jangan-lah di-bayar kepada Kerajaan Negeri, jangan di-bayar kepada Lembaga Kemajuan Tanah Negeri sebab wang yang di-gunakan untuk rancangan di-Ayer Lanas itu wang Kerajaan Pusat. Termasuk-lah orang yang berkempen seperti itu, atau menghasut seperti itu, salah sa-orang daripada Menteri Kabinet yang ada pada hari ini.

Akibat-nya, Tuan Yang di-Pertua, berlaku lah perpechahan di-dalam kawasan Ayer Lanas itu sendiri yang pada masa mula²-nya telah pun berjaya di-buat suatu sistem pengumpulan susu² getah bersama, tetapi akhir-nya sistem itu gagal oleh kerana ada orang yang ingkar daripada mengumpulkan susu² getah bersama, sebab dia ta' mahu lagi wang hasil-nya itu di-potong untuk membayar hutang² kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Sampai-lah kepada sekarang ini persoalan itu maseh bergolak.

Pihak Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan menuntut supaya Lembaga Kemajuan Tanah Negeri membayar hutang² peneroka Ayer Lanas itu, dan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri tidak berupaya hendak membayar-nya, sebab ra'ayat tidak membayar dan tidak berupaya memungut-nya sebab keingkarannya yang telah begitu lama di-tanam akibat daripada hasutan yang melampaui batas.

Akhir-nya Kerajaan negeri telah mengambil satu keputusan demi untuk menchari kebaikan dan hubungan baik antara F.L.D.A.

dengan Kerajaan Negeri, kita bersedia menyerahkan kembali pentadbiran tanah itu kepada F.L.D.A. dan kalau barangkali dengan chara yang sa-demikian tidak ada lagi penghasut² yang boleh menghasut ra'ayat supaya tidak membayar yuran² yang tertentu daripada hasil² yang di-dapati. Tetapi malang-nya pihak F.L.D.A. sampai sekarang tidak mahu menerima kembali rancangan itu dan menuntut Kerajaan Negeri membayar hutang-nya lebeh kurang \$3 juta lebeh. \$3 juta lebeh ini termasuk hampir 60 persen daripada-nya interest atau pun bunga. Berma'ana-lah selama ini ra'ayat di-kawasan itu terpaksa membayar interest lebeh daripada 100 persen.

Tuan Yang di-Pertua, itu sa-bagai satu chontoh bagaimana kita hendak menjayakan satu konsep yang baik, satu dasar yang baik. Kalau di-dalam usaha² pembangunan kita chuba menyelitkan usaha² politik untuk menchari kepentingan dan keuntongan politik dan sa-bagai-nya, seperti-lah apa yang berlaku minggu yang lalu, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar memberikan satu jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat tentang sampai sekarang ini belum ada hubungan di-antara F.L.D.A. dengan Negeri Kelantan di-mana kata-nya Negeri Kelantan telah pun memberikan tanah yang tidak baik, tidak berharga, sebab itu kita tidak boleh jalankan.

Tuan Yang di-Pertua, terlalu lanchang lidah orang² yang berchakap demi untuk menyedapkan kalimah² yang di-ucapkan-nya dan demi untuk menunjokkan keangkohan dan kesombongan-nya, boleh-lah di-chari apa sahaja kalimah² yang sedap untuk di-nyatakan kepada orang ramai, tetapi apa yang berlaku sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah perundingan maseh di-jalankan lagi.

Kerajaan Negeri Kelantan sedia menerima Rancangan F.L.D.A. dan rundingan maseh berjalan. Memang benar kita telah mengemukakan sa-keping tanah untuk F.L.D.A. dalam jangka panjang, tanah itu hampir 100 ribu ekar luas-nya. Kita mahu serahkan kepada F.L.D.A. bukan sahaja tanah kosong, malah dengan hutan, dengan isi kandongannya, tetapi F.L.D.A. menolak kerana tanah itu jauh daripada jalan raya.

Memang di-Kelantan itu hendak menchari tanah dekat dengan jalan raya belum-lah kita dapati lagi buat masa ini, bukan kerana tanah itu tidak baik, tanah itu ada-lah sa-baik²

tanah yang terdapat di-Kelantan, sebab dalam tahun 1962 pernah di-adakan rundingan dengan sa-buah sharikat di-Australia hendak menanam kelapa sawit di-situ, tetapi ranchangan itu gagal, kerana ada tangan² kasar yang menggagalkan-nya, dan panjang cheritanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ta' mahu-lah sambong lagi, tanah itu memang tanah yang baik dan oleh kerana ada-nya usaha² yang pada akhir-nya kita hendak membuatkan satu ladang besar di-kawasan ini terpaksa gagal juga dengan kerana ta' ada jalan raya dan ini di-akuī sendiri oleh Perdana Menteri bahawa tanah itu merupakan tanah yang terbaik sa-waktu Perdana Menteri dalam masa kempen pilihan raya dahulu menyelar sikap Kerajaan Negeri berhubung dengan soal Sharikat Timber Mines Berhad, menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah meng-gadaikan tanah² yang subor kapada Sharikat Timber Mines.

Sa-benar-nya tanah yang hendak di-serahkan kapada F.L.D.A. ini ia-lah sa-sudut daripada tanah yang dahulu-nya di-serahkan kapada Timber Mines Berhad untuk mengeluarkan isi hutan-nya, tetapi kemudian kawasan tanah itu di-minimisekan, di-perkecilkan, maka keluar-lah tanah yang baik ini dan tanah ini hendak di-serahkan kapada F.L.D.A. Tanah ini tidak di-terima oleh F.L.D.A. bukan kerana tanah ini tidak baik, tetapi terlalu jauh daripada jalan raya dan Jalan Raya Timor-Barat yang di-chadangkan dahulu melalui Gua Musang tidak jadi di-buat, sebab itu maka tidak ada-lah ranchangan jalan raya buat sementara ini untuk sampai kapada kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, itu sa-bagai satu chontoh yang saya hendak sebutkan bahawa hubungan di-antara pemerintah dengan ra'ayat dalam erti kesedaran dan pengertian bersama jangan-lah hendak-nya terselit usaha² perniagaan politik, atau pun mencari keuntungan politik. Saya berikan chontoh tadi, kalau ada-lah soal² politik di-selitkan, maka neschaya kita akan menempoh kegagalan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya zaman baharu sudah mulai berkembang dan kesedaran² yang baharu wujud di-kalangan kita sekarang ini tidak lagi memungkinkan muncul-nya kejadian² yang tidak di-ingini seperti pada masa² yang telah lalu dan saya harap-lah kapada pemimpin² yang chuba rindu dan rasa mimpi hendak kembali kapada

zaman lampau, zaman main²an politik itu supaya dia chepat² menchuchi tahi mata-nya dan menggosok gigi-nya dan basoh-lah muka-nya betul² supaya ia sedar yang ia tidak lagi berada di-zaman sa-belum 13 Mei, tetapi ia telah berada di-dalam zaman sa-lepas 13 Mei, zaman kepala-nya telah terhantok ka-dinding, zaman dia patut sedar dan insaf.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga dari segi berjaya atau tidak berjaya-nya dasar ekonomi baharu ini—ia-lah kemampuan pemerintah bagi menyediakan jentera² dan alat² yang lengkap bagi perlaksanaan dasar yang tersebut.

Dan yang ke-empat ia-lah wujud-nya infra-structure yang sempurna. Yang saya maksudkan infra-structure yang sempurna ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah bererti pada masa sekarang ini belum ada lagi infra-structure itu. Memang telah ada infra-structure itu, tetapi yang belum sempurna-nya ia-lah satu perkara yang terlalu penting, ia-itu-lah di-kaitkan kembali dengan kesanggupan ra'ayat, kesedaran dan kesanggupan ra'ayat ini merupakan satu infra-structure yang terlalu penting. Sa-lama 14 tahun lamanya ra'ayat negara kita ini di-manja²kan. Ranchangan Pembangunan Luar Bandar yang di-berikan sa-lama ini yang merupakan sa-bagai alat², atau pun pertolongan² oleh pehak Kerajaan lebeh banyak merupakan tepok sayang daripada pengajaran. Bantuan² yang di-beri oleh Kerajaan kapada ra'ayat lebeh banyak merupakan membeli hati ra'ayat daripada mengajar ra'ayat supaya sedar akan tanggong-jawab-nya.

Kita memberikan bantuan kapada ra'ayat oleh kerana kepentingan sa-suatu ia-itu sa'at² hampir pilihanraya. Mithal-nya jalan raya pun di-buat, titi pun di-buat, pagar kubor pun di-buat dan sa-bagai-nya. Nama-nya ranchangan gotong-royong tetapi yang menjalankan kerja ia-lah konterekter. Belanja gotong-royong di-bayar untuk belanja konterekter. Jadi nama-nya baik, isi-nya ta' ada. Ra'ayat sa-lama²-nya merasa ia perlu di-manjakan. Ra'ayat merasa ia perlu di-tepok dan di-dudui, ra'ayat berasa ia berhak mendapat sa-suatu daripada pemerintah. Sa-lagi perasaan seperti ini subor di-kalangan ra'ayat, maka erti-nya kita belum punya infra-structure² yang kuat. Kita mahu ra'ayat yang bertanggung-jawab dan jangan-lah Kerajaan menjadi satu alat bagi melumpuhkan jiwa

ra'ayat. Kelumpohan jiwa ra'ayat seperti menjadi suatu batu penarong yang besar untuk berjaya-nya dasar ekonomi baharu negara yang baik ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita pernah mendengar chadangan yang di-berikan oleh pihak Kerajaan terutama oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri sendiri, ia-itu tentang menchari kemajuan, kita ta' perlu kapada ideoloji, atau konsep² yang hebat². Apa yang kita tuju ia-lah kebahagiaan hidup dan kebahagiaan masharakat. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya apa sahaja nama yang kita berikan, namakan-lah konsep ekonomi kita ini berdasarkan kebahagiaan hidup dan kebahagiaan masharakat. Kita tidak punya ideoloji, kita bukan kapitalis, kita bukan sosialis, tetapi ia tidak boleh lari daripada perhitongan² orang tentang terta'alok, atau tidak-nya konsep dan dasar kita ini kapada mana² satu ideoloji politik dan ekonomi. Terutama sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah tentang konsep atau strateji perlaksanaan. Ia-nya lebeh menggambarkan ideoloji dan konsep ekonomi itu sendiri. Kalau kita mengatakan bahawa dasar ekonomi baharu ia-lah satu dasar untuk membasmikan kemiskinan ra'ayat dengan tidak mengira kaum, ugama dan sa-bagai-nya dan memperdekatkan jurang perbedzaan antara kaum serta jurang perbedzaan antara yang berada dengan tidak berada. Ini suatu dasar umum. Orang sosialis mengatakan sa-demikian, dan orang kapitalis pun chuba² mengatakan sa-demikian. Malahan dalam dasar Islam sendiri pun berkehendakkan sa-demikian. Tetapi yang menjadi nilai konsep ini ada-lah bergantung kapada chara perlaksanaan itu sendiri. Ia-itu bagaimana-kah chara perlaksanaan-nya bagi menghasilkan dasar yang baik itu? Maka chara perlaksanaan itu-lah yang akan memberikan jawapan sama ada dasar itu dasar kapitalis, atau pun dasar itu dasar yang lain daripada-nya.

Tuan Yang di-Pertua, mari-lah chuba kita lihat sedikit: Dasar kapitalis-kah, atau dasar sosialis-kah yang terkandung di-dalam dasar ekonomi baharu negara ini, atau pun ini-kah yang hendak di-namakan konsep ekonomi Malaysia yang pragmatic. Kalau kita hendak menchari jawapan-nya kita terpaksa menyelidik isi kandungan-nya.

Satu di-antara yang terkandung dalam dasar ekonomi baharu ini ia-lah hendak membangunkan sa-gulungan umat yang sa-lama

ini terkebelakangan dan tertindas di-bidang ekonomi. Tetapi di-dalam usaha membangun umat yang tertindas ini dan menaikkan bidang ekonomi-nya, tidak-lah ia-nya akan menyentoh hak² dan kepentingan gulungan² yang sedia ada di-lapangan tersebut. Penyer-taan orang Melayu dan Bumiputra di-bidang ekonomi ini ia-lah penyer-taan di-dalam sa-suatu bidang yang di-namakan persaingan bebas.

Baik-lah, Tuan Yang di-Pertua, soal-nya apa-kah bentuk ekonomi yang hendak di-bangunkan itu menurut pattern ekonomi yang sedia ada atau tidak. Kalau hendak menyatakan persaingan bebas dalam suatu arena ekonomi, erti-nya persaingan bebas antara yang sedia wujud dengan yang akan di-wujudkan, berma'ana-lah mesti yang akan di-wujudkan itu mempunyai bentuk roda-nya dan steering-nya, sama dengan bentuk roda dan steering yang sedia ada. Kalau tidak, tidak boleh di-namakan persaingan bebas.

Jadi, nyata-lah, Tuan Yang di-Pertua, sa-chara ringkas-nya kita dapat mengambil kesimpulan bahawa Kerajaan kita sedang berusaha hendak menumbuhkan suatu gulungan perdagangan dan perusahaan di-kalangan orang² Melayu dan Bumiputra bagi mengimbangi kekuatan gulungan yang sedia ada di-lapangan tersebut.

Mengikut huraian dalam Buku Merah, matlamat-nya ia-lah satu jenerasi. Dalam masa satu keturunan sa-banyak 20% hingga 30% akan dapat terchapai dari segi neracha perimbangan-nya. Ini, Tuan Yang di-Pertua, bererti dalam kenyataan itu mengatakan bahawa Kerajaan terpaksa meluaskan bidang² K.N.K.-nya atau pun G.N.P.-nya sa-imbang dengan keperluan ekonomi negara dan keperluan matlamat yang terma'alum itu sendiri.

Memandang dari sudut ini, Tuan Yang di-Pertua, nyata-lah bahawa bentuk straktur ini tidak membawa kapada sifat² pembaharuan sa-lain daripada menambahkan peluang² di-bidang yang sama. Di-tinjau pada keseluruhan-nya, Tuan Yang di-Pertua, boleh-lah kita mengambil satu pengertian bahawa serampang dua mata itu tempang, kerana satu daripada mata serampang itu besi-nya tawar dan tidak dapat melakukan tugas dengan sa-wajar-nya. Sebab nyata, Tuan Yang di-Pertua, kerana dengan tidak berlaku-nya perubahan straktur seperti yang disebutkan tadi, negara kita dalam usaha-nya tidak akan dapat memperdekatkan gulungan yang berada dengan yang tidak berada.

Erti-nya tiada-lah berhasil akhir-nya usaha hendak membasmi kemiskinan ra'ayat dalam negara ini. Barangkali yang mungkin berjaya ia-lah dua perkara. Perkara yang pertama, peluang bekerja dengan melalui chara pembukaan tanah baharu dan menjadi buroh² di-kilang² yang akan di-dirikan sama-ada oleh pihak Kerajaan, ajensi²-nya atau oleh pihak swasta, ia-itu menjadi buroh kasar.

Dan yang kedua-nya mungkin ia berjaya dalam usaha memuncholkan gulungan² perusahaan dan perdagangan Melayu dan bumiputra atau dengan kalimah lain gulungan kelas menengah Melayu dan bumiputra, atau pun dengan kalimah lain gulungan kapitalis² Melayu sa-banyak 20 hingga 30% dalam masa 20 tahun—ini pun jika kita hendak menganalisa sedikit, neschaya kita akan menemui jawapan-nya.

Yang pertama sa-kurang²-nya dalam tempoh 40 tahun baharu-lah gulungan kapitalis Melayu dan bumiputra ini akan dapat mengimbangi kekuatan gulungan kapitalis² lain sa-banyak 50%, ini pun dengan syarat perkembangan kemajuan gulungan kapitalis lain itu hendak-lah statis.

Yang kedua, nilai persen, seperti 20% dalam masa 20 tahun, atau 50% dalam masa 40 tahun, atau dua jenerasi itu bukan-lah nilai jumlah chachah jiwa Melayu dan bumiputra tetapi nilai perdagangan dan perusahaan—yang ini pun juga maseh kabor, sama-ada nilai itu jumlah modal pusingan atau jumlah sharikat besar dan kecil.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memandang kapada hakikat ini nyata-lah bahawa dalam dasar pelaksanaan-nya, Dasar Ekonomi Baharu ini maseh belum tegas. Chuba kita perhatikan satu lagi tentang simpang-siur-nya hakikat perlaksanaan ini, chuba kita melihat kapada kenyataan² yang di-buat oleh beberapa orang Menteri dalam tempoh sa-bulan yang lepas, simpang-siur kenyataan yang disertai dengan langkah² perhubungan jemput chapai dari sikap pemilehan yang pragmatik selalu-nya membuahkan hasil yang hambar dan kerdil.

Boleh-kah kita chuba menamakan peringkat ini sa-bagai peringkat testing atau perchubaaan? Belum berani saya mengatakan sa-demikian, Tuan Yang di-Pertua, tetapi sudah tentu sa-barang kegagalan dari sikap yang sa-demikian lazim-nya orang² bergan-

tong kapada beberapa helai daun lalang yang di-beri nama perchubaaan. Saperti mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam mentafsirkan apa yang di-namakan urbanisasi, saya gunakan kalimah Melayu-lah bandaranisasi. Berkata-lah Yang Berhormat Menteri Tanpa Jabatan merangkap Menteri Penerangan: "Kita akan chuba membandaranisasikan pendudok² di-luar bandar, kita tidak mahu mereka hidup sa-chara yang lama, kita mahu membawa perkembangan baharu ka-luar bandar, kita mahu membangun kehidupan luar bandar sesuai dengan zaman kemajuan sekarang, zaman sains dan teknologi." Erti-nya kita mahu membawa bandar ka-luar bandar. Perusahaan pertanian hendak-lah di-mechanisekan, di-sain dan di-teknologikan, erti-nya keadaan kehidupan di-luar bandar itu mesti-lah di-ubahkan chorak-nya daripada primitive kapada sa-chara kemajuan sa-hingga ia benar² merupakan seperti kehidupan dalam bandar. Itu-lah maksud bandaranisasi—urbanisasi.

Tetapi pada masa² yang akhir ini Perdana Menteri sendiri mengatakan bahawa usaha itu ia-lah mengimpotkan orang² di-luar bandar supaya masok ka-dalam bandar. Melatehkan mereka itu berdagang, Kerajaan akan membuka peluang perdagangan dan chakapan² ini akhir-nya di-sambong dari mulut ka-mulut oleh Menteri²-nya atau Timbalan² Menteri-nya dengan tidak putus² sa-olah² usaha bandaranisasi itu erti-nya menarek pemuda² di-luar bandar supaya berkumpul, bertumpu di-dalam bandar menjadi kuli², buroh² kasar, menjadi kaum perniaga² kecil menjadi penghuni² di-jalan² kecil, di-dalam toko² kecil yang di-bangunkan oleh Kerajaan atau Majlis Perbandaran dan sa-bagai-nya. Kalau ini-lah yang di-maksudkan dengan bandaranisasi, maka nyata-lah, Tuan Yang di-Pertua, kita akan menempoh suatu kehampaan pada masa akan datang. Kampong akan di-huni oleh orang² tua yang kurang sasar dan kurang tenaga, akhir-nya kita akan menempoh suatu hal yang akan membahayakan kapada keselamatan negara kita pada masa akan datang.

Saya lebeh chenderong, Tuan Yang di-Pertua, dengan sikap dan pandangan yang di-berikan oleh Menteri Tanpa Jabatan merangkap Menteri Penerangan bahawa usaha membandarkan ra'ayat² luar bandar ini bukan-lah erti-nya memindahkan orang itu ka-dalam bandar, tetapi membandarkan, memberikan sifat² bandar kapada pendudok²

luar bandar, dalam erti kata kemudahan dan dalam erti kata nilai² penghidupan. Bukan ma'ana-nya membandarkan luar bandar dengan memberikan api letrik dan ayer minum, ayer perigi sahaja, tetapi memberikan nilai² kehidupan sa-chara bandar termasuklah nilai² ekonomi-nya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bila kita kaji-kan soal ini sa-chara menyeluroh-nya, kita akan dapat menyaksikan sa-chara garis kasar kandungan Buku Merah ini yang memberikan suatu gambaran yang indah tetapi jalan hendak menyampaikan kepada gambaran yang indah itu terlalu kabor. Saperti sa-orang pelukis yang terlalu abstract dalam lukisan-nya, indah di-pandang mata, tetapi dalam memberi tafsiran kepada lukisan itu, yang tahu-nya ia-lah si-pelukis-nya, kadang² si-pelukis-nya pun tidak tahu maka di-chari-lah ayat² yang molek², yang indah² bagi memberikan pentafsiran lukisan yang bagitu abstract. Jadi kita tidak mahu Buku Merah—Ranchangan Malaysia Kedua, Dasar Ekonomi Baharu ini sa-bagai satu lukisan yang abstract.

Lorong² yang di-gariskan dalam buku ini, bagi menyampaikan kepada tujuan yang indah itu terlalu kabor, lorong² yang gelap tidak ada lampu² di-tepi jalan sampai orang berjalan terantok kaki-nya atau tersepak kepada batu² penarong di-tengah jalan. Sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu pernah saya memberikan beberapa saranan kechil sa-bagai sumbangan yang kerdil kepada Kerajaan, maka hari ini saya chuba pula menambah sedikit sa-banyak lagi sumbangan fikiran kalau fikiran itu, dapat di-terima atau terasa berguna oleh pehak Kerajaan shukor-lah kalau maseh mereka merasakan fikiran itu tidak berguna dan bahawa jalan yang kabor ini sudah terang bagi mereka, apa boleh buat. Tetapi saya perchaya, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak di-terangi jalan, atau lorong yang menyampaikan kepada-nya Ranchangan Malaysia Kedua ini akan menempoh nasib yang sama dengan Ranchangan Malaysia Pertama dan akan menempoh nasib yang sama dengan Ranchangan² Pembangunan Ekonomi Kerajaan Perikatan pada masa² yang lampau. Jadi demi untuk menchari kata sa-pakat dan demi untuk menyusun satu barisan yang kuat bahu-membahu antara semua gulungan ra'ayat dengan tidak menghitongkan dari kalangan

pemerintah, atau dari kalangan Pembangkang, kita perlu-lah membahathkan ini dengan ikhlas dari hati ka-hati sesuai mengikut apa yang di-pandang oleh masing² orang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau berapa banyak sa-kali pun kita tubuhkan ajensi² Kerajaan, untok menampong kekurangan² alat² perusahaan dan perdagangan di-kalangan bangsa Melayu dan Bumiputra maseh belum dapat memberi jawapan yang sewajar-nya, melainkan dapat di-terangkan sifat dan arah yang hendak di-tubuhkan oleh ajensi yang di-bentok oleh Kerajaan itu sendiri. Mithal-nya apa-kah sifat ajensi yang hendak di-tubuhkan oleh Kerajaan bagi melaksanakan suatu tugas untok export dan import antara negara Malaysia dengan negara Komunis China—itu chuma satu chontoh-nya sahaja. Apa-kah fungsi-nya dan ka-mana-kah arah-nya? Kalau fungsi-nya, atau sifat-nya sa-bagai satu ajensi untok memudahkan perhubungan perdagangan antara Malaysia dengan negara Komunis China sahaja dan arah-nya ia-lah menchari keuntungan sa-mata², maka tidak-lah dia sampai kepada tujuan yang sa-benar. Tetapi kalau fungsi-nya akan merupakan sa-bagai satu²nya alternative yang ada pada Kerajaan bagi membangkitkan tenaga peng-usaha dan indasteri di-kalangan bumiputra dan ra'ayat seluroh-nya, maka kalau fungsi saperti itu dapat di-lahirkan, neschaya lahir-lah bentok-nya yang tersendiri. Bagaimana hendak di-tarek penyertaan orang ramai di-dalam badan atau ajensi Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak bertanya, panjang mana lagi.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Dalam 20 minit kalau di-izinkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi satu jam 20 minit-lah, ini sudah dekat satu jam. Jadi kalau sa-orang satu jam pun sudah suntok masa kita, saya menjaga masa.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Saya ini ta'at kepada perintah, Tuan Yang di-Pertua, berapa minit yang boleh lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Pendek²kan, 15 minit sahaja lagi.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Insha' Allah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan dengan ini ia-lah supaya Kerajaan mengambil initiative dari segi bidang perusahaan dan perdagangan, ia-itu dengan jalan menubuhkan ejensi²-nya sa-berapa banyak yang boleh di-mana ejensi ini akhir-nya akan menjadi milek ra'ayat sa-chara bersama, sa-chara collective, sa-chara co-operative. Dan kalau kita menyebut sa-chara co-operative sudah tentu-lah dasar dan undang² co-operative yang ada sekarang ini perlu di-ubah bagi di-sesuaikan dengan kehendak² pembangunan ekonomi yang berjalan mengikut dasar ekonomi baharu ini. Dengan sa-chara seperti ini sahaja-lah, Tuan Yang di-Pertua, baharu dapat di-bentok suatu dasar menghak-milekkan ra'ayat sa-chara bersama. Kalau sa-kira-nya kita meletakkan ejensi² Kerajaan oleh kerana kebetulan Kerajaan tidak dapat berniaga, maka di-tubuhkan ejensi-nya, ra'ayat ramai hanya dapat menjadi buroh kasar sahaja, tidak akan dapat mencapai kehendak² mengimbangi kedudukan ekonomi kaum yang lain dalam negara ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju usaha² mengadakan peluang memberikan pekerjaan kepada ra'ayat dengan sa-chara menjadi buroh sa-mata².

Saya bersetuju mengadakan peluang memberikan pekerjaan pada ra'ayat dalam erti-kata perusahaan yang di-lakukan oleh ra'ayat itu akhir-nya, lambat-laun akan menjadi hak milek mereka. Sebab itu-lah dalam usaha menubuhkan ejensi, atau pun dalam usaha memenohi keperluan Ranchangan Malaysia Kedua ini, Kerajaan hendak-lah mengambil daya utama yang lebih daripada badan suwasta. Apa yang kita nampak sekarang ini suwasta hampir² mengatasi Kerajaan ia-itu lebih daripada 50% dan Kerajaan hanya memegang peranan sa-takat 50%, sebab kalau badan² suwasta-lah yang lebih banyak memegang peranan dalam lapangan perusahaan dan perdagangan ini, maka nyata-lah orang ramai, ra'ayat biasa paling tinggi peluang-nya dapat menjadi kuli dan buroh kasar sahaja. Tetapi kalau Kerajaan yang mengambil peranan dan berdasarkan kepada sistem co-operative mithal-nya, bukan sahaja orang ramai ini dapat menjadi buroh kasar, tetapi dia memburoh kepada diri-nya sendiri, sebab dia lambat-laun akan menjadi tuan kepada perusahaan dan perdagangan itu

sendiri. Sistem seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, akan dapat lebih menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan ra'ayat.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya tamatkan, ia-lah tentang soal tanah. Memang-lah saya sa-pendapat dengan Yang Berhormat daripada—saya lupa nama kawasan-nya—ia-itu sa-kurang²-nya 300,000 ekar sa-tahun perlu di-sediakan tanah untok di-beri kepada ra'ayat. Sa-benarnya, Tuan Yang di-Pertua, sa-berapa banyak tanah pun yang hendak di-siapkan dan di-sediakan memang-lah tidak menchukupi, dan kalau-lah hendak di-chukupkan semua kepada ra'ayat² yang tidak mempunyai tanah tidak cukup tanah dalam negara kita ini hendak di-beri kepada ra'ayat. Soal-nya sekarang ini perlu Kerajaan memikirkan tentang tanah² yang sedia ada, yang sedia di-mileki oleh ra'ayat. Bagaimana kita hendak memecahkan masalah satu kampung yang penduduk-nya 500 orang, tanah-nya 300 ekar, atau pun 500 ekar, 500 penduduk yang mempunyai keluarga jumlah anak dan isteri-nya mungkin 1,500 tanah-nya 500 ekar. Dari segi ekonomi-nya memang tidak berekonomi sama sa-kali. Mereka dudok kekal di-tanah itu, tetapi tanah milek mereka, di-beri-lah tanah tambahan di-luar supaya sempurna dengan kehendak² economic holding, tetapi tidak akan dapat menemui dan tidak akan dapat memecahkan masalah ini. Kenapa kita tidak memikirkan tanah ra'ayat yang sa-luas 500 ekar itu dapat di-jadikan suatu bahan yang dapat melahirkan suatu tenaga ekonomi yang besar dalam negara kita ini.

Kita telah mempunyai satu badan, Kerajaan Pusat, telah menubuhkan badan nama-nya Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Negara, tetapi sampai ka-hari ini lembaga ini maseh kaku dan beku. Kita tidak nafikan dia telah bekerja, tetapi usahanya sekarang menuju ka-arrah menchari tanah baharu hendak di-tanam dengan getah, atau kelapa sawit kemudian di-bahagi kepada orang kampung yang tidak cukup tanah. Sama sahaja tugas-nya dengan Persatuan Pekebun² Kechil, sama sahaja tugas-nya dengan F.L.D.A., pada hal tugas pokok yang paling besar bagi lembaga ini ia-lah soal konsolidasi dan rihabilitasi, penyatuan dan pemulahan. Bagaimana tanah ra'ayat yang kechil yang di-mileki sa-luas

sa-tengah ekar pada sa-orang atau suku ekar, akan dapat di-olah sa-bagai suatu alat ekonomi yang besar. Boleh jadi ada sa-tengah pemikiran bahawa Kerajaan kena-lah membayar harga tanah itu semua sa-kali. Barangkali, Tuan Yang di-Pertua, kalau 500 ekar tanah dengan harga \$2,000 sa-ekar mungkin \$1,000,000 Kerajaan akan kehilangan wang, sedang tenaga belum tentu akan dapat berhasil, tetapi barangkali mungkin akan dapat di-tunjokkan atau di-buat satu jalan mengadakan yunit² sistem dalam kampong² seperti ini. Satu yunit 500 ekar tanah itu di-beri nilai yang sa-wajar-nya mengikut harga pasaran dan nilai itu merupakan share daripada tuan² punya tanah itu, nilai tanah itu-lah merupakan nilai share, nilai saham daripada tuan² tanah itu dan kemudian di-bawah arahan badan ini di-lakukan-lah usaha² sa-chara moden, pertanian sa-chara moden, adakan kilang² kecil, adakan pembajak, adakan chara yang sistematik, bagaimana chara-nya perubahan pertukaran antara satu jenis tanaman dengan satu jenis tanaman sa-hingga perusahaan itu mendatangkan hasil yang wajar. Bagaimana chara hendak mendatangkan hasil itu Kerajaan menyediakan wang modal \$1,000,000 sama nilai-nya dengan harga tanah yang di-miliki oleh ra'ayat. Jadi ra'ayat bekerja dengan sa-chara makan gaji tetapi dia punya sendiri kawasan itu. Dengan chara yunit sistem seperti ini—masa singkat, Tuan Yang di-Pertua,—tidak dapat hendak terangkan lebih panjang—tetapi saya kira pehak Kerajaan dapat mengerti dengan chara yunit sistem seperti ini kita akan dapat melangkah sa-langkah ka-hadapan lagi dengan memisahkan soal membuka tanah baharu dengan soal memulehkan tanah lama yang hampir mati. Chara seperti ini juga, Tuan Yang di-Pertua, akan dapat menampung dan menolong mengurangkan kemiskinan hidup ra'ayat dengan tidak payah menarek ra'ayat ramai² menjadi buroh kasar di-dalam kilang² dan sa-bagai-nya. Chara ini pun satu daripada chara yang kalau tidak banyak persen pun tetapi merupakan suatu usaha yang terpenting di-bidang perindustrian pertanian dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya sa-kadar itu-lah yang dapat saya berikan pandangan dan saya rasa ranchangan dasar ekonomi baharu Kerajaan ini akan dapat

berhasil dan berjaya kalau jalan² bagi menyampaikan dasar itu dapat di-nyatakan dengan terang dan jelas dan jangan kita berdolak-dalek, jangan terlalu pragmatik, jangan jadi orang yang pragmatis dalam melaksanakan dasar ekonomi ini. Kapitalis tidak, sosialis tidak, free enterprise tidak, ini tidak, menjemput chapai mana yang baik sahaja, mengikut perasaan kita. Ini menyebabkan terlalu bercheluaru, terlalu tidak tersusun dalam chara-nya. Biar-lah kita menyatakan dengan terang² dalam sikap kita, Tuan Yang di-Pertua. Kita mahu satu masyarakat yang bahagia. Kita mahu kesemua ra'ayat ini menjadi tuanpunya perusahaan dan perdagangan negeri ini, tetapi kita mahu juga bahawa pengusaha² yang sedia ada itu tidak akan tersentuh hak² mereka. Menchari satu jalan co-existence antara free enterprise dengan suatu sistem yang bernama sistem collectivism atau sistem co-operative atau sa-bagai-nya. Ini bukan dasar sosialis. Tetapi satu dasar perchantuman di-antara dasar perniagaan bebas dengan suatu dasar yang memberikan kebahagiaan kepada ra'ayat. Dengan chara seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya dasar ekonomi baharu ini akan dapat berhasil dan saya berharap moga² Kerajaan akan berjaya dalam melaksanakan dasar ekonomi ini, mudah²an.

Puan Bibi Aishah binti Hamid Don (Kulim Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan saya ka-atas Rang Undang² atau pun usul yang di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berkenaan dengan Ranchangan Malaysia Yang Kedua, yang mana rasa saya, Tuan Yang di-Pertua, saya harus memberi tahniah sa-tinggi²-nya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah mengemukakan satu Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini dengan begitu tepat pada masanya dan mempunyai tujuan² ia-itu hendak membasmi kemiskinan, menyusun sa-mula masyarakat Malaysia dan mengurangkan jurang perbedzaan ekonomi antara bangsa ia-lah sa-mata² untuk kebajikan ra'ayat seluruh-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya inilah satu sikap berani Kerajaan kita berterus terang, patut sangat di-puji dengan bertujuan tidak lain sa-mata²-nya kerana memandangkan keadaan negara kita yang maju dengan pesat-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak memberi pendapat saya di-atas hal² yang di-hadapi oleh keadaan masharakat sekarang ini ia-itu dari kacha mata yang inginkan perlaksanaan dapat di-chapai dengan approach yang baik. Ra'ayat sa-penoh²-nya sanggup bekerja, menerima dan sa-terus-nya di-harap mendapatkan taraf hidup yang boleh menjamin bukan sahaja dari segi keselamatan bahkan perpaduan, jaminan sosial yang baik dan terator. Ranchangan² yang telah di-kemukakan oleh pihak Kerajaan kepada ra'ayat sakalian-nya, saya rasa maseh berjalan dengan baik, walau pun begitu ada-lah juga di-antara beberapa perkara yang harus di-baiki daripada satu masa ka-satu masa. Mithal-nya di-dalam ranchangan² membasmi kemiskinan dan pengangoran.

Saya nampak ranchangan tanah memang mempunyai satu keistimewaan yang mana Kerajaan kita berchita² hendak membuka tanah yang lebeh daripada satu juta ekar luas-nya dan di-situ saya mengharapkan bahawa jaminan² kepada peserta² Ranchangan Tanah ini harus-lah kita ubah sedikit, kerana mereka juga mahu supaya kita dapat memberi jaminan bahawa peserta² ini tidak di-buang, di-keluarkan daripada ranchangan tanah ini dengan sa-wenang²-nya. Kalau terdapat kechuaian yang sedikit sahaja, maka mereka ini telah di-buang begitu sahaja, kerana saya rasa hempas-pulas dan titek-peloh yang mereka telah churahkan kepada ranchangan tanah ini bukan-lah dapat diambil tindakan begitu sahaja. Saya perchaya, Tuan Yang di-Pertua, orang² yang beserta di-dalam ranchangan tanah tadi mereka hanya kalau dapat-lah kita menggunakan pakar² yang boleh memberi ia-itu satu chara mengenakan mereka ini ia-itu satu bayaran yang kechil ia-itu mengenakan sa-rupa macham Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau pun E.P.F. kepada mereka ia-itu ini-lah sa-bahagian satu jaminan yang kechil yang boleh menjamin yang mereka tidak akan di-buang dan ini ada-lah sa-bagai simpanan untok mereka itu buat hari tua mereka dan rasa saya kalau-lah sa-bagai pihak Kerajaan kita telah berchita² pula hendak mengadakan satu Penubohan Insuran Kebangsaan Malaysia juga dapat memainkan peranan-nya di-dalam ranchangan² Lembaga Tanah dan sa-terus-nya saya amat terperanjat, pada beberapa hari yang lepas, bacha dalam surat

khavar ia-itu di-antara 92 buah insuran yang telah di-daftarkan di-seluruh Malaysia hanya sa-belas sahaja badan insuran yang di-punyaï oleh Malaysia sahaja dan sa-belas lagi di-punyaï oleh badan insuran daripada Singapura dan 28 daripada United Kingdom, lapan daripada India, tujuh daripada Hong Kong dan Australia tiga, Jepun tiga, dua daripada Bahamas dan lain²-nya.

Jadi, kita rasa hairan kalau perkara² macham ini berlaku dalam negara kita, sharikat² insuran ini telah dapat membeli harta yang banyak, ia-itu di-mana-kah peluang ra'ayat² kita dapat memperolehi jaminan² saperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal harta yang telah dapat di-beli oleh pihak insuran ini ia-lah kalau di-katakan estate² sahaja, menikut kenyataan akhbar yang telah saya dapati ia-itu sa-banyak \$286.6 juta wang Malaysia sahaja, ia-itu yang kita katakan kelas² 'am ia-itu dalam kelas insuran nyawa dan 'am dan lain² ia-itu \$100.1 juta itu-lah yang telah di-mileki oleh insuran² ini. Apa-kah salah-nya kalau-lah dapat peserta² ranchangan tanah kita tadi dapat menyertaï di-dalam Ranchangan Insuran Kebangsaan Malaysia nanti, maka mereka ini ada mendapat jaminan yang baik bagi pihak peserta² ranchangan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa satu chabaran yang besar yang di-hadapi oleh pihak Kerajaan kita sekarang ini ia-lah di-dalam soal dharurat, yang mana saya rasa pengganas kominis hari ini telah mempunyai satu tektik yang berlainan sedikit. Saya chuba membayangkan sedikit ia-itu kawasan pilehanraya dalam kawasan saya ia-itu Kulim Utara, satu kawasan di-dalam daerah Baling, yang mana sa-buah kampung yang bernama Jeranang. Sa-belum-nya datang tiga orang keluarga daripada Perak ini kampung itu belum pernah mengalami anchaman pengganas² kominis, ia-itu orang kampung itu hidup dalam aman dan damai. Mereka ini telah memugar tanah ia-itu walau pun memugar tanah dengan chara haram, bahkan ada sa-tengah²-nya memileki daripada warisan dato' nenek mereka, kerana tanah² di-situ subur, tetapi sa-telah datang tiga keluarga tadi, maka berlaku datang-nya pengganas² kominis dan satu daripada tiga keluarga tadi telah menggunakan pula, mengajar ugama di-kampung itu.

Jadi, ini-lah keadaan orang² kampung telah melaporkan perkara ini kepada pehak Polis dan pehak Pejabat Daerah di-Baling. Nampak-nya tindakan tidak di-ambil dan chakap² orang kampung ini di-biarkan begitu. Kedudukan orang² kampung ada-lah di-dalam keadaan bimbang, chemas, kerana mereka ini selalu di-ganggu bahkan mereka melihat, ia-itu sampai enam orang peng-ganas² kominis. Baharu² ini pula sa-orang wanita muda telah di-pukul, di-tendang dengan terok-nya sa-hingga terlantar wanita muda ini di-Rumah Sakit, Baling. Ini-lah keadaan² yang memang mengganggukan ra'ayat yang di-kawasan pendalaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bagi mengatasi pengganas² kominis ini dengan chara lebih berkesan lagi patut-lah kira-nya dapat bagi pehak Pasokan Keselamatan meng-ambil salah sa-orang; atau pun dua orang ra'ayat yang mendiami dalam kampung itu, kerana ra'ayat dalam kampung itu sendiri kenal siapa dia penghuni di-dalam kam-pung, siapa orang luar. Maka tidak-lah Kerajaan kita terpaksa berbelanja dengan begitu banyak sa-kali untuk hendak meng-atasi pengganas² kominis yang sentiasa bermaharaja-lela dalam kawasan kita, tetapi kalau pun shor² ini datang-nya daripada ra'ayat jelata yang miskin tentu-lah tidak mempunyai asas² yang tertentu, tetapi mereka sedia hendak memberi kerjasama dengan pehak Kerajaan kita dan lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya merasa hairan, ia-itu bagi kapitalis² yang ada di-dalam kawasan di-situ baik pun ladang² getah yang besar², tidak pernah di-ganggu oleh pehak peng-ganas². Begitu juga pehak pembalak² yang ada di-kawasan itu tidak pernah di-ganggu oleh pehak² pengganas ini.

Jadi, kita merasa hairan apa-kah ada persefahaman di-antara mereka ini sa-hinggakan orang kampung yang tidak terdaya, baik dalam segi kemiskinan mereka ini, sentiasa terancham kehidupan mereka. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam keadaan² macham ini-lah, saya rasa penyer-taan orang² kampung kita, ra'ayat desa ini dalam ranchangan² Kerajaan, baik pun di-dalam kawasan yang saya katakan tadi. Mithal-nya sa-lepas kapitalis mengeluarkan kayu² balak, sa-barang ranchangan menanam sa-mula pokok² hutan itu, kita katakan reforestation, patut-lah kita mendapat pekerja² daripada kawasan itu kerana, Tuan

Yang di-Pertua, saya tengok di-dalam Ranchangan Buku Merah kita, ia-itu Ran-changan Malaysia Yang Kedua, memang-lah di-galakkan penanaman pokok² yang mudah mengeluarkan hasil yang dengan chepat kita mendapat hasil-nya. Tetapi lebih baik, Tuan Yang di-Pertua, kita jangan lupa ia-itu hasil mahshol negara kita yang ketiga ia-lah kayu² balak yang mana saya rasa penanaman pokok² seperti pokok² yang memang mem-punyai mutu² yang tinggi walau pun dia terpaksa mengambil satu masa yang panjang sedikit seperti kayu² merbau, tempinis, damar laut, chengal dan lain² lagi, patut-lah kita usahakan daripada satu masa ka-satu masa. Kalau-lah bagi pehak Pejabat² Hutan hanya memandangkan kayu² pine sahaja, maka research dalam hal ehwal kita mena-namkan balek kayu² yang bernilai tinggi yang ada di-Malaysia ini lama-kelamaan akan hilang begitu sahaja. Jadi, Dato' Yang di-Pertua, saya rasa ini-lah satu perkara, kalau pun kita mempunyai dasar² yang baik, tetapi kita terpaksa kaji sa-mula apa-kah hasil-mahshol Malaysia yang telah kita datangkan dari satu masa ka-satu masa bukan untuk kemajuan sa-mata² tetapi memang-lah mempunyai keaslian-nya yang memang baik.

Di-dalam hal ehwal pertanian juga, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya menyentoh sedikit, ia-itu kita tahu kita mempunyai penuntut² yang banyak di-dalam Kolej Per-tanian, apa-lah salah-nya kalau-lah dapat kita memberi pertolongan dengan sa-chara kepada orang² kampung yang ingin mempel-bagalkan tanaman² mereka itu. Jangan-lah hanya mengharapkan white collar job yang mana sentiasa memberi pendapat yang sambil lewa sahaja. Apa kata kalau dapat kita menyesuaikan keadaan kita meniru, kalau terpaksa meniru daripada keadaan negara jiran kita, daripada Kasasat University of Agriculture di-Bangkok sana. Penuntut² itu telah membahagi²kan masa mereka itu lebih daripada 6 bulan di-dalam kampung² yang berselerak. Mereka sendiri telah membuat research, membuat tanaman sama ada baik daripada tanaman buah²—kayu dan sa-bagai-nya, maka hari ini kita tengok sampai ka-Malaysia jenis² buah²an daripada Siam juga, daripada Thailand biasa sampai ka-negara kita dengan mempunyai mutu yang sangat baik. Saya rasa daripada kita hari ini menge-luarkan penuntut² daripada Kolej Pertanian hanya untuk mengisikan post sa-bagai Field

Officers atau hanya sa-bagai Agricultural Officers di-daerah² sahaja tidak menchukupi. Kerana biasa, Dato' Yang di-Pertua, saya pergi hendak meminta nasehat kepada Pegawai Tanaman yang ada di-tempat kami; saya tidak hendak menyebutkan nama, pukul 9.15 pagi dia belum sampai ka-pejabat-nya. Ini dalam segi pentadbiran, kalau-lah baik-nya ranchangan² Malaysia kita yang akan menelan belanja sampai \$14,350 juta akan di-sia²kan, kalau-lah keadaan pegawai² di-dalam bahagian² pentadbiran ini menchuai²kan sahaja kerjanya. Jadi, Dato' Yang di-Pertua, bagitu-lah keadaan dalam satu² pejabat staff yang ada dalam pejabat itu hanya terpaksa menunggu perintah daripada Ketua Pejabat pada hal Ketua Pejabat sendiri tidak datang. Ini-lah dia nasib yang menimpa negara kita.

Dato' Yang di-Pertua, di-dalam hal² yang lain, saya suka-lah menyatakan di-sini ia-itu kawasan saya—kawasan pilehan raya Kulim Utara tidak mempunyai tanah² lagi kalau hendak di-katakan untuk membuat ranchangan² yang besar², atau pun yang kecil² State land di-dalam kawasan saya sudah tidak ada lagi. Maka dengan itu saya memohon-lah kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan, atau pun apa juga Menteri yang inginkan kemajuan tolong-lah datangkan ka-suatu ranchangan di-dalam hal ehwal memproses getah² sekerap sahaja pun jadi-lah, ia-itu kalau di-jumlahkan kebun² getah yang kecil yang ada di-dalam kawasan saya ini mempunyai kawasan sa-banyak 51,000 ekar lebeh dan kalau hendak di-bandingkan dengan ladang² getah yang besar² hanya berjumlah sa-banyak 41,000 ekar sahaja. Di-sini kita dapati ia-itu pekebun² kecil ada-lah lebeh banyak. Kalau-lah hendak memproseskan getah² sekerap sahaja menjadikan herea crumb, atau sa-bagai-nya memang sangat² lah di-alu²kan oleh penduduk² di-dalam kawasan saya, kerana mereka inginkan mendapat bayaran yang berlebeh sedikit daripada yang mereka terima pada hari ini.

Di-dalam hal ehwal yang lain, Dato' Yang di-Pertua, pehak daerah kami telah memohon satu Town Hall atau pun di-panggilkan Dewan Bandaran. Saya rasa daripada Ranchangan Malaysia Yang Pertama lagi dahulu kita mempunyai estimate sa-banyak \$90,000 telah di-mintakan, plan telah di-kemukakan oleh pejabat Daerah kita, tetapi sampai sekarang kita menghadapi Malaysia Plan Yang

Kedua belum nampak bayangan-nya pun. Itu-lah sampai Perdana Menteri pun telah bertukar akhir-nya Town Hall kita tidak dapat. Jadi, saya rasa perkara² yang macham ini memang-lah mustahak sangat. Keadaan dharurat yang menyelubungi antara daerah Kulim dan Baling tempat² yang kita patut adakan civic course—perjumpaan² belia mesti-lah di-adakan tempat-nya. Jadi nampak-nya sa-tiap kali kita hendak adakan perjumpaan, terpaksa-lah kita pergi menchari Hokkien Kongsor dan terpaksa-lah kita menchari dewan² yang kecil² untuk hendak memuatkan ra'ayat yang banyak. Jadi, kalau di-katakan Psychological Warfare ini berjalan di-Kulim dengan chara hebat-nya mesti-lah Dato' Yang di-Pertua, kita kena menunjokkan juga kepada ra'ayat bahawa kita mempunyai sa-buah dewan yang dapat kita memberi perjumpaan² civic di-dalam kawasan kita.

Di-dalam perkara² yang lain, Dato' Yang di-Pertua, suka-lah juga saya menyentuh di-dalam hal ehwal Haiwan, ia-itu banyak-lah belia² kita yang menganggor, kalau-lah pehak Pejabat Haiwan tadi ada biasa-nya memberi kerbau² dengan sa-chara pawah, kambing² dan sa-bagai-nya tetapi di-berikan individual sahaja. Saya rasa sudah sampai masa-nya kita membuatkan dasar menchari kawasan yang tertentu supaya dapat di-beri kalau-lah katakan sa-banyak 20 atau 30 ekor lembu daripada baka² yang baik, kita ajarkan belia² kita bagaimana mereka boleh memelihara lembu yang mendatangkan hasil kepada negara kita daripada kita impot susu² lembu sa-hingga pada hari ini ta' habis²-nya.

Jadi, di-dalam hal Pelanchongan pula, Dato' Yang di-Pertua, negara kita memang-lah mempunyai kemudahan² pelanchongan yang baik, tetapi walau di-mana juga kita pergi dalam dunia ini kita tidak nampak-lah publisiti² yang telah di-anjorkan oleh Tourist Bureau kita berjalan dengan baik-nya, bahkan sa-buah pulau yang kecil di-Indonesia bernama Pulau Bali tersebar nama-nya di-seluruh dunia, tetapi sa-bagai Malaysia yang mempunyai kesenian²-nya saperti mana yang di-terangkan oleh Dato' Ketua Menteri daripada Sarawak semalam kita mempunyai tarian² daripada Kenyah, Iban, dan sa-terus-nya tarian² Murut daripada Sabah dan kita mempunyai tarian²

yang baik daripada Kelantan dan sa-bagainya, tetapi kita tidak mahu mengemukakan benda² yang baik ini kepada dunia luar.

Bagitu juga, Dato' Yang di-Pertua, hal ehwal yang hendak menarek orang ramai datang menuntun ia-itu kepada negara kita ini, banyak lagi benda² yang terpendam yang belum dapat kita keluarkan.

Dato' Yang di-Pertua, baharu² ini saya dapat peluang pergi ka-Indonesia dengan perbelanjaan sendiri, saya tengok yang layanan di-atas keretapi-nya sahaja, keretapi Bima atau pun keretapi Senja. Keretapi Senja itu memang burok sedikit tetapi kalau kita naik keretapi Bima kita dapati wang tambang kita itu di-sediakan untuk chukup makan malam dan sarapan pagi di-atas keretapi. Boleh dikatakan Senja atau pun Bima memang perjalanan-nya daripada petang sampai pagi besok-nya. Layanan daripada perumagari² yang ada di-atas keretapi itu mempersilakan kita naik keretapi dengan membahaskan kepada saudara, bapa, ibu dapat naik Bima kita dan dia menggunakan pula bahasa, "harap kami dapat memberi layanan yang chukup selesa kepada ibu², bapa² semua". Bagitu-lah keadaan-nya, ada muzik pula di-atas keretapi itu. Bila kita tidak mahu dengar, kita tutupkan muzik-nya itu. Layanan yang di-berikan-nya itu ada-lah berpadanan dengan wang yang kita bayar tadi itu. Tetapi layanan kepada perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu, kalau suboh² kita bangun di-atas keretapi, kita dengar suara pertenggaran antara steward dengan boy² yang membawa minuman pagi: tengking herdek-nya terdengar di-atas keretapi. Bagaimanakah perasaan kita warganegara Malaysia, sebab apa ada-lah merosakkan nama baik negeri kita pula, kalau pelanchong² daripada luar negeri naik keretapi. Saya bershukor kerana saya dapat menaiki keretapi di-sini dengan perchuma, tetapi, layanan kepada orang ramai yang menaiki keretapi, dia juga mahu keselesaan, dia juga berkehendakkan layanan yang lebih sedikit daripada yang sepatut-nya. Jadi ini-lah dia, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah dapat kita memberi apa yang di-katakan sedikit sa-banyak gambaran, imej Malaysia kita kepada orang ramai, maka dalam segi kedatangan pelanchong² ka-negara kita tidak-lah akan menjadi begitu sulit dan ini akan menambahkan hasil mahshul negara kita dengan lebih lagi.

Jadi sa-takat ini sahaja, Tuan Yang di-pertua, yang dapat saya berikan ucapan saya yang serba ringkas pada Majlis ini bagi membahathkan Rancangan Malaysia Yang Kedua yang mana saya memberikan sokongan yang sa-penoh²-nya dan kita harap bagi pihak Kerajaan dapat mengkaji daripada sa-masa ka-samasa melihat apakah kejayaan²-nya yang telah di-chapai dan kelemahan² juga harus di-atasi baik dari segi penyertaan ra'ayat dan dari segi pentadbiran di-dalam negara kita supaya dapat kita membuktikan kepada dunia luar bahawa Malaysia ada-lah satu negara yang unique di-sabalah Asia ini yang kita dapat mengemukakan rancangan yang baik bagi kepentingan mengatasi soal² pengangguran, kemiskinan dengan menyusun suatu masyarakat yang baharu bagi negara kita. Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kaseh.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sa-penoh²-nya di-atas Rancangan Lima Tahun Kedua Malaysia. Saya sokong sa-penoh²-nya oleh kerana membasmiikan di-negeri kita ini satu penyakit, jikalau kita tidak ubat dengan segera, penyakit ini akan melarat dan jikalau melarat penyakit ini maka sengsara-lah negeri kita.

Kominis mengatakan ia-itu anak kechil yang baharu lahir bukan anak kechil yang baharu lahir itu berkehendakkan Tuhan. Anak kechil yang baharu lahir itu hendakkan kebendaan. Ia menangis bila keluar daripada perut ibu-nya. Dia menangis untuk apa? Dia menangis kerana hendak susu, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kata pihak kominis, fahaman kominis, kebendaan yang di-kehendaki. Jadi kebendaan ini-lah yang mesti kita chari untuk ra'ayat kita di-Malaysia ini. Saya tidak hendak menegakkan Istana Raja. Oleh kerana walau bagaimana pun jikalau mithal-nya ra'ayat miskin, ra'ayat papa dan apa akan jadi, raja pun susah nanti. Dengan sebab itu kita mesti tegakkan kema'amoran ra'ayat. Kema'amoran ra'ayat-lah yang penting sa-kali untuk memper-tahankan kedudukan raja². Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana untuk membasmiikan kemiskinan, maka kita dapat-lah mematahkan ideoloji² kominis ini. Kominis ta' dapat bergerak di-negeri yang ma'amor. Jadi kalau mereka ta' dapat bergerak, maka kema'amoran kita akan lebih lagi kita chapai.

Sa-bagaimana Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah berkata baharu² ini, kita akan jalankan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini, apa jadi pun mesti kita jalankan, mesti kita laksanakan. Tidak boleh tidak, apa sahaja kita akan jalankan. Kalau tidak susah kita. Saya sokong ucapan Perdana Menteri kelmari. Jikalau Menteri-nya ta' menjalankan tugas betul, Menteri-nya di-minta-lah berhenti. Kalau pegawai-nya ta' jalankan kerja dengan betul suroh dia berhenti kerja. Oleh kerana ini di-antara life and death, di-antara hidup dan mati Malaysia. Jadi kemiskinan ini satu penyakit yang saya mithalkan macham penyakit batok kering. Jikalau ra'ayat dudok di-rumah² pondok, jikalau ra'ayat ta' ada makanan yang sempurna, dudok didalam bilek yang gelap gelita, penyakit batok kering lekas hinggap. Bagitu juga jikalau ra'ayat kita, ta' peduli apa bangsa, kalau dia miskin, susah dan papa, maka di-sini-lah propaganda² kominis ini akan meresap ka-dalam sanubari mereka; apa propaganda Kerajaan pun terhadap mereka ta' akan menjadi bukti apa².

Saya dahulu belajar di-Negeri China, saya menengokkan bagaimana Kerajaan Komintang jatuh dan jahanam. Orang kampung ta' mahu menyokong Komintang. Apa sebab-nya? Ra'ayat menderita dengan sa-derita²-nya, ra'ayat susah dengan sa-susah²-nya. Komunis masuk ka-kampung, mereka tolong. Dia hendak pertukaran. Komintang ta' dapat menukarkan nasib mereka. Dalam beberapa tahun sahaja Komintang habis lenyap, lari ka-Taiwan. Dengan sebab itu bagaimana Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri menjalankan Ranchangan Malaysia Kedua ini, saya memberi tahniah yang sa-tinggi²-nya, ini-lah ubat yang sa-baik²-nya untuk ra'ayat. Di-dalam perkara ini, maka saya memikirkan Buku Merah ini, Ranchangan Yang Kedua ini Tun sendiri mengatakan Buku Merah ini bukan-nya Qur'an. Qur'an sahaja yang ta' silap, tetapi Buku Merah ini ada juga kesilapan²-nya jadi boleh di-tokok dan di-tambah.

Saya bukan hendak memberi kritik², tidak. Ada sa-tengah² Menteri, kalau kita chakap sadikit, dia marah. Sadikit kritik pun marah. Ini bukan kritik apa. Kritik untuk membena.

Kita telah di-perintah oleh penjajah, dekat² sa-ratus tahun, penyakit penjajah itu maseh ada lagi. Di-kampung² kita tanam kelapa, kita tanam kelapa bali, kita tanam ubi, kita tanam durian dan sa-bagai-nya. Tetapi orang² kampung kita tidak dapat menikmati sa-sunggoh²-nya tenaga mereka oleh sebab, Tuan Yang di-Pertua, ada banyak orang² tengah, dan lintah² darat. Orang kampung kita mengait kelapa, menurunkan kelapa, mengopek kelapa, orang lain yang membeli-nya, mereka ta' dapat mempertahankan kelapa mereka, oleh kerana mereka hanya mempunyai dua ekar kebun kelapa sahaja. Dia mesti menjual kelapa²-nya itu. Kapada siapa dia mesti jual? Kapada lintah² darat ini-lah yang di-jualkan-nya.

Jadi mereka ini tertipu. Beberapa sen sahaja harga sa-biji kelapa, kalau dia tidak hendak beli tidak boleh jadi, mesti di-jual. Ada sa-orang peniaga Melayu dalam kampung itu yang mempunyai kebun kelapa, bawa-lah kelapa ini ka-bandar Kuala Lumpur, hendak jual ka-pasar Kuala Lumpur. Di-pasar Kuala Lumpur ada satu organisasi, mereka sendiri, dia fikir orang Melayu kita di-kampung memikirkan ia-itu apabila di-bawa ka-Kuala Lumpur mahal harga di-Kuala Lumpur ini, tetapi rupa-nya ada pakatan sampai di-Kuala Lumpur lebeh murah harga kelapa-nya, mithal-nya 8 sen, 7 sen dia beli. Orang Melayu ini dia fikirkan baik di-bawa ka-Singapura. Bawa ka-Singapura, 6 sen harga kelapa di-Singapura pula. Akhir²-nya tambang truck-nya pun, tambang lori pun ta' menchukupi. Ini-lah nasib ra'ayat² kita di-kampung.

Sa-lama ini ada-kah kita tengok orang² kampung mempunyai satu kilang minyak kelapa di-kampung. Sa-lama ini apa-kah yang telah di-perbuat oleh Kementerian yang bertanggung-jawab. Ada co-operative, ada itu, ada ini. Tetapi sa-lama hari ini saya ta' tengok satu kilang minyak kelapa. Jikalau ada kilang minyak kelapa ini di-kampung di-punyai oleh orang² kampung, hasilnya daripada kebun kelapa tadi terjamin, Tuan Yang di-Pertua, jadi ini silap-nya kapada kita sendiri. Jadi saya harap pada hari akan datang di-dalam Ranchangan Lima Tahun yang Kedua ini, maka Kerajaan mestilah mendirikan kilang² bukan di-dalam pekan dan di-bandar sahaja, yang perlu sa-kali ada-lah di-kampung² kerana bahan² yang banyak sangat di-kampung² itu.

Kedua, kelapa bali mithal-nya, kelapa sawit. Beribu ekar ra'ayat mempunyai kebun kelapa sawit, tetapi ta' ada satu pun factory kelapa sawit di-dirikan oleh Kerajaan. Jikalau di-harapkan orang Melayu, atau orang kampung memang ta' terdaya mereka mendirikan kilang² ini. Jadi saya harap PERNAS baik, MARA baik dirikan kilang² itu. Dalam ranchangan² yang lalu kita telah membuat jalan bagus. Letrik kita bекalkan ka-kampung baik, bagus, ayer baik, sekolah baik, kelinik baik, ini semua perkara baik. Tetapi ada jalan pun kalau ada satu ekar dan sa-tengah ekar kebun apa hasil yang hendak di-keluarkan-nya. Ada letrik di-kampung² tetapi kalau ta' ada duit hendak membayar lampu letrik, wire letrik itu bagaimana dia hendak masuk letrik ka-rumah. Ada paip ayer, bagus tetapi paip ayer tepi jalan payah juga, hendak paip ayer sampai ka-rumah, hendak di-bayar harga ayer ini bagus, tetapi duit-nya itu yang ta' bagus, ta' ada duit, ta' ada wang. Ada kelinik bagus, tetapi ada sekolah, bagus. Tetapi di-sekolah, Tuan Yang di-Pertua, anak² kita orang kampung pergi sekolah perut lapar, perut-nya lapar pergi ka-sekolah ta' masuk ka-kepala-nya guru² itu mengajar—ta' termasuk, perut lapar, perut lapar, ashek itu sahaja yang di-bacha-nya. Ada kelinik penyakit perut itu kelinik ta' ada ubat-nya. Tuan Yang di-Pertua, penyakit lapar ta' ada doktor boleh ubat. Jadi bagaimana keadaan orang kampung, bagaimana mereka hendak kuat, bagaimana mereka hendak sehat. Letakkanlah Menteri Kesihatan hendak mengubat orang sakit lapar ta' terubat-nya melainkan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini yang betul² di-jalankan, bagaimana Yang Amat Berhormat Tun kata betul² dia buat, betul² dia jalankan ta' peduli apa, itu boleh jadi. Jadi saya harap bagus ada kelinik, bagus ada itu dan ada ini, tetapi di-dalam tempoh lima tahun yang kedua ini, bangunan lima tahun yang kedua ini membasmikan kemiskinan ada-lah membasmikan fahaman kominis.

Dalam perkara Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua, berkenaan dengan luar bandar, pertanian ada-lah penting. Saya sudah dengar ucapan² terlebih dahulu daripada saya berkenaan dengan pertanian tadi. Saya ta' sentoh berkenaan dengan getah, saya ta' sentoh berkenaan dengan kelapa sawit, tetapi saya hendak sentoh berkenaan dengan sawah padi, sebab tanah sawah padi sedikit sangat, ada di-Tanjong Karang, ada di-Kedah, ada di-Perak, di-Sungai Manek, tanah ini ta' men-

chukupi. Ada sa-tengah-nya mempunyai satu dua ekar. Ada orang yang mempunyai 200 ekar. Bagaimana hendak meluaskan lagi tanah² ini. Jadi saya sokong ranchangan collective farming. Bukan macham mana yang di-buat oleh Russia, tetapi collective farming yang di-buat dan yang akan di-buat sa-chara Malaysia. Yunit² yang kechil terdahulu daripada saya menyatakan dengan di-kumpul banyak² di-jadikan yunit yang besar. Ini patut di-jalankan. Kemudian daripada itu orang² ini dapat berpeluang bekerja dalam kawasan tadi. Ini perkara yang cukup baik dan saya sokong di-atas perkara ini.

Berkenaan dengan perikanan, Malaysia ada-lah di-kelilingi oleh laut. Sungguh pun di-kelilingi oleh laut, sungguh pun kebanyakan daripada bumiputra dan warganegara kita bekerja di-laut, keadaan mereka terutama sa-kali nelayan² ini sa-habis² susah sa-kali. Chuba kita tengok nelayan² kita di-Pantai Timor, bagaimana kedudukan mereka. Ada-kah pertukaran besar sa-lama 14 tahun ini, bagaimana kedudukan mereka, bagaimana rumah mereka. Jikalau hendak ditolong dengan meshen² bot kechil, sudah lambat, Tuan Yang di-Pertua, sebab pemodal² besar ini sudah membeli trawler², bukan lagi 30 tan, trawlers yang 300 tan ka-atas. Ikan kita di-tepi laut sudah di-sapu-nya, tinggal ikan² bilis, ikan kembong sahaja. Sudah di-sungkor-nya yang di-namakan pukut tunda, pukut harimau dan sa-bagai-nya. Tetapi saya selalu di-nafikan oleh Menteri yang bertanggung-jawab, dia kata ta' betul, bagini banyak dan berapa banyak ikan di-keluarkan, ka-mana mereka ini pergi, Tuan Yang di-Pertua, sebab itu banyak nelayan² kita kena tangkap. Dia pergi ka-lautan Sumatra, sebab itu pihak Indonesia tangkap nelayan² kita, sebab ikan di-sini sudah habis.

Jadi orang² Jepun, orang² Taiwan, kapal besar, tengok-lah kapal² di-Pulau Pinang, besar² kapal menangkap ikan apa sebab dia ada di-Pulau Pinang. Dia tangkap ikan diperayeran kita, dia pergi ka-Laut India dan sa-bagai-nya. Ini-lah ikan² yang banyak di-Tanah Melayu, kalau hendak ikan memang sa-beban ada, tetapi ikan daripada nelayan kita yang sa-benar-nya mana. Jadi pada hari ini bagaimana chara atau sekim untuk nelayan² kita mesti-lah di-ubah. Ta' usah beri motor² kechil ini lagi. Kalau hendak beri—beri, tetapi dia menangkap ikan di-tepi laut

itu biar-lah. Tetapi membuat satu co-operative nelayan yang besar²an di-mana Kerajaan menyokong mereka membeli kapal yang besar², trawlers yang boleh pergi ka-Lautan India, boleh pergi ka-New Foundland, boleh pergi ka-Yukon, boleh pergi ka-lautan² yang lebeh jauh menangkap ikan paus yang ayer sembor ka-atas, ambil minyak-nya dan sabagai-nya. Ini-lah yang mesti di-perbuat oleh Menteri yang bertanggung-jawab, tetapi jika-lau ta' di-buat bagini jikalau.....

Tuan Yang di-Pertua: Tolong pendek²kan sadikit ucapan² itu, Ahli² lain pun ada hendak berchakap, sampai sa-rata dunia.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Baik-lah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini-lah satu pandangan daripada saya bagaimana nelayan² ini boleh kita dapat mengatasi kehidupan mereka ini di-belakang hari.

Berkenaan dengan pemuda, Tuan Yang di-Pertua, tiap² tahun 120,000 penuntut² kita lulus daripada sekolah. Form III yang lulus berapa banyak. Mereka yang keluar, lulus Gred III keluar, ta' dapat apa² dia keluar-lah. Mereka² ini ta' dapat kerja apa². Kemahiran ta' ada apa². Hendak jadi apa, jadi kuli, buroh² kasar sampai bila—buroh kasar juga. Berapa orang yang hendak pakai buroh kasar? Dengan sebab itu saya chadangkan dalam Rancangan Lima Tahun Yang Kedua, penuntut² yang lulus Form III yang mendapat Gred III atau yang ta' lulus ini dihantar banyak², kalau ta' ada sekolah dalam negeri, hantar keluar negeri, berapa ribu million pun hendak di-belanjakan, kita mesti modalkan dahulu mereka pergi keluar. Kemudian dia balek besok dengan pengetahuan dengan kemahiran mereka, bukan sahaja dia menjadi buroh, tetapi dia boleh membuka kedai² dia sendiri, bertukang sendiri, atau mengajar kapada pemuda² yang lain. Ini mesti di-buat.

Berkenaan dengan ex-servicemen pula mereka ini telah berjuang menghadapi peng-ganas, konfrantasi dan maseh lagi berjuang di-sempadan² Thailand dan Sarawak. Banyak mereka akan berhenti kerja. Mereka ini mesti di-tengok benar². Sa-belum mereka berhenti kerja mesti-lah di-beri mereka ini training yang benar². Bukan untuk menjadi watchmen di-bank², bukan menjadi watchmen di-kilang² sahaja. Tetapi hendak-lah di-beri mereka peluang² yang lain, ia-itu memberi

training yang sempurna sa-tahun, dua tahun, tiga tahun. Jadi apabila dia keluar mempunyai kemahiran, maka mereka boleh-lah membuat pekerjaan yang bertanggung-jawab. Kapada ex-servicemen ini juga, Tuan Yang di-Pertua, uniform², baju Melayu yang ada sampling—baju Melayu boleh di-buat oleh ex-servicemen, uniform boleh di-buat oleh ex-servicemen tetapi tiap² tahun dia tender. Chuba-lah Kerajaan beli barang². Adakan factory ex-servicemen supaya mereka boleh bekerja di-dalam-nya. Ini saya minta-lah di-dalam tempoh 5 tahun yang akan datang ini adakan factory bagi ex-servicemen di-mana mereka boleh bekerja membuat segala²-nya.

Berkenaan letrik, Tuan Yang di-Pertua, saya ta' erti Electrical Department ini—NEB. Ta' erti oleh kerana ini Kerajaan-kah yang punya atau private punya. Sebab-nya apabila di-kehendaki untuk membuat letrik, lampu letrik di-kampung ta' boleh ta' untong, ta' boleh. Di-Negeri Selangor Rancangan Lima Tahun Yang Kedua ini \$5 million di-belanjakan untuk letrik. Kementerian Perusahaan memberi \$1.2 juta, kalau ta' silap saya. Kerajaan Negeri \$2.5 juta. Jadi kalau-lah \$2.5 million di-dalam tempoh 5 tahun, chuma \$500,000 sa-tahun. Jadi untuk Negeri Selangor, chuma dapat letrik daripada Tanjong Karang ta' sampai ka-Sabak Bernam sahaja yang boleh di-buat. Rancangan Kerajaan ada-lah untuk mengadakan kilang² di-kampung², tetapi jikalau mithal-nya Pejabat NEB., ini tidak mahu membelanjakan untuk memasokkan letrik ka-kampung², rancangan ini akan gagal. Dengan sebab itu NEB mesti-lah mengeluarkan lebeh banyak lagi duit untuk letrik ka-kampung².

Perusahaan juga, Tuan Yang di-Pertua, mesti di-banyakkan di-kampung². Kalau tidak begitu, maka pemuda² daripada kampung² akan masuk ka-pekan dan pemuda² ini apabila masuk ka-pekan, mendirikan rumah² haram dan sa-bagai-nya. Ini menjadi satu problem yang besar kapada negeri kita.

Sa-lain daripada itu ada-lah saya minta kapada Kerajaan juga berkenaan dengan Moneylenders ini. Lesen Moneylenders ini lebeh baik-lah jangan di-keluarkan. Oleh kerana jikalau lesen moneylenders ini di-keluarkan, mahal betul interest-nya, kadang² orang² kita di-luar² bandar banyak yang di-tipu oleh moneylenders ini. Hutang \$300

kata-nya \$3,000. Jadi lebih baik-lah lesen moneylenders ini di-hapuskan oleh kerana sekarang ada MARA, ada Bank Bumiputra, ada Finance Company. Apa guna-nya moneylenders ini?

Saya akan menerangkan satu cerita di-namakan Mir Mudzah bagaimana berlakunya di-India. Bagaimana tekanan moneylenders ini kepada petani² di-India sampaikan petani² di-India itu papa dan kehidupan-nya chukop² merosot. Bagitu juga petani² kita di-kampong², banyak kena tekanan daripada moneylenders² ini. Satu daripada

Tuan Yang di-Pertua: Berapa lama lagi, sudah sa-tengah jam, sudah?

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: 10 minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! tidak boleh, sudah sa-tengah jam ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: 5 minit.

Tuan Yang di-Pertua: 5 minit boleh-lah, 5 minit chukup² (*Ketawa*).

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Berkenaan dengan trading houses banyak betul trading houses yang di-punya oleh bangsa asing yang bukan warganegara di-negeri kita ini. Kalau mendirikan kilang mesti-lah ada saham 51% warganegara, 49% orang asing, tetapi trading houses ini tidak ada apa², tidak payah lagi 100% boleh bangsa asing. Jadi saya harap kepada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan pada hari yang akan datang jikalau ada bangsa asing daripada luar negeri untuk mengadakan trading houses ini di-negeri kita sa-kurang²-nya 51% saham trading houses ini hendak-lah di-ambil oleh warganegara negeri kita ini.

Oleh kerana banyak lagi saya hendak berchakap, tetapi, Tuan Yang di-Pertua telah menegor beberapa kali, maka dengan sebab itu terpaksa-lah saya patoh, itu sahaja-lah ingatan saya dan lagi sa-kali saya menyokong dengan sa-penoh²-nya di-atas Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini. Terima kaseh.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak memberitahu, jika perkara² yang hendak di-bangkitkan di-dalam Dewan ini di-susun betul² dalam sa-tengah jam itu semua boleh di-chakapkan, kalau tidak bersusun ikut ber-

chakap sahaja bagitu nanti barangkali banyak yang ketinggalan, masa-nya ada-lah suntok, Ahli² banyak hendak berchakap lagi; itu sahaja saya kata, kalau tidak bersusun, sila susun dahulu.

Tuan Mohamed Arif bin Salleh (Sabah Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penoh usul yang di-bentangkan oleh Kerajaan untuk melaksanakan Ranchangan Lima Tahun Malaysia Kedua seperti yang telah di-bentangkan oleh Perdana Menteri dan saya menguchapkan satinggi² tahniah pada Kerajaan khas-nya kepada Perdana Menteri yang telah berjaya menyusun satu ranchangan yang kira-nya terlaksana dengan baik, sudah tentu-lah akan memberikan faedah yang besar kepada ra'ayat dan negara seluruh-nya.

Saperti yang kita sama² ma'alum, bahawa ra'ayat negeri Sabah sa-bahagian besar-nya sangat²-lah dahagakan kepada ranchangan² yang boleh menukar chorak penghidupan mereka itu, kalau pun tidak sa-tinggi² yang di-ranchangkan oleh Kerajaan, tetapi sa-kadar perubahan yang lebih daripada yang ada pada masa sekarang ini, maka bagi mereka ada-lah satu rahmat yang besar.

Dalam masa² yang lalu tidak-lah kita menafikan tentang usaha² yang telah di-buat oleh Kerajaan Perikatan dalam semua bidang bagi meninggikan taraf hidup ra'ayat negeri kita ini dan Ranchangan Kerajaan Yang Kedua ini pula tentu-lah akan mendapat perhatian yang lebih besar lagi oleh ra'ayat, terutama ra'ayat bumiputra negeri Sabah. Saya berharap dalam melaksanakan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini Kerajaan hendak-lah memberikan perhatian yang berat terutama kepada mereka² yang menjadi jentera perlaksanaan ranchangan ini. Kerajaan juga hendak-lah mengkaji kelemahan² yang terdapat di-dalam pentadbiran yang lalu, kerana sa-kira-nya kelemahan² lalu itu tidak di-perbaiki, saya berasa bimbang—ranchangan raksaksa Kerajaan ini akan hanya dapat digerakkan oleh tenaga² kechil sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyebutkan beberapa masaalah yang kerap berlaku pada masa yang lalu, ia-itu cerita "tolak-menolak". Sa-bagai chontoh, di-dalam ranchangan yang lalu telah pun di-sediakan tidak sahaja sa-takat ranchangan malahan di-sediakan juga peruntukan-nya, tetapi bila

tiba masa pelaksanaan, kata Jabatan Kerja Raya: "ini urusan Jabatan Pelajaran" dan apabila di-majukan kepada pihak Jabatan Pelajaran maka di-tolak pula, kata-nya: "Ini urusan Jabatan Kerja Raya" dan dalam hal tolak-menolak ini-lah, maka ranchangan ter-tinggal, peruntokan di-bekukan, ra'ayat me-rasa hampa.

Dato' Yang di-Pertua, kalau hendak di-sebutkan satu² tentu-lah akan melibatkan banyak orang, hanya saya berharap yang telah lalu itu di-jadikan sa-bagai kacha per-bandingan supaya kehampaan ra'ayat pada masa yang lalu itu dapat terisi, dan dengan yang demikian terlaksana chita² Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup ra'ayat negeri kita ini. Apa yang saya sebutkan sebentar tadi bukan-lah bererti saya menudoh pega-wai² Kerajaan itu chuai, atau tidak menjalan-kan tugas-nya, tetapi manusia ini sentiasa melakukan kesilapan. Apa yang membim-bangkan kita kadang² di-sebabkan kesilapan sama ada sengaja atau tidak sengaja itu, maka yang akan menderita ia-lah ra'ayat jelata khas-nya bumiputra.

Dato' Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan supaya Ranchangan Lima Tahun Malaysia Yang Kedua ini dapat di-berikan pengertian yang sa-luas²-nya kepada Pegawai² Pentadbir di-dalam negeri kita ini kerana saperti yang di-tegaskan oleh Perdana Men-teri bahawa ahli² politik tidak boleh men-champori dalam pentadbiran Kerajaan dan ini satu perkara yang memang kena pada tempat-nya, tetapi walau pun begitu saya berharap kepada Pegawai² Pentadbir Negeri Sabah tidak akan mengenyepikan pandangan ahli² politik yang dudok dalam ahli Jawatan-kuasa Tindakan khas-nya di-peringkat daerah yang akan di-bentok oleh Kerajaan bagi melaksanakan ranchangan raksaksa Kerajaan ini.

Pada akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan Negeri Sabah akan meli-pat-gandakan usaha bukan sahaja sa-kali ganda kalau boleh sa-puluh hingga dua puluh kali ganda bagi menjayakan ranchangan ini dan sa-bagai wakil ra'ayat, saya mengambil peranan untuk menyampaikan kepada ra'ayat tentang usaha pembangunan yang di-lancar-kan oleh Kerajaan kita. Terima kaseh.

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, the Honour-able the Prime Minister has stated that the

overriding aim of the Plan is National Unity. Let me state here that this aim has our wholehearted support, but one cursory look at what is going on in the country betrays the Government's intention. Take, for in-stance, the so-called verification exercise conducted by the Government on Article 30 citizenship certificates.

About a quarter of a million of the people are holders of these certificates. Taking into consideration the families, the number in-volved would come up to about half a million. The so-called verification exercise which purportedly is to find out the validity or otherwise of the certificates should be called to a halt because it is causing a lot of heart-aches and resentment and causing a great deal of confusion and unrest among the holders of these certificates and their families.

Mr Speaker, Sir, no one should take the law into his own hands. The Government wants the people to respect and uphold the Constitution. Indeed, every citizen should and must give undivided loyalty to the Constitution. However, the question I would like to ask is whether the Government itself is abiding by the Constitution. The calling back and cancelling of Article 30 citizenship certificates is in fact and in law a deprivation of citizenship. In my considered opinion, the Government has committed a breach of the provisions of the Constitution relating to citizenship. Indeed, such an action of the Government is considered as an offence under the Sedition Act as amended. The Article 30 citizenship paper clearly states that it is conclusive that the holder is a citizen. If the Government desires to deprive a person of his citizenship, it must institute proceedings under the deprivation provisions of the Constitution. By launching the so-called verification exercise the Government has by-passed these laws. Therefore, if the Government wants genuine national unity in the country, it should forthwith stop such an illegal and unconstitutional action and return all those certificates which had been taken away.

Mr Speaker, Sir, another aspect on the question of national unity centres on the application of the law fairly and justly to all, irrespective of their racial origin, religious beliefs or political affiliations. The confidence in the Justice Department and the Judiciary

must never be shattered by the Government in its action or inaction. It is extremely important that justice must not only be done but also be seen to be done. This principle must never be sacrificed in favour of other considerations. Law must never be used by the powers that be as a political weapon to suppress and persecute the Opposition Parties. Mr Speaker, Sir, lately it has been reported that a certain Alliance Member of Parliament has called for the abolition of Chinese and Tamil schools, and, this report being later confirmed by a reporter who was present when such a statement was made, I am convinced that there is a *prima facie* case made against this gentleman. People are still wondering why the Justice Department has not taken action yet on the maker of that statement, although the publishers of it had been charged. I demand for an explanation from the Justice Department. Mind you

Tuan Yang di-Pertua: Order, order. Are you making an independent speech regardless of the Second Malaysia Plan, or are you touching on the Malaysia Plan? If you are touching on the Malaysia Plan, please refer to the specific paragraphs and so on and not make such a free speech.

Tuan Lim Cho Hock: Yes, I am referring to the Malaysia Plan. If this book can produce results, even if this book produces millionaires all over the places of this country, there can be no national unity if

Tuan Yang di-Pertua: Another thing is you are addressing me, not the House.

Tuan Lim Cho Hock: Yes, Mr Speaker, Sir. Even if this book produces millionaires, there will not be any national unity if the law is not applied fairly and justly. That is what I am trying to say.

Tuan Yang di-Pertua: But if you can say with reference to the book, I will let you continue, but if you make a free speech, like a political speech, this is not a political forum here.

Tuan Lim Cho Hock: Yes, I agree, Mr Speaker, Sir, but the Prime Minister has said that the overriding aim of this Plan is to create national unity.

Tuan Yang di-Pertua: The question is: either you wish to continue or not.

Tuan Lim Cho Hock: Yes, I wish to continue.

Tuan Yang di-Pertua: Then please do as you are asked.

Tuan Lim Cho Hock: I see that a sum of \$9.6 million has been provided for the construction of court-houses in the five-year period of the Plan. It is also noted that out of this sum a new Palace of Justice will be built in the Federal Capital. Such a move is welcome without any reservation. Indeed, such a building should have been put up long ago. The present state of court-houses, particularly those of the lower courts, is disgraceful and is an eyesore. I have seen with my own eyes that some lower courts in Perak have been smeared with cowdung and have not been properly furnished with chairs and books. I am not talking in thin air, but just to give you, give this House, an idea of the state of conditions of some courts. Some months ago I attended a court case in Slim River Magistrate's Court. After the case the Magistrate invited me for a chit-chat. I went to his room which is just behind the court. While we were talking, all of a sudden a part of the plank ceiling fell down and it missed us by inches. Such a building should have been condemned by the Government and it should not wait for the court to condemn its own abode. Another such dangerous building is the Ipoh Magistrate's Court-house—a Court which is situated on the top floor—and if one walks in one can hear a creaking sound, and the plank floor seems to dance in rhythm. Mind you, this particular court house is sometimes filled to the brim with people. I urge the Government to look into this immediately so that no mishap is unnecessarily caused.

Mr Speaker, Sir, I believe it is an aim of the Government to see that the industries and businesses should reflect the racial composition of the population. The Government has also throughout the whole book stated as an aim to create a Malay commercial and industrial community. Let me caution the Government on this move. Unless the Government can do it wisely and without infringing upon the legitimate rights of the

non-Malays, every step taken by the Government towards this end will be interpreted by the people as a racial prejudice, thus endangering the national unity of the country. In my opinion, this communal approach to the economic problems will lead to class struggles which will present greater problems for the country, resulting in greater exploitation of the working class. If the Government insists and persists in such a line of approach, then the methods of implementation must be done as follows, in order to avoid the belief that the Chinese and the Indians are being contained. The Government at the time of implementing policies aimed at creating a Malay middle-class should, I submit, at the same time open the doors of the F.L.D.A. schemes to more non-Malays. At the moment these schemes do not reflect the racial set up of the country. The MARA Institute of Technology should also take in more students of non-Malay origin for training. Other Government Agencies should likewise follow suit. Such a move will not only do away to a certain degree that dreaded polarisation of races but will also help to generate goodwill and racial harmony which are essential for the attainment of a happy, multi-racial united nation.

To end up, I still maintain that the so-called restructuring of the society by creating a Malay business and industrial community is not a permanent solution to the economic imbalances that exist in the country. Thank you.

Tuan Loh Jee Mee (Batang Padang): (*Dengan izin*) Tuan Speaker, the First Malaysia Plan has now been completed which has resulted in the drifting of the gap between the haves and the have-nots further and further apart. We are now about to embark on the Second Malaysia Plan for which a mammoth amount has been allocated. While so doing, it is our duty to ensure that the population at large derives the fullest benefit in the various fields, so that this would achieve its aims to the maximum. For any society to be able to lift itself to the desired standard of living, and in our case "bridging the gap between the haves and the have-nots", to quote a popular Government term, it is necessary to look into the well-being of the citizens of the nation in terms of health.

"Health is wealth", says an old proverb, and though colonial in origin, it has great truth. It is therefore extremely essential that our health service leaves nothing to be desired for, but regrettably it is not so. Our hospitals, particularly the district hospitals, are in a miserable state of affairs, ill-equipped and dilapidated; and the shortage of doctors and staff still remains a major problem in the Health Ministry.

It is to be hoped that the Second Malaysia Plan will not be as slow-moving as the First. I wonder whether it was due to the inefficiency of the Government or due to too many red-tapes. One instance of projects not having been completed would be the case of the out-patients' department at the Tapah District Hospital which is in my constituency. Way back in 1966 it was announced by the then Minister of Health, Enche' Bahaman bin Samsudin that the hospital had been allocated \$250,000 for a new out-patients' department and that the project would be completed by 1968. The year 1968 came and went without even a pillar being erected. Then came the all-important year of 1969 when the country was going to the polls. In one of the vote-catching promises my predecessor, who was then also the Minister of Health, Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan, on the eve of the General Elections visited the hospital to be close to his people, and during this visit he announced that \$400,000 had been allocated for this project. This was an increase of \$150,000 from the figure announced by Enche' Bahaman three years earlier; and more recently, as early as last week, the present Honourable Minister of Health said in this House that the project was coming out soon. Thanks to the good offices of the Honourable the Minister of Health, but how soon is a matter left to be seen. Another such project is the construction of the new General Hospital in Ipoh. This too was supposed to be scheduled to be ready by this year, according to one of the Health Ministers, Dr Ng Kam Poh during his heyday. Nothing has so far come out of it.

Assuming that the Tapah project is completed very soon, it would mean that this project took more than 5 years to complete. If so be the case, then the Ipoh project

under the Second Malaysia Plan would by similar calculation take about 25 years to complete.

Mr Speaker, Sir, on efficiency, Government leaders have of late been driving home the fact that efficiency is vital to this country's Government Service, but efficiency can only be achieved if there is sufficient staff. The Government has hitherto failed to realise that efficiency cannot be achieved if there is an acute shortage of staff. Perhaps the Government is adopting a typical small businessman's attitude of maximum output out of minimum labour, or to put it in a bus-man's language, maximum number of passengers with the minimum number of buses.

Mr Speaker, Sir, the Government is laying too much stress on replanting of all high yielding rubber by smallholders and giving them incentives for these. This reliance on rubber as the main base of our agricultural economy is detrimental to the economy of the country, and the smallholders are the ones who would ultimately suffer due to the poor prices of rubber. The smallholders could instead be encouraged to switch to other crops which are not only more profitable to them but also reduces Malaysia's dependence on rubber as its main agricultural base. The money spent on these replanting schemes can be better utilised on other crops. For example, palm oil has been cited as an alternative to rubber but this too is bad. Malaysia has turned to oil palm in a big way with the idea of easing its dependence on rubber. In another 5 years Malaysia may well have one million acres of oil palm. In this respect thought should be given to Indonesian production which is increasing with the help of the World Bank. Then there is competition from other vegetable oils. Earning for smallholders in F.L.D.A. schemes may not be all that encouraging if prices fall. The search for cutting down costs will go on vigorously. It will also pay to look for other suitable crops. How far has the F.L.D.A. gone with its research into the possibility of inter-planting cocoa? Cocoa has a maturity period half that of rubber and oil palm. World prices are higher, though they will fluctuate, and any substantial increase in supply is bound to bring them down, but cocoa does hold for the smallholder the opportunity of

quicker returns. But oil palm and cocoa alone do not constitute effective diversification.

Tapioca should be given the highest priority in the allocation of new land by the Government. This is because the annual returns for tapioca per acre can be much higher than even rubber or oil palm. The annual returns for rubber at present can vary between \$293.99 per acre, considered 30% non-productive, and about \$420.00 taken as 100% productive, which is impossible. For oil palm, the figure varies between \$263.05, considered 53% non-productive, and about \$565 taken as 100% productive at current prices, but in the case of tapioca an annual yield of \$840 an acre can be obtained at the current price-level provided the crop is pelletised. I therefore suggest that certain areas, particularly in Johore, Pahang, Perak, Trengganu and Negri Sembilan, be earmarked for tapioca. The industry is extremely labour-intensive and could employ at least 200,000 people based on 200,000 acres.

Mr Speaker, Sir, much attention in recent years has been focussed on the tourist trade in this country with the hope that this industry would one day become a major dollar-earner. Millions of dollars have been invested in this field, much of which has been channelled towards the expansion of airports, building new roads, golf courses and improving scenic spots. But most regrettably very little appears to have been done to promote some of the native arts and handicrafts. One such native handicrafts that can be best promoted is that of the Orang Asli. They have been known to be very artistic people and some of their products like blow-pipes, for example, are popular among tourists. Cameron Highlands is a wellknown holiday resort and one that has been introduced to the tourists. And just along the route to Cameron Highlands, about 7 miles from Tapah, exists many Orang Asli Settlements complete with 2 schools: one at the 7th mile and the other at the 14th mile. I would strongly urge that steps be taken to spend a reasonable amount of money to develop and preserve these Orang Asli Settlements as a tourist attraction. Handicraft shops along the road besides the Settlements displaying and selling Orang Asli products would be an ideal tourist draw. Needless to say, it would be a fruitless effort if due

publicity is not given both locally and in travel brochures abroad about such handicrafts. It would also be a good move if foreign tour operators visiting the country are shown around such places. Improvement along this road is essential in order to encourage more tourists. It must not be forgotten that land-slides along this road, though on a small-scale, occur frequently during even light rainfall. It is my hope that this suggestion is given due consideration by the Government and the promoters of tourism in Malaysia.

Mr Speaker, Sir, the poor rural folks living in areas quite remote and at quite a distance from Government hospitals have, since independence, enjoyed the facility of having telephone booths from which to summon medical aid as well as Police and Fire Brigades' attention, among other things, in case of emergency. The Ministry of Works, Posts and Telecommunications is to be commended for this progress. But what good is a telephone that either does not function or the operators at each exchange take their own sweet time in answering. Having spent millions of the taxpayers' money in purchasing sophisticated equipment to provide direct dialling facilities and what have you, the traffic on the exchanges have now been greatly reduced. Therefore, logically speaking, the operators should have more time on their hands to attend to their calls. But regrettably, that is not the case. My colleagues in this House both from the Opposition as well as from the Government side will bear me out that they too, leave alone the public, at one time or another have encountered lengthy delays in having their calls answered or put through. This state of affairs is not only annoying but it speaks very ill of the efficiency of the Telecommunications Department as a whole. It would be a waste of money invested in the improvements of our Telecommunications services if matters of such simple nature such as these undue delays are not remedied. Courtesy and politeness are some aspects which the public expect out of such Departments like the Telecommunications Department—regrettably quite often this is found to be lacking.

It is my hope that the fortune that is being devoted to the Second Malaysia Plan will ensure that such shortcomings in Ministries,

especially in Health and Telecommunications, would be put to good use, and thereby produce the intended results.

Mr Speaker, Sir, in conclusion, I would strongly urge the Government to refrain from spending taxpayers' money on "white elephants" but to check and double-check to ensure that every dollar allocated to the Second Malaysia Plan will result in the ultimate benefit of the "have-nots" in this country being brought to the same level as the fortunate "haves", thereby creating a nation that can boast of a contented society which in turn will assure peace and stability. Thank you.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang telah di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan Rancangan Malaysia Yang Kedua. Daripada Larut Utara, Dato' Yang di-Pertua, khusus-nya dan 'am-nya, saya rasa penduduk² Malaysia sakalian menjunjong tinggi dan menguchapkan sa-tinggi² tahniah di-atas kepintaran Yang Amat Berhormat Tun menyiapkan satu buku yang lengkap untuk membena satu babak yang baharu bagi tanah ayer kita.

Dato' Yang di-Pertua, beberapa Undang² telah pun di-jalankan larangan dan sa-bagainya, tetapi baharu² ini saya ucapkan tahniah kepada Dato' Yang di-Pertua menarek wakil dari Batu Gajah tadi beruchap perkara menaikkan perasaan perkauman dalam tanah ayer kita ini. Dia telah mengatakan sa-orang Melayu telah membuat ucapan menghapuskan bahasa China dan Tamil, tetapi beliau sendiri pun beruchap menaikkan darah dalam tanah ayer kita ini dan di-atas kepintasan Dato' Yang di-Pertua menegor dia, saya menguchapkan terima kaseh.

Dato' Yang di-Pertua, memikirkan soalan yang besar di-hadapan kita ini, saya berpendapat, Dato' Yang di-Pertua, beberapa masaalah kita hadapi, memajukan ranchangan yang raksaksa ini. Pertama-nya ia-lah kewangan. Kedua-nya ia-lah pegawai² Kerajaan. Yang ketiga-nya ia-lah menerima orang² yang tidak begitu bernasib baik yang akan mendapat faedah daripada ranchangan ini. Saya rasa mula²-nya ia-lah wang, tetapi di-atas keperchayaan kita yang penoh dan di-atas kejayaan² yang telah di-jalankan oleh

Yang Amat Berhormat Tun dengan jaya-nya mengadakan ranchangan tanah besar²an yang hampir² menggonggahkan seluruh dunia ini dengan jaya-nya, maka kita dapati soal kewangan itu dapat kita atasi dengan senang sahaja.

Maka datang pula, Dato' Yang di-Pertua, hal ehwal hendak menjalankan ranchangan² ini dan saya dapati Kerajaan sangat menitik-beratkan di-atas soal pakar². Saya rasa, kami dalam Rumah ini pun bukan ketinggalan sangat sa-tengah²-nya dapat undi terlebih besar, rasa saya, dan saya mendatangkan shor di-sini, Dato' Yang di-Pertua, supaya penyertaan kami pun mendapat persefahaman dengan pakar² itu.

Pada pendapat saya perkara² ini chuma bagus sahaja di-meja dan dapat menegor itu tidak baik dan ini tidak baik, tetapi bila hendak melaksanakan ranchangan yang besar²an, atau pun ranchangan yang berchorak sederhana mereka ini tidak dapat jalankan. Dan kerap kali kalau kita harapkan kepada mereka itu sahaja, ranchangan itu tidak sampai ka-mana bahkan tinggal begitu sahaja. Yang besar sa-kali pada pendapat saya, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah orang² yang akan mengambil bahagian dalam ranchangan ini. Saya rasa memandangkan kesulitan² kita yang sudah problem²-nya dan wakil² daripada pehak Pembangkang yang menegor Kerajaan begitu hebat kadang²-nya saperti pehak DAP., bukan semua, tetapi khas-nya saperti wakil dari Batu Gajah tadi, saya berfikir sudah sampai masa-nya kita memikirkan sa-mula, Dato' Yang di-Pertua, elok juga kita adakan sa-kurang²-nya sadikit discipline bagi orang² kita di-negara ini dan juga sadikit sa-banyak regimentation baharu-lah dapat di-jalankan segala urusan baik dan terator.

Rakan² saya baharu ini, Dato' Yang di-Pertua, melawat Negeri China di-sana mereka menyatakan kesemua-nya di-sana orang kechil, tua dan muda pakai pakaian seragam; warna-nya light blue. Apa tujuannya? Tujuan-nya ia-lah supaya hati mereka itu suchi dan bersefahaman—tidak ada iri hati antara satu dengan lain dan bijak-nya Kerajaan kita yang telah pun menjalankan-nya, ia-itu kita pakai baju batek, mengapa kita tidak ikut chontoh bagini. Saya rasa yang kurang sa-kali di-negara kita ini, negara yang kaya dalam dunia dan penoh dengan galian², perkara sa-mula jadi oleh Tuhan, tetapi kita kurang sa-kali ia-lah persefahaman yang baik, berjalan sa-bagai satu meshen dalam negara kita ini. Saya rasa chontoh yang baik itu, kita patut ikuti. Dan saya dapati rakan² saya memuji kedudukan sa-tengah² perkara dalam Negeri China, umpama-nya kita berjalan berbatu² dalam Bandar Raya Shanghai, hendak berjumpa satu puntong rokok pun tidak ada dan mereka bangga, kalau kata kopi mereka ta' tahu, chuma teh sahaja: tea is good for health. Mengapa tidak kita di-sini kita ta' usah minum teh, ta' usah minum kopi, ta' usah minum Ovaltine, ta' usah minum Milo bahkan kita katakan pineapple is good for health. Pineapple juice is good for health jadi baharu-lah kita sedar. Ini kita buang duit kita sahaja, Milo kita beli di-luar, Ovaltine kita beli di-luar, sa-tengah²-nya beli kopi dari luar, jadi kita tidak banggakan tentang keluaran di-tanah ayer kita ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat ini di-tempohkan sa-hingga pukul 2.30 petang esok.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.